

Laporan Persidangan

PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA MESYUARAT KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUABELAS`

Hari : **24 Julai 2008 (Khamis)**

Tempat : **(Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang)**

Jam : **9.30 Pagi.**

HADIR

Speaker (YB. Tuan Abdul Halim bin Hussain)
Ahli Kawasan Air Putih (YAB. Tuan Lim Guan Eng) – Ketua Menteri
Ahli Kawasan Penanti (YB. Tuan Mohammad Fairus bin Khairuddin) –
Timbalan Ketua Menteri I.
Setiausaha Kerajaan Negeri (YB. Dato' Jamaludin bin Hasan)
Penasihat Undang-undang Negeri (YB. Puan Faiza bt. Zulkifli)
Pegawai Kewangan Negeri (YB. Dato' Supiah bt. Md. Yusof)
Ahli Kawasan Perai (YB. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy) –
Timbalan Ketua Menteri II.

- “ Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow)
- “ Batu Maung (YB. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim)
- “ Bagan Jermal (YB. Tuan Lim Hock Seng)
- “ Batu Lancang (YB. Tuan Law Heng Kiang)
- “ Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh)
- “ Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang)
- “ Air Itam (YB. Tuan Wong Hon Wai)
- “ Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi)
- “ Machang Bubuk (YB. Tuan Tan Hock Leong) – Timbalan
Speaker
- “ Pulau Tikus (YB. Tuan Koay Teng Hai)
- “ Sungai Bakap (YB. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN)
- “ Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady)
- “ Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd
Rahman)
- “ Komtar (YB. Tuan Ng Wei Aik)

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Tuan Yeoh Soon Hin)
“ Tanjong Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu)
“ Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh)
“ Padang Lalang (YB. Tuan Tan Cheong Heng)
” Kebun Bunga (YB. Tuan Ong Khan Lee)
“ Bukit Tengah (YB. Tuan Ong Chin Wen)
“ Pantai Jerejak (YB. Tuan Sim Tze Tzin)
“ Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji)
“ Sungai Pinang (YB. Tuan Koid Teng Guan)
“ Pengkalan Kota (YB. Tuan Lau Keng Ee)
“ Jawi (YB. Tuan Tan Beng Huat)
“ Batu Uban (YB. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam)
“ Penaga (YB. Dato’ Haji Azhar bin Ibrahim)
“ Telok Bahang (YB. Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)
“ Telok Air Tawar (YB. Dato’ Hajah Jahara bt. Hamid)
“ Bayan Lepas (YB. Tuan Syed Amerruddin bin Dato’ Syed Ahmad)
“ Sungai Dua (YB. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed)
“ Pinang Tunggal (YB. Dato’ Haji Roslan bin Saidin)
“ Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah)
“ Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)
“ Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad)
“ Sungai Acheh (YB. Dato’ Mahmud bin Zakaria)
“ Bertam (YB. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab)

TURUT HADIR

Encik Rosmin bin Yaakob - Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

Dewan bersambung semula pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha:

Doa.

YB. Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula dengan perbahasan. Silakan YB. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Selamat pagi YB. Tuan Speaker, semua Yang Berhormat yang lain yang hadir dan terutamanya saya ingin mengucapkan selamat pagi kepada ahli-ahli pembangkang. Sudah lama kita jadi ahli pembangkang sekarang Yang Berhormat yang duduk sebelah di sini pun tahu, tetapi saya ucapkan juga selamat pagi kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Pembangkang.

Saya juga berterima kasih kerana diberi kebenaran untuk membuat ucapan ini sebagai menyokong ucapan Tuan Yang Terutama tempoh hari. Sudah empat hari Dewan bersidang dan saya dapat lihat, walaupun kejayaan tsunami pada 8 Mac 2008 yang lalu, iaitu mandat yang begitu besar diberi kepada Kerajaan Negeri yang baru yang tidak berasaskan politik perkauman. Saya lihat malangnya rakan-rakan saya di sebelah sini teras atau pun asas debat yang dibuat oleh mereka adalah berasaskan perkauman. Rakyat jelata di Negeri Pulau Pinang telah menolak *politic devicies*,(dengan izin) Yang Berhormat. Mereka masih mempermainkan isu politik perkauman.

Kita seharusnya fokus kepada isu-isu yang boleh membawa kejayaan dan kemajuan kepada rakyat jelata di Negeri Pulau Pinang. Secara amnya kita seharusnya fokus apabila kita berdebat berkenaan isu-isu tersebut dari segi bangsa Malaysia. Konsep bangsa Malaysia langsung tidak disebut oleh rakan-rakan saya dari pembangkang sejak tiga hari lalu. Saya semalam amat terharu apabila YB. Penaga menyatakan bahawa perkataan tsunami tersebut bermakna musnah.

Beliau juga berkata satu kenyataan di mana saya berpendapat cukup tidak bertanggungjawab iaitu tidak lama lagi rakyat Pulau Pinang akan musnah. Itu jelas apa yang dia sebut semalam. Itu tidak betul, apabila kita sebut tsunami, politikal tsunami yang berlaku pada 8 Mac yang lalu, ia adalah kemusnahan politik perkauman yang dilaksana dan dipraktikkan parti Barisan Nasional, itu yang termusnah. Rakyat Negeri Pulau Pinang terutamanya tidak menerima politik sebegitu lagi. Kita mesti tumpu dan fokus kepada isu-isu dari segi bangsa Malaysia. Politik perkauman kepada rakyat Pulau Pinang tidak relevan langsung, *infact* sebelum Persidangan Dewan Undangan Negeri bermula, isu perkauman dipermainkan oleh pihak pembangkang. Dari segi ini, pada hari Isnin, apabila Tuan Yang Terutama membuat ucapan, ada komen yang telah diberikan oleh Ketua Pembangkang, YB. Penaga, berkenaan dengan *dress code*. *Dress code* Ahli-ahli Dewan Undangan(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Silakan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sebelum pergi ke tajuk-tajuk lain, berkenaan tsunami yang dibangkitkan oleh YB. Datok Keramat. Tsunami ialah satu istilah yang digunapakai secara meluas. Semalam berlakunya ombak besar yang melanda beberapa negara termasuk Pulau Pinang. Tsunami ini saya tidak pernah mendengar ia membawa pengertian positif, yang ada ialah pengertian-pengertian yang berbentuk negatif. Seperti saya takrifkan pada hari itu, yang berbangkit seperti kata politikal tsunami, tetapi bila berlaku tsunami, yang berlaku ialah kemusnahan dan kehancuran. Saya berkata, kalau cara dan sistem Parti Rakyat ini mentadbir Pulau Pinang, lambat-laun rakyat Pulau Pinang akan mengalami tsunami, kehancuran dari segi politik, kemusnahan dari segi kehidupan aman-damai dan sebagainya. Ianya membawa ertikata negatif. Bercakap tentang perkauman, kami tidak sebut pasal perkauman.

Kalau hendak cara yang lebih jelas lagi, ialah dalam Dewan ini kami tidak sebut pun apa yang dikatakan perkauman. Yang dikatakan perkauman itu dalam perbahasan kita sejak hari pertama hingga hari keempat, mungkin kerana Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan. Mungkin sebab itu bila perbahasan dijalankan, mungkin Yang Berhormat ada tugas lain dan tidak berada dalam Dewan ini, jadi tidak jelas apa yang diperbahaskan. Kalau tidak silap saya, hari kedua tidak ada, kelmarin petang pun tidak ada. Jadi itu yang kita bercakap dan bila Yang Berhormat tidak jelas, jadi datang memberi ucapan dan membuat segala tuduhan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

YB. Penaga saya ada di dalam Dewan ini, kadang kala saya keluar, tetapi saya ada di dalam Dewan ini. Saya ada melihat cara dan teras kamu berdebat, cara semua ahli pembangkang berdebat adalah *actually motivated*. Bukan kita bercakap tentang bangsa Malaysia, sekarang di Pulau Pinang kita mesti bercakap tentang bangsa Malaysia. Kembali mengenai musnah, seperti apa yang kamu cakap tadi, kamu kata musnah itu ada elemen negatif.

YB. Tuan Speaker:

Bukan kamu, Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Bukan kamu, Yang Berhormat!

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Maaf. Yang Berhormat, musnah itu, apa Yang Berhormat katakan itu betul, ia adalah berkenaan elemen negatif, betul. Elemen negatif yang telah dimusnahkan adalah politik perkauman Barisan Nasional yang tidak lagi *relevent*, yang tidak lagi diterima dan ditolak oleh Rakyat Negeri Pulau Pinang. Itu yang termusnah. Itu makna politikal tsunami YB. dari Penaga yang saya ingin nyatakan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Beri laluan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Saya tidak beri laluan. Saya teruskan. Saya ada banyak lagi benda hendak cakap, saya hendak terus, saya hendak beritahu ada isu perkauman Yang Berhormat kata tidak dinyatakan langsung oleh pihak pembangkang, tetapi kita lihat pada hari pertama isu tentang *dress code* telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat pakaian ahli-ahli. Apa tujuan bawa isu tersebut selain daripada untuk unguis isu perkauman.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamad):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Saya tidak beri. Saya hendak nyatakan di sini tidak ada undang-undang atau pun nyatakan sebaliknya. Undang-undang yang wujud ini Dewan yang rangkakan undang-undang kita hormati undang-undang, kita amalkan undang-undang yang ada dan undang-undang yang ada membolehkan pemakaian pakaian adat istiadat atau pun pakaian cara barat. Itu undang-undang yang wujud, apabila kita buat pilihan mana yang kita hendak guna, kita pilih mengikut undang-undang. Apakah tujuan hendak unguis perkara ini, tujuannya jelas kalau ada undang-undang, kita lihat Peraturan 14 pakaian ahli-ahli ...(dengan izin).

YB. Tuan Speaker, ahli-ahli yang menghadiri Mesyuarat Dewan atau Mesyuarat Jawatankuasa seluruh Dewan hendaklah memakai pakaian yang diterima sah oleh YB. Tuan Speaker, iaitu pakaian kebangsaan atau pakaian cara barat yang lengkap. Jika ada pilihan dari segi undang-undang, tidak bangkit isu ketidak hormatan seperti mana yang dinyatakan, itu menyakitkan hati, dengar macam itu. Saya tidak mempunyai niat sebegitu tetapi telah dinyatakan oleh Ketua Pembangkang seolah-olah itu yang berlaku. Itu amat tidak bertanggungjawab, dia *veteran*, dia tahu undang-undang. Saya ikut sahaja undang-undang, Kerajaan Negeri ... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Bagi laluan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Saya belum habis lagi. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekarang mengamalkan satu polisi terbuka, termasuk kita boleh buat pilihan menurut undang-undang. Itu yang hendak saya sarankan, saya hendak tekankan itu. Tidak ada isu ketidak hormatan, saya teruskan YB. Tuan Speaker... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

YB. Tuan Speaker, saya minta maaf, saya juga menyentuh juga soal pakaian. Kita rujuk kepada Berita Harian 22.7.2008, okay, diantara sedutannya " YB. Speaker Abdul Halim Hussin berkata: tindakan 11 ADUN DAP itu tidak menjadi satu kesalahan kerana peraturan Dewan hanya menyebut mereka dikehendaki memakai baju kebangsaan atau pakaian barat pada Persidangan Dewan, bagaimanapun katanya adalah lebih baik jika mereka dapat memakai pakaian istiadat, itu sebagai tanda penghormatan kepada Abdul Rahman dan nampak seragam".

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Terima kasih YB. Tuan Speaker, saya tidak pernah sebut dalam Dewan, boleh buka handsard dan boleh lihat, jangan YB. Datok Keramat buat tuduhan yang palsu. Dalam handsard saya tidak pernah sebut dalam ucapan, saya kata tidak menghormati. Yang statement itu saya kata semasa di luar Dewan masa apabila *reporter* minta komen saya seperti apa yang dikata. Kami pun sama juga dengan YB. Tuan Speaker, saya tidak kata melanggar undang-undang kerana semua wakil rakyat dalam Dewan ini diperuntukkan RM1,000.00, kerajaan yang memperuntukkan sebelum ini kerana buat pakaian istiadat, pakaian rasmi. Jadi kami buat, kami semua pakai. Kita mengharapkan siapa juga sama ada Parti Kerajaan atau parti pembangkang, bila dalam majlis rasmi yang diadakan 6 bulan sekali, kita pakai, itu sahaja, saya tidak kata salah, kita pakai kerana itu majlis istiadat, cuma hendak pakai pun daripada semasa

perbarisan, masuk ke dalam Dewan, ucapan pun habis, 2, 3 jam, apa salahnya. Sekarang saya tengok pakaian melayu pun ada pakai, bukan melayu pakai pakaian melayu pun ada. *Its no problem*, tidak kata ini satu kesalahan, itu adalah tuduhan yang tidak benar. Saya tidak mahulah tarik balik, tarik balik, seperti macam YB. Seri Delima, dia cukup suka, tarik balik, tarik balik. Orang di luar tengok *live* ini, apa dok cakap tarik balik, tarik balik sahaja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

YB. Seri Delima masih belum serbu lagi hari ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Saya cakap dia tidak serbu, dia serbu terus. Apa yang saya nyatakan tadi Yang Berhormat Penaga ialah fakta bahawa ia telah dinyatakan betul, betul, sepertimana yang diakui tadi di luar, betul ia diperkatakan, di perkarangan Dewan ini. Isu sama ada di sini atau pun di luar, tidak membawa perbezaan, isu yang saya nyatakan mengapa diungkit perkara macam itu, walhal Yang Berhormat tahu peraturan membenarkan satu pilihan di buat *so why ...*(dengan izin) *that is the question*, oleh itu saya berpendapat *move on ...*(dengan izin) daripada isu-isu macam ini, sudah di zaman purba, *minda set* kita mesti ubah, semalam ada satu wakil rakyat daripada Pantai Jerjak ada sentuh tentang *mind set generation gap* yang wujud masih, *dinosaur age* dia kata, betul, kita tidak mahu tengok macam ini punya politik lagi di Pulau Pinang. Saya berpendapat bahawa mandat yang diberikan pada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekarang memerlukan kita bertukar fikiran, pengundi-pengundi telah mengundi satu Pakatan Rakyat yang tidak mengikut politik perkauman, tidak ada komponen Melayu, India, Cina. Pakatan Rakyat DAP, Keadilan, Pas, semua pun boleh masuk. Mandat yang diberikan kepada parti, prinsip politik yang sebegitu, kita mesti sekarang menghormati kehendak rakyat, kita mesti menghormati itu, dan salah satu perkara yang mesti dibuat untuk hormati itu ialah kita tidak mahu cakap lagi tentang politik perkauman.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Terima kasih YB. Tuan Speaker, *its very interesting* kalau kita berucap minta laluan dia bagi, sekat, sekat kita tidak pakai *point of order*, saya tidak mahu itu, ada orang minat.

Ini kalau hendak diperkatakan kami pembangkang, politik perkauman Yang Berhormat sebut tadi, kami terdiri daripada DAP, PKR dan PAS baru 3, kalau Barisan Nasional dia gabungkan bukan sahaja Melayu, Cina, Hindu, Kadazan, Murut semuanya turut, itu prinsip rakyat Malaysia yang kami pegang, bukan setakat 3, kalau di Kedah, Siam pun ada. Pandangan saya tengok mula Yang Berhormat cakap tadi tentang *mind set* dan sebagainya saya agak kecewa cara Yang Berhormat hujah pagi ini. Yang Berhormat *mind set* masih anggap lagi parti pembangkang, sepatutnya YB. bercakap sebagai Wakil Kerajaan atau pun penyokong kerajaan. Ini YB. daripada pagi sampai sekarang ini sepertinya seorang pembangkang menghentam kami, seolah-olah kami kerajaan. *Mind set* itu yang kena tukar.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Tuan Ong Chin Wen):

Minta laluan. Nampaknya YB. dari Penaga tidak faham apa yang dimaksudkan dengan parti pelbagai kaum. Saya hendak jelaskan di sini Pakatan Rakyat walaupun terdiri daripada 3 parti tetapi dalam setiap parti itu dianggotai oleh setiap kaum, iatulah yang dikatakan pelbagai kaum, terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan lagi. Cuba buktikan dalam parti DAP mana ada Wakil Rakyat Melayu yang bertanding atas tiket DAP. Apa yang saya cakap tentang politik kaum, mana ada orang Melayu. Kami terdiri daripada Cina ada, Hindu ada, tetapi kalah, depa kalah, depa tidak jadilah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Tuan Ong Chin Wen):

Minta laluan. Kalau macam itu, mana ada pula kaum Cina atau kaum India bertanding atas tiket UMNO.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tetapi di Kedah ada Siam bertanding atas tiket UMNO tetapi di sini tidak ada Siam. Mana ada, Sabah lagi banyak, yang masuk parti UMNO yang bukan orang Melayu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Apa rakan saya tadi dari YB. Bukit Tengah itu tepat, dia kata bermakna dalam UMNO mana ada Cina, India yang bertanding, saya bertanya Cina atau India bukan Siam. Sekarang macam ini di dalam Parti Pakatan Rakyat kita ada parti pelbagai kaum, itu isunya, tiap-tiap parti siapa pun boleh sertai, kita tidak mahu potong-potong komponen itu, itu sudah tidak relevan. Itu isu teras yang saya ingin tekankan di sini. Oleh itu saya nyatakan apabila kita berdebat, kita bercakap di sini kita tidak mahu cakap hal perkauman lagi. Saya bangkitkan tadi aturan 14 sebagai satu contoh apa yang diungkitkan, cara lama, fikiran lama, kita tidak mahu itu. Dengan kemenangan tsunami tersebut, dengan mandat yang diberikan saya begitu terpegun, *I am so surprise ...*(dengan izin) bahawa rakyat telah memilih ini. Itu pada saya adalah satu vision Bangsa Malaysia yang sedang dicapai, Tetapi saya ada harapan lagi, saya berharap ia boleh terus mara ke hadapan bukan setakat sini saja. Berkenaan ini saya ingin cadangkan di dalam Pakatan Rakyat juga kita ada room untuk tidak mahu menjadikan satu kaum itu lebih besar atau pun kecil dari, kita cakap Malaysia Bangsa Malaysia, semua sama rata semua Malaysian, itu yang teras yang kita nak buat. *Now*, berkenaan ini, saya ada satu cadangan yang saya ingin kemukakan pada Kerajaan Negeri saya, YAB. Ketua Menteri, *for the first time*, kali pertama pengiktirafan diberi kepada satu kaum ahli India menjadi *Deputy Chief Minister, for the first time, historical* itu adalah satu perkara yang bersejarah. Tetapi saya ingin mencadangkan supaya tidak perlu ada DCM 1, DCM 2, DCM cukup. Mengapa ada satu, mengapa ada dua. Kita boleh terus mara ke hadapan dengan konsep idiologi Bangsa Malaysia ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta Laluan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Saya belum habis lagi. Saya ingin minta Kerajaan Negeri saya ini supaya mempertimbangkan ini, sama ada ini boleh dibuat. Tiada peruntukan, tiada peruntukan untuk 1, 2, 3 dan sebagainya. So ini boleh dibuat. Ini akan mencapai lagi kehendak, hasrat mandat begitu besar yang diberikan oleh rakyat Negeri Pulau Pinang, supaya kita tak mahu main politik perkauman lagi. Saya cadangkan itu kepada Kerajaan Negeri saya.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria)

YB. Tuan Speaker, Cuma nak tanya YB. Timbalan Ketua Menteri ini adakah termasuk dalam perlembagaan kita lantik secara rasmi.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Okay, terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya masih ingat lagi isu tentang YB. Timbalan Ketua Menteri. Masa itu Ketua Pembangkang yang duduk di sini. Dalam Dewan yang mulia ini, ialah sekarang penasihat DAP tahun 1990 hingga 1995, Bagan Jermal ada di sini masa itu, Padang Kota pun ada. Isu ini dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang di kala itu yang mengatakan bahawa YB. Timbalan Ketua Menteri itu tidak ada dalam perlembagaan Negeri Pulau Pinang dan juga peraturan mesyuarat. Dia mengatakan dengan kata-kata yang begini, Ketua Menteri yang tidak sah, haram *null and void*. Tapi kami di sini, duduk di sini kami tak kata pun perkataan-perkataan sebegitu untuk menjatuhkan maruah, menghina atau mencabar yang sebegitu. Tetapi pernah diungkapkan dalam dalam sesi tahun 1990 – 1995. Kali pertama saya ingat, eh, eh, Batu Maung, eh bukan Batu Maung *sorry*, Telok Bahang pun ada. Ini bukan di ada ada kan. Saksi masih ada. Kami tak bangkitkan soal perkauman tak perkauman ka, ada dalam perlembagaan ka, no, terima kasih. Itu kami menghormati sama-sama wakil rakyat dan jawatan yang disandang.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Saya ingat *point* yang saya nyatakan tadi, *completely misused the point* lah Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan. Bukan saya tak faham YB. tadi minta kita ada satu saja tak kira kaum. Tapi soal kedudukan YB. Timbalan Ketua Menteri yang saya nak jelaskan di sini kami tak kisah, kami tak peduli, ada satu ka, dua pun, kami adakah kami pertikaikan? Kami tak pertikaikan. Itu yang saya nak jelaskan pendirian kami. Bubuhlah satu pun tak pa, dua pun kami tak pertikaikan, bubuh tiga pun kami tak persoalkan. Itu pendirian kami.

Ahli Kawasan Datok Keramat ((YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Jadi *I take it* ...(dengan izin) YB. Penaga setuju dengan cadangan saya satu dan dua tak perlu di situ lah, satu macam besar, dua kecil, kita tak mau, kita tak mau macam tu. Kita dalam zaman ini kita sudah terus mara ke hadapan. *Point* yang saya nyatakan, kalau ini boleh di buat kita akan mencapai lagi kehendak rakyat Pulau Pinang yang menyatakan kita tak mau tengok yang satu kaum besar dari kaum lain yang kecil, tak mau semua tu lagi. Kita *work together* ...(dengan izin) secara Bangsa Malaysia, rakyat anak Negeri Pulau Pinang. *That is the point I am trying to say.*

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya tak kata saya setuju, itu terserah, saya tak kata saya setuju, saya membantah atau saya menghalang, terserah apa yang Kerajaan Negeri pertimbangkan yang terbaik, buat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Penjelasan. Bagi saya cakap, boleh. Terima kasih. Saya ingat kita tak payahlah bincang banyak-banyak sangat tentang isu multi-racial sebagainya. Kita dah lama dah merdeka 50 years. 50 tahun merdeka, kita dah faham, dah kenal semua, kawan-kawan kita dari berbilang kaum. Tak payah bawa ke sinilah bincang. Tentang isu YB. Timbalan Ketua Menteri, kalau ikut konsep YB. Datok Keramat, tak payah lantik sampai 2, 1 cukup lah. *Then*, Datok Keramat kena ingat, kawan Datok Keramat, Permatang Pasir, dia *multiracial* ka parti dia, dak. Tapi dia boleh berkawan, boleh berkawan tak payah timbul lah isu ini, tak payah timbul isu, kita bincang pasal lain, banyak lagi hal rakyat yang kena bincang.

YB. Tuan Speaker:

Sila

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):

Ini bukan pasal, kita nak jelas sikit saja, sebab ada sebut sikit tadi PAS tu, ada tak, dak di kata PAS tadi, PAS pun ada sebagai kawan, bukan YB. Timbalan Ketua Menteri. Soalannya sekarang macam ini, PAS ini, dia tidak parti perkauman, dia berdasar dia tidak dasar kepada bangsa, dia berdasar kepada Islam. Kalau siapa boleh masuk Islam itu saja, maka boleh masuk PAS. Itu sebab kita pernah melatakkkan calon-calon di kalangan orang Cina. Syaratnya dia masuk Islam ya. Yang persoalan yang dibangkit tadi, persoalan perkauman Melayu, tapi kita adalah, konsep kita adalah Universal, lebih daripada itu lagi. Bahasa Arab bukan bangsa Melayu, Islam bukan untuk orang Melayu saja, tapi persoalan yang dibangkit tadi, persoalan untuk perkauman Melayu, itu kena ingat YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya kita tadi cakap itu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Boleh kah, penjelasan. Saya nampak, saya perhatikan Permatang Pasir ini orang lama dulu nampak lemah sikit, sekarang ini nampak bukan main semangat cakap dia. Cuma saya ingin mengingatkan Permatang Pasir, ingatkan Permatang Pasir, dulu ada Fatwa kan, Fatwa Haji Hadi ada dulu, kita boleh berkawan dengan DAP, eh, dengan apa, dengan MCA, Gerakan, MIC kawan tak boleh...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):

Sudah diselesaikan oleh Majlis Fatwa, sudah diselesaikan oleh Majlis (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Nanti dulu. ala. Sekarang boleh pula. Jadi Fatwa tu dah tarik balik ka? Tak tarik lagi. Yang saya tau tak tarik lagi. Boleh pula berkawan. Jadi apa hukum dia? Tapi kita daripada dulu pun tak ada perkauman dah. Kita daripada Merdeka dulu kita merdeka pun kita sama-sama sampai sekarang. Jadi tak payah lah timbul ni, isu perkauman, kita dah faham. Saya berkawan dengan semua orang, dengan Bagan Jermal saya berkawan, Padang Kota saya berkawan, dengan penasihat apa nama, DAP saya berkawan lama, *no problem*. Jadi tak payah timbul, saya kira ini isu dah lama dah basi dah, tak payah lah kita bincang, kita cakap pasal lain pula.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

YB. Telok Bahang. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. kerana Yang Berhormat. faham itu, itu saya ucapkan terima kasih lah. Saya tahniah pada itu, tapi banyak orang dalam parti UMNO tak faham. Itu masalah dia. Itu pasal saya nak bangkitkan hari ini di sini. Kita boleh tengok daripada, daripada isu luar daripada Dewan Undangan ini, dua tiga hari *UMNO Youth*, Pemuda UMNO tentang papan tanda jalan raya, bawa lagi isu nak hangat-hangatkan. Saya harap YB. Telok Bahang, hari itu pun YB. Seberang Jaya, Datuk Arif. Betul apa yang kita cakap. Kita tak setuju dengan ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Minta laluan. YB. Tuan Speaker, saya tak berapa pandai pasal undang-undang apa nama ni, ahli daripada Datok Keramat dengan bapanya seorang peguam, yang saya tau, rujukan perlembagaan menyatakan bahasa rasmi adalah Bahasa Malaysia. Di dalam semua urusan kita, kita menggunakan Bahasa Malaysia. Adakah kita ingin menghormati apa yang termaksud di dalam perlembagaan, atau kita sengaja hendak mengadakan sesuatu yang boleh menambahkan *populist* dan sebagainya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Bahasa rasmi yang dikatakan perlembagaan Persekutuan itu tidak terpakai pada papan tanda jalan raya. Itu bukan bidangkuasa Perlembagaan Persekutuan. Itu terpakai pada macam urusan mesyuarat dalam Dewan, urusan mahkamah dan sebagainya. *National Language Act* ada di situ, tak terpakai pada papan tanda. *Now, isu* yang saya bangkitkan tentang apa YB. Telok Bahang nyatakan dia sudah faham kita tak payah bercakap macam ni. Tapi dia tak faham Pemuda UMNO masih sana bising, keriau, *don't play with fire* ...(dengan izin) itu apa yang dia orang kata. *Now*, itu yang saya tak puas hati...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Tak pa, tak lagi, tak lagi, saya belum habis lagi, sekejap. *Now*, itu yang saya tak puas hati. *Now*, itu yang saya sebab dia saya bangkitkan ni, saya bukan nak bangkit saja-saja. Saya nak bangkit supaya mungkin YB. yang faham dapat bagi iktizar atau pun boleh *educate* sikit ..(dengan izin) ahli Pemuda UMNO tersebut. Itu, itu yang saya bangkitkan. Silakan.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Saya nak minta Ahli Datok Keramat jangan menyempit apa yang maksudkan atau pun dinyatakan di dalam perlembagaan berkenaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi, kerana kalau bagaimana kita nak meletakkan Bahasa Malaysia bahasa rasmi kalau tidak di dalam semua urusan, di dalam semua eh.. apa yang dinyatakan yang ...(dengan izin), *visible* sebagai penghayatan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi. Papan tanda itu pun adalah satu daripada penghayatan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi. Jadi jangan kita sempitkan penggunaan Bahasa Malaysia itu hanya sekadar surat menyurat atau pertuturan di dalam majlis-majlis rasmi.

Dan berkenaan dengan isu Pemuda UMNO membuat bantahan dan sebagainya, saya rasa YB. Datok Keramat juga yang menyanjung hak masing-masing untuk bersuara. Ini telah termaksud dalam perlembagaan juga. Ini kebebasan untuk bersuara menyatakan pandangan, jadi kalau pihak Yang Berhormat ingin menyatakan apa-apa pun, ini adalah hak masing-masing. Jadi Pemuda UMNO pun mempunyai hak untuk menyatakan pandangan mereka.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Tuan Yeoh Soon Hin):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Yes.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Tuan Yeoh Soon Hin):

Adakah YB. Datok Keramat sedar bahawa, walaupun agama Islam merupakan agama Persekutuan, tapi agama-agama lain juga dibenarkan dalam persekutuan. Konteks ini juga sama bagi Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan tapi ada kah bahasa lain dilarang oleh Perlembagaan Persekutuan kita.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh) :

Jadi isu, isu yang saya bangkitkan tadi, saya kembali pada apa YB. dari Telok Air Tawar nyatakan tadi, ya saya setuju hak untuk menyuarakan apa-apa yang, secara bebas. Saya setuju pada tu, tapi saya kembali pada apa Telok Bahang kata tadi. Apa yang dia kata, saya begitu gembira hari ini. Dia veteran, dia tak mau ingat macam ini, tapi malangnya Pemuda dalam parti kamu masih ingat macam tu, apabila mereka buat bantahan, ia adalah semua berdasarkan teras perkauman. Sekarang kita tidak nyatakan saya tak mau Jalan Macalister dipanggil Jalan Macalister, ia masih Jalan Macalister tapi kita taruh, sudah pun ada Macalister Road, cuma untuk mencapai kehendak mandat besar yang diberikan oleh rakyat Negeri Pulau Pinang, kita tak mau lagi ini perkauman semua, kita taruh pun Cina di tempat Cina, Jawi di tempat ada orang Melayu banyak.

Saya harap, hari ini saya nak buat cadangan pun Jalan Gurdwara, buat satu Punjabi punya papan tanda, boleh tak boleh,... (tepuk) saya minta saya punya YAB. Ketua Menteri. Ini bangsa Malaysia, kita tengok mana-mana gambar pun, *you* selalu tengok satu. Orang Singh sana dengan turban dia, dia ada satu *feature*. Bangsa Malaysia. *So why not* kita...(gangguan)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Why not kita...juga bagi pengiktirafan pada bangsa Sikh. Kita bagi pengiktirafan pada bangsa Sikh, pengiktirafan saya minta satu jalan iaitu rumah ibadat tu Gurdwara tersebut salah satu ibadat yang tertua di Malaysia di negara ini. Di situ tak bolehkah di situ kita katakan letak satu papan tanda dalam Bahasa Sikh. Itu saya minta.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pun heran kita bercakap kita tak mahu bercakap tentang perkauman, tetapi yang dibangkitkan sekarang ini kita nak tang ni tulis jawi tang ni tulis apa Sikh sedangkan kita nak cakap tentang Malaysia. Apabila kita nak bercakap tentang Malaysia, Bangsa Malaysia kita harus menggunakan satu bahasa bagaimana orang Indonesia menggunakan hanya satu bahasa iaitu Bahasa Indonesia.

Kita Malaysia gunakanlah satu bahasa iaitu Bahasa Malaysia awat orang Cina kita tak tahu ka baca Bahasa Malaysia, kita Bangsa Malaysia, Bangsa Malaysia bukan Bahasa Melayu kita tak kata Bahasa Melayu pun. Kalau kita nak tulis tiap-tiap bangsa ini Bahasa Malaysia, Bahasa Cina ini Bahasa India ini maknanya kita masih perkauman. Saya ingat sudahlah kita masih perkauman memang tak payah bercakap tentang perkauman kita bercakap tentang Bahasa Malaysia iaitu Bangsa Malaysia.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Oleh itu saya kata kita bukan nak ambil keluar Jalan Macalister itu, kita nak tambahkan kita bagi pengiktirafan memang Bahasa Malaysia memang *speacial* bahasa negara kita. Saya dapat A1 dalam SPM Bahasa Malaysia. Saya punya sekolah ada 4 orang Melayu mereka tak dapat A1 saya Singh saya dapat A1, saya baca Sastera Melayu SPM tahu tak. Saya memang hormati Bahasa Melayu jadi saya ingat masa sudah tiba kita terus mara ke hadapan kita bagi pengiktirafan pada kaum-kaum yang lain. Itu yang saya nyatakan. / tak mahu keluarkan Jalan Macalister itu saya katakan tambah yang lain pula itu yang kita katakan iaitu teras polisi Pakatan Rakyat kita. Dan saya harap Kerajaan Negeri kita akan dapat teruskan dengan projek ini.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Ini saya tertarik perbincangan tadi Yang Berhormat Datok Keramat menceritakan dan bercakap panjang lebar sebagai satu bangsa iaitu Bangsa Malaysia. Ini yang ditimbulkan oleh YB. Sungai Dua kalau kita nak bercakap tentang Bangsa Malaysia, Bangsa Malaysia hendak dicampur banyak-banyak bahasa lagi? Mengapa hanya tak pakai satu mendaulatkan satu bahasa, Bahasa Malaysia?

Tak salah menggunakan Bahasa Cina semua tapi pendaulatan nama kalau orang pelancong datang tengok inilah Bahasa Malaysia, Bangsa Malaysia ini satu bangsa ini satu bahasa itu. Melanggar tetap melanggar tidak menghalang pada penggunaan dalam bahasa lain. Tapi dalam soal ini kalau hujah mengatakan satu Bangsa Malaysia juga kita juga memperjuangkan satu bahasa. Jangan putar sana putar sini. Cukup semua orang mengerti ini tetapi yang kita nak mempolitikkan isu ini saya rasa daripada pagi tadi sampai sekarang dok cakap pasal macam itu saja tidak mendatangkan kebaikan apa-apa jua. Itu sahaja. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar):

Tadi kita sebut Jalan Macalister akan dikekalkan kalau di Seberang Jaya nama jalan, Jalan Tuna kalau nak *translate* dalam Bahasa Cina Jalan *Tu Na. Tu tu* Jalan Racun ka? Kalau nak ditukarkan nama Jalan Semilang itu ke Jalan '*Se mi lang*' ...(Bahasa Cina), siapa punya jalan? Jadi susahlah. Jadi kita kurang fahamlah nanti kalau nak bubuh '*semilang*' '*ha mi lang eh*'....(dengan izin)... Jadi tak tahu siapa punya jalan. Jadi inilah perkara-perkara yang kita telah persetujui bahawasanya kita gunakanlah Bahasa Malaysia tetapi kita tak membantah itu kawasan-kawasan pelancongan di *board-board* tertentu kita tulis bahawa di kawasan ini di Sungai Puyu ada apa-apa terdapat di situ. Di Tanjong Tokong Sungai Puyu kawan baik saya misalnya saya kena sebutlahkan ada ikan puyu ka.

Itu tidak apa kita nak tulis seberapa banyak kerana hendak lebih ramai pelancong dan mengenalilah apa yang ada termasuk di kawasan-kawasan Punjabi kerana apakah kesan-kesan sejarah yang mungkin orang lain nak tahu dan perbezaan Punjabi di antara apa itu Punjabi apa itu Sikh dan sebagainya. Mungkin kita tak tahu kalau kebetulan dia masuk ke satu Kuil Punjabi dan ini satu Kuil Punjabi dan ini satu Kuil Sikh, Punjabi dari Punjab daripada mana ka saya pun tak berapa tahu sangat. *Ok no problem* itu sahaja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Tuan Koay Teng Hai):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Tuan Koay Teng Hai):

YB. Seberang Jaya yang itu yang konsep sedia ada sedang dihurai daripada itu Seberang Jaya yang penting sekali kami mewujudkan tanda papan yang *different language* ...(dengan izin) saya ingat sahaja satu seorang YB. sahaja Seberang Jaya yang dari pembangkang faham apa yang kami nak mewujudkan itu papan tanda yang lain tidak ada ikut apa yang kami cadang. Terima kasih.

YB. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat kita ada pengumuman sedikit. Untuk sidang pada hari ini saya cuba nak hadkan bukan saya tak bagi lebih daripada sejam kalau boleh 30 minit, tetapi kalau sejam tu sudah lebih, jadi mungkin kita tidak boleh habis dalam persidangan ini seperti yang dijadualkan. Jadi cuba sesuaikan dan bila memberi peluang untuk penjelasan apa semua ni dalam tempoh diberikan dan kita dah hampir dah sejam jadi Yang Berhormat jadi sila kita teruskan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Ya terima kasih. Yang Berhormat dan saya nak teruskan dengan *point-point* yang lain. Saya ingat *point* untuk menyimpulkan *point* yang saya nyatakan tadi kita sudah terus mara ke hadapan dengan mandat besar yang telah diberikan kita tak mahu bercakap tentang politik perkauman yang di zaman purba itu sahaja. Saya teruskan dengan visi dan misi Kerajaan Negeri di bawah sistem CAT ada 1, 2 *point* yang saya nak bangkitkan berkenaan dengan sistem ini. Sekarang apa yang berlaku dalam *open tender* dan sebagainya mesti diberi pengikhtirafan yang sepenuh-penuhnya dan setinggi-tingginya *infact* ini adalah satu sistem yang seharusnya dipraktikkan di semua negeri lain di keseluruhan negara kita Malaysia. Dan harap-harap satu hari nanti kita akan ambil alih Kerajaan Pusat ini akan berlaku. Hari ini, ini memang tidak akan berlaku kerana kita tahu pendirian Barisan Nasional apabila Kerajaan Negeri baru ditubuhkan ada demonstrasi, mereka ada demonstrasi mereka anti dengan sistem yang macam ini. Demonstrasi di adakan Ketua Pembangkang sendiri.

Kita tahu mereka tak mahu terima sistem macam ini. *Infact* kita tengok di Pulau Pinang kita cuba praktikkan satu dasar ekonomi yang akan menjimatkan wang untuk rakyat. Y.A.B Ketua Menteri dan Ahli EXCO kita tak beli kereta dan sebagainya dan banyak perkara yang dilakukan untuk *saving*. Tetapi kita lihat Kerajaan Negeri Barisan Nasional hari ini di Negeri Terengganu RM3 juta 14 buah biji kereta Mercedes mereka beli atas alasan Perdana nak *repair* RM100 ribu nak beli Perdana baru punya RM100 ribu dia pi *repair* mana

saya tak tahu Terengganu *workshop* banyak-banyak tinggi bawa mari Penang kita boleh repair bagi dia orang. *No problem cheap*. Tapi ini teras Kerajaan CAT yang mesti diberi pujian yang setinggi-tingginya.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan *on that*..tadi yang *point* pertama tadi. Terima kasih. Saya dengar pada hari pertama Yang Berhormat berkata bahawa demonstrasi itu diketuai oleh YB. Penaga dan hari ini tak sebut diketuai pula. Untuk pengetahuan Yang Berhormat itu adalah salah bukan saya yang mengetuai, saya ada saya terlibat ini pembetulan. Saya terlibat secara aktif saya aktif saya mengaku dan bukan saya nak menyorok dan sebagainya tetapi bukan saya kepalanya. Yang kedua, yang demonstrasi itu bukan soal tender. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mengatakan nak menghapuskan Dasar Ekonomi Baru dia kata macam itulah tengoklah dalam paper mana pun dia tak kata pun. Sat, sat sikit lagi. Tapi itu yang dilaporkan dalam akhbar-akhbar sebab itu bukan sahaja di Penang pemimpin seluruh negara memberi komen. Sebab itu orang ramai dan pemimpin-pemimpin negara memberi komen-komen membantah itu. Walaupun dia tak kata macam itu Yang Berhormat kata tak macam itu tak betul juga tapi itu *perception* seluruh rakyat Malaysia. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Sememangnya YAB. Ketua Menteri saya tak menyatakan sebegini. Ia telah diputarbelitkan oleh beberapa akhbar media dan *infact* telah diperbetulkan oleh satu dua akhbar. Kerana ini dalam hitam putih dan *black and white* ..(dengan izin) so saya tak mahu sentuh tentang isu ini lagi tapi berkenaan dengan demonstrasi tersebut saya ucapkan terima kasih untuk membuat pengakuan di sini di Dewan ini bahawa kamu terlibat secara aktif.

YB. Tuan Speaker:

Yang Berhormat...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Sorry Yang Berhormat saya meminta maaf, so yang *point* yang saya nyatakan tadi berkenaan dengan demonstrasi-demonstrasi sebegini kalau tak berhala tujuan langsung saya mendapati bahawa demonstrasi itu diadakan tanpa membawa atau mengemukakan satu memo atau apa kepada Kerajaan Negeri. Dulu ada demonstrasi sebelum pilihan raya yang ke-12 dalam lingkungan 6 bulan sebelum itu banyak demonstrasi-demonstrasi di Kuala Lumpur kita lihat Hindraf, *Bar Council* dan sebagainya tapi mereka membawa memorandum ada tujuan bukan sahaja demonstrasi bukan nak kacau-bilau itu memang tidak betul.

Di peringkat ini saya ingin nyatakan, ingin saya sarankan bahawa pada Ketua Pembangkang yang selalu berkata kepada YAB. Ketua Menteri saya kita sudah pi *training* atau tidak. Saya hendak sarankan pada Ketua Pembangkang pi buat *training* pula macam mana nak jadi pembangkang yang bagus. Saya ada banyak orang saya boleh *recommend*. Saya nak sarankan. Ada demonstrasi bagilah memo kita nak tahu apa *you* punya rungutan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar):

Mohon laluan pendek sahaja.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Banyak laluan nanti saya tak habis lagi.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar):

YB. Tuan Speaker sebenarnya. Kadang-kadang demonstrasi ada yang bagi memorandum. Tetapi kadang-kadang demonstrasi itu ialah dia beritahu masih ada yang perlu dibela. Dia cuma beritahu *the existence of* ada satu kumpulan yang masih terasa tersentuh dengan sesuatu isu yang mungkin betul dan mungkin tidak betul. Tetapi *show off* dia berada di situ, ada juga orang yang berbangsa Melayu terasa sedikit perkara-perkara yang disentuh tetapi benar atau pun mungkin tak benar dengan demonstrasi-demonstrasi itu.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Demonstrasi ini kalau kita tengok sejarah negara kita siapa yang dok buat demonstrasi banyak ini? Ya. Siapa dok buat ini? Ada sampai kena masuk jail dan sebagainya. Jangan cakap pasai demonstrasi la. UMNO atau pun NGO yang nak buat demonstrasi itu yang diikuti juga oleh beberapa pemimpin UMNO ya, kita nak ungit di sini. Juara demonstrasi rasanya satu Malaysia pun tahu *De factor*, Ketua De factor ialah PKR.

Dengan ada masuk jail pun ada semua ada demonstrasi sampai boleh kata sampai ada kes yang melibatkan dengan, tak mahu sebut namalah.

YB. Tuan Speaker:

Kes mahkamah. Saya rasa tak payah sebut. Jangan masukkan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Demonstrasi ini boleh kata seminggu sekali, dua minggu sekali sebulan sekali sampai ke Parlimen pun nak buat demonstrasi. Jangan cakap pasai demonstrasi kata kami buat demonstrasilah, itu adalah satu yang tak adillah. Sekali nak ungit seribu kali. Itu meluahkan perasaan dan kemarahan kami. Itu sahaja. Okay, terima kasih.

YB. Tuan Speaker:

Saya bagi 5 minit lagi.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Yang Berhormat ada banyak lagi. Saya ada banyak lagi. Saya mesti cakap Yang Berhormat,

YB. Tuan Speaker:

Saya bagi lagi 10 minit. Boleh?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Tak boleh, tak boleh. Dia orang mintak laluan. Tak boleh. Minta laluan, penjelasan dan ini semua. Sekarang saya sambung tak kasi siapa pun cakap satu orang. Tak boleh ini tak adil.

YB. Tuan Speaker:

Peruntukkan sebanyak 10 minit. Dah sejam ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Saya merayu orang Datok Keramat nak 20 minit. Itu sahaja. Ok.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Perbezaan negeri dan Pakatan Rakyat itulah kita tak pergi heret orang tangkap orang masuk penjara, masuk mahkamah kita tak bagi. Kalau macam itu tak tahu berapa orang hari itu demonstrasi masuk dan mungkin YB. pun tak ada di sini. Kita bagi can tapi demonstrasi mesti ada tujuan itu *point* yang saya buat, tak bagi. Tak bagi dah. Saya bagi *point* pada mega projek banyak mega projek yang tergendala saya cadangkan projek-projek seperti itu seperti Monorel, *Second Bridge*, BORR apa yang di *argue* ...(dengan izin) oleh pihak pembangkang ini bukan dibatalkan ia ditangguhkan, jadi isu untuk menyaman dan sebagainya tidak timbul, tetapi pada saya itu langsung tidak bermerit, dengan penangguhan projek-projek ini rakyat Negeri Pulau Pinang terutama industri-industri yang besar akan mengalami kehilangan dan ganti rugi kerana mereka telah diberi janji di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan bahawa sekian-sekian projek akan dilaksanakan, so hendak kata ia ditangguhkan saja tidak dibatal jangan saman tidak betul, saya cadangkan menyarankan kepada Kerajaan Negeri mempertimbangkan supaya teruskan dengan satu tindakan undang-undang di mahkamah terhadap Kerajaan Persekutuan menuntut ganti rugi bagi rakyat Negeri Pulau Pinang, bagi penangguhan projek-projek ini.

Saya juga hendak menyentuh tentang kakitangan kerajaan kita, telah dibangkitkan semalam oleh Ahli Pembangkang, kita hentam saja, kita hentam saja kita tidak faham, bahawa Kerajaan Negeri mereka kakitangan kita, saya ingin menyatakan bahawa kakitangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah jentera yang akan menggerakkan polisi-polisi Kerajaan Negeri yang baru. So kita harapkan kerjasama daripada mereka dan saya setuju sebulat suara dengan YB. Seberang Jaya yang mengatakan pada hari itu mungkin ada satu atau dua ...(dengan izin) *bad apple* tetapi semua tidak begitu saya setuju dengan dia, saya ada satu kes di Datok Keramat yang melibatkan satu kuil di mana di hadapan Hospital Pulau Pinang penempatan kuil di tapak pembinaan kuarters baru hospital, anggota hospital, kuil itu terletak di tengah-tengah tapak tersebut. Kementerian kesihatan telah bersetuju untuk memberi lokasi kuil tersebut dalam pelan pembangunan yang dikemukakan kepada MPPP. Dalam pelan itu ada tempat di lokasi kuil tersebut, so biasanya kes-kes isu kuil ini sensitif, *the first step* ...(dengan izin) kita mesti cuba *first week then* ...(dengan izin), *untuk below kis first* dia orang tidak mahu pindah biasanya, ini kes sudah diatasi mereka setuju untuk pindah, tunggu pelan itu dilulus.

Apabila saya pergi berbincang dengan YDP MPPP tunjuk pelan tersebut, Yang Berhormat YDP itu mengatakan, dia memberitahu kepada saya ini pelan lokasi, tapak di lokasi itu di luar garis binaan. Ini menunjukkan begitu baik prestasi kakitangan tersebut saya tabik pada dia. Dia tunjuk pada saya bagaimana Kerajaan Persekutuan ini hendak tipu orang Datok Keramat. Kuil tersebut dan sekarang kita dalam proses mendapati satu tapak di lokasi yang baru so, saya ingin mengatakan di sini bahawa sememangnya ada kakitangan yang begitu baik prestasi dia, bekerjasama dengan kita, bukan kita hentam-hentam sahaja. Apabila dia buat baik *credit will be given where deserve* ...(dengan izinnya).

Yang Berhormat, *now* saya teruskan dengan apa yang hendak saya katakan, berkenaan dengan isu pelancongan satu, dua perkara sahaja, kita tahu sekarang Pulau Pinang mengamalkan satu konsep *global world class city*, memandangkan ini apa yang penting untuk dipertimbangkan ialah penguasaan Bahasa Inggeris amat penting, kita tidak mahu cakap kaumkah apa, kita tengok isu daripada *prospective global world city*, kita hendak promosikan Penang sebagai itu, so penguasaan Bahasa Inggeris sebagai

lingua franca adalah amat penting, semua orang daripada Kerajaan Negeri, kakitangan dia pada rakyat jelata, penguasaan Bahasa Inggeris amat penting untuk *facilitate*(dengan izin). Apabila pelancong datang bagaimana kita hendak komunikasi dengan dia dan sebagainya *otherwise*(dengan izin), kalau tidak susah ada *barrier*. So saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya di Pulau Pinang mungkin satu hari kita mula di peringkat Kerajaan Negeri satu hari kita cuba *encourage*(dengan izin), percakapan Bahasa Inggeris antara kakitangan dan sebagainya. Itu cadangan saya supaya ini dapat *flow down effect* pada rakyat amat penting, amat penting. Saya juga ingin mengatakan bahawa isu yang juga amat penting perlu diambil kira dan ditangani isu pembanterasannya jenayah. Di Pulau Pinang ada banyak jenayah yang masih belum diselesaikan.

Antara lainnya satu yang baru-baru ini *just before* sebelum hari Deepavali tahun lalu satu peguam terkenal, senior Dato' SP. Anamalai dia terbunuh di luar pejabatnya di siang hari dengan ditikam in *broke delight*. Sampai hari ini apakah status siasatan terhadap kes tersebut dan bukan dia sahaja, sebelum dia ada banyak kes lain yang melibatkan peguam itulah saya pun masih takut banyak, sebab saya pun peguam tapi isu ialah apakah prestasi siasatan polis kita ini memuaskan atau tidak, saya sarankan dan menyeru supaya siasatan polis dapat dipertingkatkan lagi jadi optimum.

Baru-baru ini ada di dalam laporan akhbar bahawasanya YAB. Ketua Menteri saya pada 9 Julai 2008 kononnya berada di dalam satu perbincangan dengan ditaktor *leader* keadilan walhal pada hari dia sebenarnya berada dengan TYT di dalam satu majlis, bagaimana siasatan boleh merumuskan atau pun membawa kepada hasil satu keputusan sebegitu, tidak betul so, kita mesti pertingkatkan siasatan daripada pihak polis supaya kes-kes dapat disiasat dengan betul supaya langkah-langkah yang perlu dapat diambil mutu siasatan mesti dipertingkatkan kita mesti meminjam teknologi daripada luar negara kalau perlu *we have to buff for world there is consent otherwise* ...(dengan izin), *crime rate* kita akan terus berleluasa tidak dapat dikawal, saya harap siasatan yang adil juga dapat diberi kepada semua kes termasuk YB. Penaga tadi mengatakan kes terlibat *de factor leader* tersebut.

Saya harap satu siasatan adil akan diberikan, kalau ada tohmahan, konspirasi kita siasat tohmahan tersebut cari dalang di belakang konspirasi tersebut. Kalau betul, tetapi mesti adil itu apa yang saya sarankan, sebagai untuk mengakhiri ucapan saya, kes seleweng tanah telah dinyatakan berulang kali daripada rakan saya YB. Penaga siasatlah bagi kita *proof* jangan cakap sahaja. Saya ini mengatakan ada satu jawatankuasa siasatan yang telah pun ditubuhkan ...(dengan izin), saya dimaklumkan melalui soalan bertulis saya ada satu jawatankuasa tersebut yang telah ditubuhkan jawatankuasa penyiasatan bagi membuat penelitian terperinci mengenai perbuatan salah laku dan penyelewengan khususnya berkaitan dengan urusan tanah dan saya difahamkan melalui jawapan tersebut bahawa siasatan masih lagi diteruskan dan saya harap, saya sarankan kepada Kerajaan Negeri supaya siasatan diteruskan dengan serta merta dan kita hendak tahu perolehi keputusan dengan serta merta kes-kes seleweng tanah itu dan dalam pada ini saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri satu cara untuk mempercepatkan siasatan ini bagi *reward money* ...(dengan izin), kepada orang yang boleh beri maklumat, bagi *reward money* kepada orang yang boleh memberi maklumat supaya kes-kes ini dapat diselesaikan dengan cepat dan saya harap kita akan dapat satu keputusan tidak lama lagi.

Saya ingin mengakhiri ucapan saya ini dengan mengatakan bahawasanya Ahli-ahli Pembangkang mereka merupakan ADUN biasa dan saya ada satu maklumat yang saya hendak Malaysia Airport Berhad dan juga Protokol bahagian SUK siasat, saya ada satu kes di mana saya dimaklum bahawa Ketua Pembangkang yang sekarang satu ADUN sahaja telah menggunakan bilik VIP di Lapangan Terbang Pulau Pinang, pada 11 Julai, saya harap dapat diambil kira 11.30 pagi apabila MH1140 *now* saya hendak ini disiasat sama ada betul atau tidak, kerana sebagai seorang ADUN biasa dia tidak ada hak untuk pergi ke dalam bilik tersebut ada protokol, ada satu senarai siapa yang berhak Ahli-ahli EXCO dan sebagainya, ada senarai tidak termasuk ADUN biasa, mengapa dia ada di situ, saya hendak tahu, saya minta ini disiasati di *every flight* dan satu laporan diberi balik ini kerana melibatkan isu *security* di bilik VIP tersebut cuma siapa yang ada protokol dalam senarai tersebut dibenarkan untuk menggunakan bilik tersebut, saya amat tahu kerana ini amat penting, kerana ini salah guna kuasa.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan, minta laluan saya amat tertarik apa yang dikatakan oleh YB. Datok Keramat kerana kelmarin bila YB. Pulau Betong membuat perbahasan beliau mengatakan Ahli-ahli pembangkang cuma ingin dipanggil dengan nama sahaja, sekarang kita mendengar bahawa Ahli-ahli Pembangkang menggunakan Bilik-bilik VIP walhal mereka tidak dibenarkan, dan kalau betul perkara ini sudah berlaku saya rasa pihak-pihak berkuasa harus menjalankan siasatan kerana ini merupakan satu ...(dengan izin) *bright of security* dan kalau merupakan satu *breach of security* kita khuatir bahawa bila pihak-pihak yang sepatutnya dibenarkan menggunakan Bilik VIP itu akan didedahkan kepada keadaan yang tidak selamat ...(dengan izin), terima kasih.

YB. Tuan Speaker:

Pendekkan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato'Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan, saya pun sedang memikirkan pada 11 Julai, sejak saya menjadi EXCO dahulu, saya tidak pernah minta untuk menggunakan bilik VIP di *Airport*, Penang. Apatah lagi saya sekarang sebagai ADUN biasa termasuk yang lain-lain ADUN biasa juga, jangan kata ADUN pembangkang sahaja. Yang Berhormat juga ADUN biasa, mungkin saya kata mungkin kalau saya pergi pada hari itu mesti ada VIP yang saya pergi sambut atau pun mengiring, saya tidak pergi sendiri, mungkin ada menteri, mungkin ada pemimpin atasan peringkat federal iaitu menteri atau siapakah pada masa itu.

Saya pun tidak ingat, saya pun kena balik *check diary* yang saya pergi bersama mengiring, bukan atas nama diri saya, saya *booking* masuk seorang duduk di situ, *check your fact*, ya, kalau hendak buat tuduhan kata seperti itu saya rasa itu adalah tidak benar, pergi *check* adakah saya buat *booking* atau pun saya seorang pergi atau pun ada orang lain kerana ramai di situ, kerana ada menteri kah, saya mengiring menteri untuk balik, itu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Itulah yang saya nyatakan, YB. Penaga tidak menafikan, kamu tidak menafikan?

YB. Tuan Speaker:

Yang Berhormat, biasakan dengan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato'Haji Azhar bin Ibrahim):

Kena betul-betul, kalau adakah saya pergi.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

You tidak menafikan, kalau saya ada katakan, tadi *you* tidak menafikan? Pihak yang berkenaan, *you* tidak menafikanlah, *you* hendak pergi balik, *you* pergi *check*.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato'Haji Azhar bin Ibrahim):

Ya, *you* pun pergi balik *check*.

YB. Tuan Speaker:

Biasakan dengan Yang Berhormat. YB. Datok Keramat biasakan dengan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Saya minta pihak Protokol Setiausaha Kerajaan.

YB. Tuan Speaker:

Gunakan Yang Berhormat, biasakan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Ya, Yang Berhormat boleh pergi *check*, Yang Berhormat tidak menafikan, itu yang berlaku sekarang?. Kamu tidak menafikan betul atau tidak. Yang Berhormat tidak menafikan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan, boleh? Kalau apalah salah, selain YAB. Ketua Menteri pergi ada tidak ADUN-ADUN yang turut pergi orang-orang lain pergi turut mengiringi beliau. Salahkah itu, atau pun kalau beliau hendak pulang dari mana-mana luar negeri atau pun ke Kuala Lumpur ada tidak pegawai-pegawai yang lain menunggu di bilik VIP, adakah itu salah?. Kalau seorang ADUN di anggap salah, apahal dengan pegawai-pegawai atau rakyat biasa, betul tak saya hendak tanya itu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Yang Berhormat, sekali lagi tidak menafikan, so itu yang saya katakan di sini, saya hendak disiasat dengan betul, kalau ada senarai protokol yang boleh.., *no, no*, saya tidak bagi sekarang. Ada senarai protokol yang boleh atau tidak boleh masuk di bilik-bilik VIP, dan bilik-bilik itu digunakan antara lain ialah YAB. Ketua Menteri. So ini adalah satu *security* Negeri Pulau Pinang, mengapa boleh digunakan, kalau betul dan sekarang YB. daripada Penaga tidak menafikan, so saya minta perkara ini diteliti, disiasati dengan itu.... (gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

No, saya tidak bagi.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan, pendek sahaja, okay *be gentlemen* lah, okay.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Okay.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Okay, itu yang saya minta sebabnya itu adalah tuduhan kepada saya okay. Kalau dianggap mengatakan pengiring hendak menghantar tidak boleh, apakah esok Y.A.B Ketua Menteri pergi ke mana-mana atau pulang dari mana-mana melalui bilik VIP, siapa pun tidak dibenarkan, adakah itu maksudnya?. Siapa pun tidak boleh kalau hanya YAB. Ketua Menteri seorang yang boleh masuk di dalam bilik itu.

Penyokong Parti tidak boleh, pegawai-pegawai tidak boleh, Setiausaha tidak boleh, adakah itu? ahli keluarga pun tidak boleh atas alasan security hanya berhak YAB. Ketua Menteri seorang. Apakah itu *rulling* yang dicadangkan oleh YB. Datok Keramat. Kalau itu *rulling*, okay, buat sekarang, kita akan sokong.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Bukan isu *rulling* atau tidak, saya hendak ini disiasat, YB. tidak menafikan, so saya hendak ini disiasati kerana sebagai ADUN biasa pada pengetahuan saya tidak dibenarkan. Isu iringi ini orang atau itu orang tidak timbul, siasat dahulu, kita hendak tengok, saya ada maklumat, saya hendak tahu kerana kita tidak boleh salah gunakan kuasa sekarang, kami sekarang ahli pembangkang ADUN biasa. ADUN biasa, Ahli Pembangkang cuba *digest that ...*(dengan izin). Itu yang saya hendak akhiri ucapan saya dengan itu saya harap cadangan-cadangan yang saya buat pagi ini, beberapa cadangan yang saya buat pada hari ini akan diambil kira dan saya dengan ini mohon sokong ucapan T.Y.T. Terima kasih.

YB. Tuan Speaker:

Terima kasih YB. Kawasan Datok Keramat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Seberang Jaya.

YB. Tuan Speaker:

Pantai Jerjaklah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya demam ni, kesian, saya tidak tentu boleh bercakap lagi.

YB. Tuan Speaker:

Bagi Pantai Jerjak dululah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Lepas ini saya, saya tunggulah.

Ahli Kawasan Pantai Jerjak (YB. Tuan Sim Tze Tzin):

YB. Tuan Speaker, semalam saya hendak berucap, sampai sekarang pun menunggu.

YB. Tuan Speaker:

Saya bagi Pantai Jerjak dahulu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

YB. Tuan Speaker, dari Seri Delima, saya belum berucap lagi minta dua jam sekurang-kurangnya, pasal saya belum berucap lagi, saya dibenarkan peluang untuk bantah, jadi saya hendak minta peluang berucap juga, kena bagi *chance* jangan singkatkan masa saya. Terima kasih.

YB. Tuan Speaker:

Sila Pantai Jerjak.

Ahli Kawasan Pantai Jerjak (YB. Tuan Sim Tze Tzin):

YB. Tuan Speaker, Ahli-ahli Berhormat yang saya hormati sekalian. 7 Julai adalah hari yang penuh bermakna dalam sejarah Pulau Pinang. Ibu Negeri Pulau Mutiara ini diisytiharkan UNESCO sebagai salah satu warisan dunia, (dengan izin). YB. Tuan Speaker, *World Heritage Site*. Dalam *website* UNESCO, mereka menyifatkan George Town sebagai ...(dengan izin), YB. Tuan Speaker "*The influences of Asia and Europe have endowed the towns with a specific multicultural heritage that is both tangible and intangible*"

Memang tepat sekali ulasan mereka kerana sejarah menjadi saksi, dan kita juga menjadi saksi kepada pertemuan pelbagai budaya dan tamadun di negeri ini. Dari segi yang tangible atau zahirnya, kita mempunyai senibina bangunan yang membuat pengaruh dari pelbagai etnik serta budaya, dan bangunan-bangunan ini terletak sangat berdekatan antara satu sama lain.

Contohnya kalau kita berjalan sepanjang Jalan Masjid Kapitan Keling atau Pitt Street, kita dapat menyaksikan betapa harmoninya Gereja St George, Kuil *Goddess of Mercy*, Kuil Sri Mahamariama, Masjid Kapitan Keling dan Masjid Melayu Lebuh Aceh di bina begitu dekat antara satu sama lain.

Dari segi *intangible* atau yang tidak nyata, budaya Pulau Pinang diperkayakan dengan pengaruh budaya Melayu, Islam, Cina, India, Barat dan lain-lain lagi dari zaman-zaman dahulu sehinggalah sekarang. Akan tetapi, saya suka untuk menarik perhatian Ahli Dewan sekalian kepada satu petikan dari tulisan penulis terkenal William Sommerset Maugham, ...(dengan izin) YB. Tuan Speaker, "*Then it seemed to me that in this countries of the East, the most impressive, and the most awe-inspiring monument of antiquity is neither temple, nor citadel, nor great wall but man*".

Penulis terkenal itu yang pernah singgah di pulau ini ternyata merumuskannya dengan baik sekali. Kita sangat menghargai peninggalan bersejarah yang ada di sekitar George Town dan di negeri ini, akan tetapi mata tajam Sommerset Maugham cukup mengenai kekayaan sebenar negeri bertuah ini, iaitu penduduknya. Kita sememangnya sangat menghargai peninggalan bersejarah yang ada di pulau ini, ia adalah lambang pertemuan dua peradaban di antara Eropah dan Asia. Di sini, di tanah ini, menjadi bukti *The Clash of Civilisation* hanyalah satu omongan kosong. Tidak ada pertembungan peradaban di George Town kerana penduduknya meraikan kepelbagaian. Oleh itu harus kita harus sedar bahawa penduduk sendiri sebenarnya yang bertindak sebagai acuan yang menjadikan pertemuan dan penggabungan pelbagai peradaban tersebut unik dan tersendiri. Penduduk di Pulau Pinang telah lama mendapat kosmopolitanisme sebenarnya, mereka sudah biasa untuk hidup bersama tanpa mengira agama dan etnik.

YB. Tuan Speaker, ini adalah satu kepelbagaian yang patut kita banggakan, kita memenangi Anugerah *World Heritage Site* bukan kerana kita mempunyai bangunan-bangunan sejarah semata-mata. Kita memang, kerana pengaruh tidak ketara atau intangible yang pelbagai yang telah memperkayakan dan memperkuatkan budaya kita sebagai orang Pulau pinang semenjak beratus-ratus tahun lagi.

Anak Pulau Pinang boleh berasa bangga kerana kita hidup berganding bahu sejak turun temurun lagi. Seheinggakan pelabur-pelabur seluruh dunia ingin melabur di sini kerana kita dapat berkomunikasi dalam pelbagai bahasa dan kita memahami budaya Barat dan Asia malah makanan yang pelbagai mencerikan kehidupan seharian. Hidup dalam keadaan pelbagai budaya adalah norma hidup kita. Budaya majmuk adalah cara hidup kita dan ini bukanlah sesuatu yang asing dengan kita, kepelbagaian bukanlah fahaman yang di *import* dari Barat semata-mata. Kesatuan dalam kepelbagaian adalah warisan kita.

YB. Tuan Speaker, maka kita sebagai pemimpin harus menyedari *competitive advantage* atau kelebihan bersaing bagi anak Pulau Pinang dan mengorak langkah menuju kecemerlangan berlandaskan asas-asas ini. Pada pendapat saya, kita masih belum mengambil kesempatan(dengan izin), YB. Tuan Speaker *take*

advantage atas kelebihan kita sebagaimana masyarakat yang berbilang budaya dan agama, malah ada pula pihak-pihak tertentu yang seringkali memainkan sentiment perkauman dan keagamaan tanpa menyedari bahawa perbuatan mereka telah merasakan hubungan antara kaum yang telah kita jalinkan beratus-ratus tahun lamanya semenjak zaman nenek moyang.

Dalam satu perhimpunan semua wakil rakyat Parti Keadilan Rakyat pada bulan Mac yang lalu Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menasihatkan semua wakil rakyat Parti Keadilan untuk menghayati maksud sebenar parti pelbagai kaum *multi racial party* ...(dengan izin), YB. Tuan Speaker. *Multi-racial party* bukan sekadar parti yang mempunyai pelbagai bangsa semata-mata, Maksud sebenar *multiracial* adalah orang Cina dapat memahami permasalahan orang Melayu. Orang Melayu mampu memahami hati budi orang India, dan orang India faham akal dan fikiran orang Cina, dan kitaran saling faham memahami ini akan berterusan dan memanfaatkan semua pihak, tiada yang menang atau kalah semuanya beruntung.

Inilah pengertian sebenar sebuah parti pelbagai kaum. Kerajaan Pakatan Rakyat sendiri terdiri daripada parti-parti politik pelbagai kaum, maka saya sebagai seorang anak Pulau Pinang dan wakil rakyat berketurunan Cina akan mempertahankan budaya orang Melayu, budaya orang India, budaya orang Cina dan budaya lain-lain yang kita semua warisi.

Saya akan mempertahankan agama Islam sebagai agama rakyat, sebagai agama rasmi Negara di samping menjamin kebebasan keagamaan untuk agama lain. Saya juga akan memperkuat penggunaan Bahasa Melayu, Bahasa Malaysia di samping memupuk pembelajaran dan penggunaan pelbagai bahasa lain seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.

Anak Pulau Pinang perlu sedar bahawa Pulau Pinang cukup besar untuk memuatkan kita semua dan sama-sama kita harus menggunakan *competitive advantage* kita untuk bertanding dengan dunia.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sekalian. Pulau Pinang akan menghadapi cabaran-cabaran yang cukup genting pada tahun-tahun mendatang. Kita akan menghadapi kemerosotan ekonomi sedunia. Ekonomi Malaysia semakin lembab terutamanya selepas kenaikan harga minyak oleh Dato' Seri Perdana Menteri kita. Kenaikan harga makanan telah mencapai satu tahap yang cukup membimbangkan. Sebenarnya pada pendapat saya cabaran kita yang paling genting pada ketika ini adalah kepimpinan. Kita memerlukan seorang pemimpin yang berpandangan jauh, berwawasan, berjiwa rakyat dan perubahan yang mempunyai tekad politik yang kuat untuk membawa perubahan dan kemajuan kepada rakyat Pulau Pinang.

Kepimpinan di bawah kerajaan yang lepas bukan sahaja lembab, lemah dan tidak berkemampuan, malah menyebabkan kemerosotan kepada banyak asas yang kita bangga-banggakan selama ini. Nasib baik Pulau Pinang, rakyat Pulau Pinang bijak dan sedar akan kelemahan dan kelembapan kerajaan terdahulu. Pada bulan Mac yang lalu mereka telah membuat keputusan untuk memilik perubahan. Suara rakyat suara keramat dengan sokongan lebih 60% rakyat Pulau Pinang, Kerajaan Pakatan Rakyat berjaya membentuk kerajaan yang stabil dengan lebih 2/3 majoriti Dewan Undangan. Kita bertuah kerana perubahan akan berlaku di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat.

Mulai sekarang, kita akan melayari lautan yang penuh bergelora. Pemimpin negeri iaitu YAB. Ketua Menteri bagaikan nakhoda kerana akan membawa anak-anak kapal melayar samudera perjalanan yang penuh cabaran. Konsep CAT cukup menyakinkan kerana dari segi pentadbiran. Cabaran sekarang adalah ke mana kita akan layari. Adakah kita mempunyai wawasan? Adakah kita mempunyai tekad. Adakah kita mempunyai *political will* yang kadang kalanya bukan *populist*. Ini adalah penting, kerana rakyat dahagakan perubahan, tetapi perubahan senantiasa bukan popular. Saya yakin bahawa nakhoda kita YAB. Ketua Menteri akan membawa akan mempunyai hala tuju yang jelas.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa depan Pulau Pinang akan menuju harapan baru jika kita bertekak untuk perubahan. Kita sebagai wakil-wakil rakyat dan pegawai-pegawai kerajaan haruslah bertekad berjuang bersama-sama nakhoda kita mengempuri lautan yang penuh cabaran.

Antara masalah yang dihadapi di Kawasan Dewan Undangan Negeri Pantai Jerejak malah seluruh Pulau Pinang adalah masalah perumahan. Ramai penduduk terutamanya orang Melayu di samping kaum Cina dan India tinggal dalam kawasan yang kurang memuaskan. Mengikut anggaran, sebanyak seribu keluarga atau lebih lima ribu orang penduduk tinggal dalam kawasan setinggan di KADUN Pantai Jerejak, majoriti mereka adalah orang Melayu. Kawasan setinggan akan mengalami banjir setiap kali hujan lebat selama tiga puluh minit. Dua minggu yang lalu, kita mengalami banjir kilat yang cukup teruk yang berlaku di Kampung Sungai Nibong Besar, Sungai Nibong Tengah, Sungai Nibong Kecil, Bukit Kecil, Jalan Tengah, Bayan Baru dan Jalan Mahsuri. Keadaan kebersihan dan kesihatan di kawasan setinggan cukup teruk keadaannya. KADUN Pantai Jerejak juga mempunyai banyak pangsapuri perumahan, terutama perumahan kos rendah yang semakin usang keadaannya. Dinding kotor perlu dicat semula, lampu yang rosak perlu diganti. Keadaan sekitar yang kotor perlu dibersihkan, alam sekitar perlu dijaga.

Masalah-masalah ini merupakan masalah rumit yang memerlukan perhatian Kerajaan Negeri dengan kadar segera. Kerajaan Negeri perlu meningkatkan kualiti hidup, Kerajaan Negeri perlu menyediakan rumah kos rendah atau mampu milik untuk seribu keluarga peneroka bandar di kawasan setinggan. Kerajaan perlu berusaha menyelamatkan flat-flat perumahan yang semakin usang dengan *Urban Renewal Plan*. ...(dengan izin). Izinkan saya cadangkan beberapa cadangan yang membina untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Sebagai kerajaan yang baru, kita diamanahkan dengan *fresh start* jadi kita boleh menjalankan projek-projek yang penuh lonjakan paradisma dan inovasi. Pangsapuri kos rendah boleh dibangunkan dengan cara *private government funding initiative* dengan kerjasama pemaju dan kerajaan. Pangsapuri baru haruslah menggunakan teknologi yang baru termasuk *environmental design* ...(dengan izin) untuk menjadikannya *carbon neutral*. Ini bermaksud, pangsapuri haruslah mempunyai teknologi untuk menjana elektrik seperti *solar panel*. Ia juga boleh menggunakan LED untuk menyalakan penyalan supaya lebih menjimatkan tenaga.

Reka bentuk haruslah lebih cakna rakyat seperti menyediakan kemudahan OKU dan sebagainya. Ia juga mesti dilengkapi kemudahan *broadband* supaya kita dapat mengejar kemajuan teknologi. Begitu juga renovasi yang akan dijalankan ke atas pangsapuri yang usang, supaya nilai tambah ke atas pangsapuri tersebut dapat melipat gandakan harga rumah tersebut. Ini merupakan *win win situation* yang kerajaan boleh jalankan, daripada membiarkan pangsapuri terus usang, marilah kita sama-sama mengembeling idea dan teknologi baru untuk menaiktarafkan kediaman ini.

Saya amat tertarik hati dengan YB. Penaga yang banyak berhujah tentang sistem pengangkutan bersepadu, *transportation system* ini memang bidang kepakaran saya. Jadi saya amat minat untuk menyentuh serba sedikit sebanyak tentang isu ini. Keadaan kesesakan lalu lintas jalan raya berlaku kerana kita tidak mempunyai *alternative* yang memuaskan. Setiap hari kita membazirkan beberapa jam pertama yang paling produktif di dalam kesesakan jalan raya, lepas kerja kita kurangkan masa bersama keluarga kerana kesesakan lalu lintas dan keletihan akibat kesesakan jalan raya, maka sistem pengangkutan awam yang komprehensif memang perlu dan mustahak. Ada ungkapan yang mengatakan ...(dengan izin) *take 20% cars out of the road, solve 80% at the problem*. Kita perlu menyediakan sistem pengangkutan awam yang komprehensif dengan bas sebagai pengangkutan utama. Kalau *trans* Jakarta sebuah syarikat bas di Bandar Jakarta menyediakan sistem bas mirip sistem LRT di Kuala Lumpur, cepat dan tepat pada masanya, kenapa Rapid Penang tidak boleh. Lebih-lebih lagi kos pembinaan jauh lebih murah, siapa kata kita hanya perlu monorel di George Town. Kerajaan juga perlu sediakan bas awam di antara Seberang Perai dan Pulau Pinang melalui Jambatan Pulau Pinang. Sistem Trans Jakarta adalah sistem yang harus kita pertimbangkan. Untuk melengkapkan lagi sistem ini, kita perlu integrasikan pengangkutan awam dengan sistem *park and ride*, *congestion pricing* iaitu mengenakan bayaran untuk penggunaan kenderaan pada waktu sesak dan juga *car pooling system*, dengan *incentive* dan juga *disincentive* dan juga *this incentive* ini penggunaan kenderaan persendirian mampu dikurangkan.

Satu cadangan lagi ialah menjadikan Bandaraya George Town mesra basikal dan pejalan kaki, kita harus merancang mewujudkan laluan basikal atau *bike trail* dan pejalan kaki di sekitar Bandaraya George Town secara komprehensif struktur geographi George Town memang rata dan sesuai untuk basikal. Strategi pelaksanaan adalah mengurangkan laluan kereta dan memperuntukan ruang tersebut untuk basikal dan pejalan kaki. Ini akan menghadkan jumlah kereta yang memasuki Bandaraya George Town. Perancangan boleh diteruskan ke Tanjung Tokong dan juga Batu Maung melalui *Coastal Highway* yang penuh dengan keindahan. *Bike trail* ini akan menjadi suatu tarikan pelancong yang cukup popular, seperti yang terkenal di San Francisco. Sekitar laluan basikal dan pejalan kaki akan ditanam dengan pokok-pokok teduh. Pejabat-pejabat kita juga perlu mula menyediakan bilik mandi, kalau boleh MPPP boleh mula dengan syarat tersebut, ini akan melibatkan perubahan cara hidup kita dan paradigma. Kalau bandar-bandar besar seperti Amsterdam dapat melaksanakannya dan menjadikan bandar tersebut begitu unik, mengapa tidak George Town. Semua cadangan ini memerlukan wawasan, perubahan minda, perancangan yang cukup bersungguh-sungguh dan yang paling penting adalah *political will*, ...(dengan izin), YB. Tuan Speaker. Ia bukan senang malah ramai antara pengundi kita akan marah dan tidak puas hati. Akan tetapi, jika kita berjaya Kerajaan Pulau Pinang akan menjadi contoh kepada seluruh Malaysia malahan dunia. Kita juga akan meninggalkan legasi yang hebat dan penduduk Pulau Pinang akan menyokong sepenuhnya Kerajaan Pakatan yang berwawasan ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, seperti yang kita sedia maklum, kawasan ADUN Pantai Jerejak malah seluruh Pulau Pinang adalah *Silicon Valley of Asia*. Agenda kita sekarang adalah untuk meningkatkan tahap keceklik teknologi maklumat dan komunikasi di kalangan penduduk Pulau Pinang. Kita seharusnya meningkatkan budaya penggunaan ICT di semua peringkat urusan kita dan untuk menerajui revolusi teknologi maklumat ini. Pulau Pinang mempunyai cukup golongan celik pandai dalam bidang teknologi maklumat, Pulau Pinang juga mempunyai infrastruktur yang cukup baik, negeri kita mempunyai *Free Industrial Zone* yang merupakan pengeluar teknologi maklumat di seluruh dunia. Namun negeri kita masih lagi ada banyak kekurangannya, sebahagian daripada kita masih lagi ketinggalan dalam penggunaan teknologi maklumat.

Infrastruktur kita masih dalam tahap dail up atau jalur lebar hanya mencapai satu *Megabit per second* semalam saya *check* di pejabat saya cuma mencapai 409 *Megabit per second sorry kilobit per second* sedangkan dunia sudah memasuki broadband 10 Megabit per saat. Budaya aplikasi masih dalam peringkat awal semangat keusahawanan teknologi masih lagi di tahap yang rendah, kita masih tidak mempunyai teknologi *start up* seperti *Silicon Valley* di Amerika Syarikat, kita perlu mengejar bersama-sama gelombang revolusi teknologi maklumat ini. Kerajaan harus memupuk penubuhan syarikat-syarikat teknologi start up seperti tempatan dengan insentif-insentif seperti bantuan kewangan, tanah, *networking* dan pasaran. Dunia sudah menjadi rata seperti yang diwawarkan oleh penulis terkenal *Thomas Friedman, The World is Flat*. Revolusi teknologi bukan sekadar membeli komputer baru atau mengejar telefon bimbit yang canggih semata-mata.

Revolusi teknologi maklumat memerlukan pemahaman yang lebih mendalam, aplikasi teknologi hendaklah menjangkau semua susuk kehidupan dari. Dari cara kita menimba ilmu berkomunikasi, menjalankan urusan mencari maklumat, sehingga berfikir contohnya pada masa kini kita masih pakai faks atau hantar urusan-urusan mesyuarat ke rumah-rumah Yang Berhormat sekalian sebenarnya pada pada ini kita seharusnya email notis mesyuarat Kerajaan Negeri dan minit mesyuarat juga harus di emailkan bukan lagi pakai faks atau surat dan setem. Telefon bimbit kita seharusnya selaras dengan *google calendar* untuk mesyuarat kerajaan supaya kita sentiasa dapat maklumat yang terbaru tentang mesyuarat. Semua jawapan-jawapan soalan dalam Dewan Undangan Negeri ini seharusnya di emailkan bukan lagi dicetak, kalau boleh handsard akan dipamerkan dalam *web side* dalam laman *web*, Negeri Kerajaan dan diemailkan kepada Yang Berhormat bukan lagi dengan cetakan yang bukan sahaja memakai wang yang cukup, terima kasih, Yang Berhormat Padang Kota. Kalau boleh cadangan ini diharapkan dilaksanakan secepat mungkin pada peringkat Kerajaan Negeri kita perlu adakan anjakan paradigma lebih jauh untuk mengejar revolusi di teknologi maklumat. Kalau *City Of Philadelphia* dan juga Bandar Brunei bertekad untuk memasang wifi ke seluruh pelusuk bandar mereka kenapa George Town, Pulau Pinang tidak boleh, status tahun yang lalu api dan air, adalah kemudahan asas zaman sekarang jalur lebar atau *broadband* adalah keperluan asas.

Revolusi maklumat yang meratakan dunia ini memerlukan kita *think globally*(dengan izin), yang melibatkan perubahan pemikiran. Persiangan antara kita bukan lagi sesama kita tetapi dengan seluruh dunia. Maka kita perlu sentiasa bersaing dengan standard amalan terbaik di dunia, bukan lagi menjadi jaguh kampung di Pulau Pinang. Kita mesti menjadi jaguh sedunia, *the best in the world*. ...(dengan izin), Berlandaskan semangat ini, kita tidak boleh berpuas hati dengan sekadar membaca surat khabar tempatan tetapi setiap hari, kita juga perlu membaca *New York Times* atau *International Herald Tribune*. Kita tidak boleh berpuas hati dengan sekadar menonton TV3, kita juga perlu menonton BBC World dan Al-Gazeera.

Saya sendiri tidak boleh puas hati sekadar dengan menjadi wakil rakyat di Pulau Pinang sahaja, tetapi sentiasa bersaing dengan wakil-wakil rakyat di Amerika Syarikat, England, Jepun dan sebagainya. Semangat bersaing dengan dunia ini akan membantu kita melonjak ke hadapan ke tahap kecemerlangan, ia bukan susah, ia seharusnya bermula di sini di Pulau Pinang dan di kalangan ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini juga.

Akhir kata, seperti yang diungkapkan oleh Mahatma Ghandi *We have to be the change we want to see* ...(dengan izin). Kita perlu menerajui perubahan yang kita impikan. Dengan ini, saya akan mengakhiri ucapan saya dan selepas ini saya akan emelkan teks ucapan saya kepada Setiausaha Dewan Undangan supaya kita boleh sama-sama *upload* teks ucapan ini pada *website* kita dan dengan ini saya memohon menyokong. Terima kasih..... (gangguan).

YB. Tuan Speaker:

Kalau boleh saya komen, ini satu ucapan yang tidak politik membawa suara rakyat yang salah satu yang terbaik. Kita berehat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 11.45 pagi. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.20 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.50 pagi.

YB. Tuan Speaker:

Dewan disambung semula. Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Tuan Speaker kerana kesudian memberi peluang kepada saya untuk turut serta di dalam perbahasan ucapan Tuan Yang Terutama Tun Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

YB. Tuan Speaker, Tuan Yang Terutama Tun menekankan dalam ucapannya bahawa arena pertembungan minda untuk berbincang berbahas menyampaikan teguran dan memberikan pandangan yang bernas demi meningkatkan lagi pembangunan ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat dan disambungkan dengan prinsip CAT. (*Competency, Accountability and Transparency*) atau pun keupayaan akauntabiliti dan ketelusan maka elok demi kepentingan rakyat Negeri Pulau Pinang. Janganlah ada orang menyatakan CAT itu adalah cakap ikut suka, A ialah angkuh dan tidak payah rujuk kepada sesiapa untuk hendak umumkan apa-apa dan T itu temberang iaitu kalau dulu janji hendak berikan pemberian wang tunai RM100.00 kepada 100,000 rakyat miskin tetapi ditukar kepada pembayaran melalui akaun PBA kepada yang berkenaan. Apa pun berpandukan kepada angka pelaburan 2004 hingga 2007 yang telah mencecah RM 3.3 bilion bagi menghadapi cabaran getir yang mendatang, marilah sama-sama kita berusaha agar semua pihak tidak menuding jari dan mencari publisiti murahan dan akhirnya apabila kerajaan Pakatan Rakyat akan dilabelkan sebagai kerajaan cakap tak serupa bikin, sudah tentu kami di Barisan Nasional akan merasa lebih selesa dan mengambil alih kerajaan.

YB. Tuan Speaker, memandangkan investPenang diamanahkan untuk mempergiatkan promosi pelaburan secara profesional maka bolehkah YAB. Ketua Menteri memberikan penerangan terperinci perancangan yang sedang dibuat, tindakan yang telah diambil dan pencapaiannya setakat ini dan cara-cara bagi mengatasi cabaran pesaing dalam dan luar Negara.

PDC pula adalah satu badan antara lain yang diberi amanah untuk membina sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera maka sejauh manakah dapat pihak PDC mencapai matlamat ini. Berapa ramaikah syarikat Bumiputera yang telah dapat dibimbing dan dilahirkan di dalam bidang ini dan bidang-bidang lain? Apakah bidang-bidang yang telah dapat mereka bimbing dan usaha bumiputera yang terlibat? Apakah halatuju PDC secara komprehensif bagi tahun-tahun yang mendatang dan berapa kalikah Mesyuarat Lembaga Pengarah PDC telah diadakan semenjak kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih teraju organisasi ini dan perkara-perkara yang telah dibincangkan termasuk polisi-polisi yang diperkenalkan? YB. Tuan Speaker, merujuk kepada anggaran hasil dan perbelanjaan....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sila.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Terima kasih. Saya bangkitkan ini mengenai dengan tuduhan bahawa saya berada di *VIP Lounge* pada tanggal 11 Julai saya perbetulkan ini. Tadi, saya tidak pasti kerana saya tidak ada diari saya, saya tidak *check* dengan PA saya, di PERDA dan sebagainya. Setelah saya menyemak diari saya dan *check* dengan Pembantu Khas saya tuduhan itu adalah tidak benar kerana pada 11 haribulan ialah hari Jumaat pagi saya berada di Pusat Khidmat saya, selepas itu sembahyang Jumaat kemudian saya mempengerusikan satu mesyuarat PERDA daripada pukul 2.30 sampai 5.30 dan saya pulang politik di kawasan, berjumpa dengan orang-orang kawasan. Hari berikutnya ialah 12 haribulan, Hari Keputeraan TYT jadi saya di sini tidak mungkin saya pergi ke Kuala Lumpur, begitu juga 10 haribulan hari sebelumnya, saya juga berada di pejabat di PERDA. Jadi kalau mengatakan saya menggunakan *VIP Lounge* saya ada di situ adalah satu kesilapan. Saya tidak mendesak Datok Keramat.

Saya tidak mahu buat usul ini cerita remeh-temeh ini untuk tarik balik dan sebagainya. Ini adalah tidak betul, saya bercakap dengan YB. Datok Keramat di luar, Datok Keramat kata pun dia akan *check, check* balik. Kemudian kalau didapati tidak benar sebagai seorang *gentleman* tarik balik, itu saja. Esok ka lusa ka atau *next week* saya tidak perlu mendesak suruh tarik balik. Sila *check*.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Penjelasan.

YB. Tuan Speaker:

Saya ingat itu biarlah.....Sebenarnya tadi, saya ingat Penaga tadi akan tanya penjelasan tentang apa yang diucapkan oleh Seberang Jaya tapi sudah menyimpang sedikit. Eloklah kita berhenti di situ.....(gangguan). Seberang Jaya teruskan.....(gangguan). Seberang Jaya teruskan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Setengah minit.

YB. Tuan Speaker:

Ini di luar daripada.....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Setengah minit saja Tuan Speaker.

YB. Tuan Speaker:

Sila duduk.....(gangguan). Tadi pun saya ingat Penaga hendak dapatkan penjelasan daripada Seberang Jaya rupanya Penaga hendak betulkan keadaan yang awal. Jadi, kita henti di sini, Seberang Jaya teruskan.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Apabila penjelasan mengenai perkara-perkara lain nanti tumpanglah masuk.....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Please, just ten second.

YB. Tuan Speaker:

Okay.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Apa yang saya nyatakan tadi ialah saya ada makluman berkenaan ini saya tidak buat apa-apa tuduhan. Saya ada maklumat berkenaan ini, saya minta pihak-pihak dan agensi-agensi berkenaan siasat, itu yang saya minta tadi. Kalau betul, itu tidak betul kita hendak tahu apa keputusan siasatan tersebut daripada maklumat yang saya terima. Itu saja. Saya tidak buat apa-apa tuduhan tadi. Itu yang kamu mesti *clear on that*.

YB. Tuan Speaker:

Okay la....(gangguan) cukuplah. Yang Berhormat Penaga, Yang Berhormat Datok Keramat, berhenti di sini. Kita tidak akan bincangkan itu lagi dalam Dewan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Apa-apa pun perkara itu *harm done already* nanti perbetul. YB. Tuan Speaker, merujuk kepada anggaran hasil dan perbelanjaan tahun 2008 untuk Negeri Pulau Pinang yang dijangka jumlah hasil sebanyak RM289,898,550 yang terdiri daripada RM107,042,500 dari hasil bukan cukai termasuk penerimaan bukan hasil yang berjumlah RM61,882 maka di dalam strategi pentadbiran baru Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Bolehkah Kerajaan Negeri mencapai sasaran *surplus* bajet atau pun bajet berimbang. Ini adalah oleh kerana mengikut angka anggaran perbelanjaan penggunaan bagi tahun 2008 iaitu angka perbelanjaan adalah sebanyak RM318,580,310.

YB. Tuan Speaker:

YB. *surplus bajet*, bajet lebihan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Ya, bajet lebihan. Minta maaf dan terima kasih.

YB. Tuan Speaker:

Balance budget.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Ya, *balance budget*. Maksud saya *cannot surplus it can be balance budget*. Bolehkan Kerajaan Negeri mencapai *surplus budget*? Atau pun bajet berimbang *either one*, ini adalah kerana mengikut angka perbelanjaan menggunakan bagi tahun 2008 anggaran perbelanjaan berjumlah RM318,580,310 yang mengandungi perbelanjaan tanggungan yang berjumlah RM19,230,950 dan perbelanjaan bekalan yang dijangka jumlah hasil RM289,898,550.00 yang terdiri daripada RM107,042,500.00 dari hasil bukan cukai termasuk penerimaan bukan hasil yang berjumlah RM61,882,000.00 maka di dalam strategi baru Kerajaan Negeri Pulau Pinang, bolehkah Kerajaan Negeri mencapai sasaran *surplus budget* atau pun bajet berimbang ini adalah oleh kerana mengikut angka anggaran perbelanjaan penggunaan bagi tahun 2008, iaitu antara angka perbelanjaan RM318,580,310.00.

YB. Tuan Speaker:

Yang Berhormat, *surplus budget* atau bajet lebihan?

Ahli kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Bajet lebihan, minta maaf, terima kasih, *balance budget*, maksud saya boleh dapat *surplus* atau pun berimbang *if cannot surplus, it can be balance budget*. Bolehkah kerajaan ini mencapai surplus budget atau pun bajet berimbang makna *either one* kerana ini adalah mengikut anggaran perbelanjaan menggunakan bagi tahun 2008 anggaran perbelanjaan adalah berjumlah RM318,580,310.00 yang mengandungi perbelanjaan tanggungan yang berjumlah RM19,230,950.00 dan perbelanjaan bekalan yang berjumlah RM299,329,300.00. Ini pula ditambah dengan anggaran perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM162,527,330.00 yang mengandungi perbelanjaan secara langsung berjumlah RM65,527,300.00 dan pinjaman sebanyak RM97,000,030.00 jika diambil kira dari angka tersebut sudah tentu bajet bagi tahun 2008 untuk Negeri Pulau Pinang akan mengalami defisit sebanyak RM35,661,760.00.

Sebab itulah kita harus berhati-hati untuk memastikan bahawa sumber-sumber pendapatan termasuk sumber-sumber pendapatan melalui Pejabat-Pejabat Daerah dan PBT-PBT tidak diganggu dengan keghairahan mendapat publisiti dan sokongan populariti dan akhirnya sebagai contoh peluang untuk kutipan kompaun yang berjumlah RM30 juta juga telah dinodai kalau kita kaji dari hasil denda dan rampasan sahaja bagi tahun 2006 adalah berjumlah RM2,953,456.88 dan anggaran bagi tahun 2007 berjumlah RM6,387,699.00. Ini bermakna denda menyumbangkan juga kepada pendapatan hasil iaitu dari rampasan kompaun telah dikutip juga ianya adalah satu bidang yang besar, setahu saya minta YB. Pegawai Kewangan sahkan iaitu 2007 Ketua Menteri yang lalu Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon telah berjaya untuk memberikan *surplus budget* pada 2007 iaitu lebih kurang RM40 juta minta disahkan kemudian dan memandangkan reserve Kerajaan Negeri ada dalam lingkungan RM800 juta di mana RM400 juta adalah dalam akaun amanah dan sebagainya,

Jika perkara-perkara ini benar, kita dapat mengamalkan sistem pentadbiran CAT saya sudah tentu percaya bahawa Ketua Menteri yang baru dan Kerajaan Negeri yang baru dapat melakukan sesuatu ke arah pentadbiran yang lebih cekap dan berhemah supaya kita dapat meneruskan khazanah Negeri Pulau Pinang dengan lebih baik.

Baru-baru ini Kerajaan Negeri banyak mengatakan mengenai kehilangan peluang hasil yang bersangkutan dengan tanah kerajaan. Kalau kita lihat dari angka bayaran permohonan mengenai tanah, pendapatan bagi tahun 2006 adalah RM5,553,566.40 dan anggaran yang disemak bagi tahun 2007 adalah RM3,416,752.52 dan anggaran pendapatan bagi perkara yang sama untuk 2008 adalah dalam lingkungan RM5 juta maka selain daripada pendapatan permohonan mengenai tanah sudah tentu banyak lagi hasil yang bersangkutan dengan tanah dapat dipertingkatkan. Selain daripada mengoptimalkan strategik hasil dari tanah negeri, tindakan bagi memastikan urus tadbir cekap dalam urusan tanah di negeri ini dan langkah-langkah yang lain juga harus diambil bagi memastikan bahawa sebarang kelemahan yang boleh membuka ruang kepada *loss of opportunity income*(dengan izin) atau pun *insider trading* didalam ...(dengan izin), didalam pemberian atau pun penjualan tanah Kerajaan Negeri, sama ada melalui kaedah penswastan, atau pun *outright sale* ...(dengan izin) dan juga tindakan yang harus diambil oleh Kerajaan Negeri ini tidaklah dilihat bahawa *the lost of opportunity income* yang saya katakan tadi itu mengurangi, oleh itu saya ingin mendapatkan penerangan yang sebenar. Apakah sebenarnya keadaan dan juga kedudukan skandal-skandal tanah yang di uar-uarkan oleh Ketua Menteri baru-baru ini dan sehingga hari ini secara jelas kita tak dapat lihat lagi? mungkin dapat mendengar dalam penggulangan nanti kalau YAB. Ketua Menteri dapat memberikannya supaya ianya sekurang-kurangnya dapat memberikan kita sedikit keselesaan didalam hala tuju dan apakah dan tindakan susulan yang akan diambil kerana kami daripada barisan pembangkang juga tidak suka berlaku sebarang penyelewengan di dalam apa jua portfolio yang dipegang oleh sesiapa sahaja.

Dari anggaran hasil dan dari kaedah perolehan daripada saham untuk tahun 2008 adalah dianggar sebanyak 10.5 juta dan faedah daripada wang simpanan tetap yang dikutip oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak 22 juta untuk tahun 2008. Maka adakah Kerajaan Negeri ini membuat kajian mengenai cara-cara yang boleh menambahkan hasil dari kedua-dua tajuk tersebut. Mungkin pelaburan dan saham-saham yang dilabur sekarang hanya boleh memberikan pulangan biasa sahaja maka jika ada mekanisma lain yang boleh memberi pulangan yang lebih tinggi eloklah Kerajaan Negeri melakukan sesuatu mengenainya.

Begitulah jugalah mengenai pendapatan hasil melalui simpanan tetap dan lain-lain. Penduduk di Negeri Pulau Pinang bertambah dan penerimaan dari Kerajaan Persekutuan mengikut kiraan kepala adalah dianggarkan sebanyak RM22.6 juta untuk tahun 2008 kepada Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Persekutuan, dan bayaran perkhidmatan atas projek Persekutuan yang dikira secara 5% dari jumlah projek telah pun menurun kalau mengikut *report* yang kita terima iaitu hanya RM10 juta untuk tahun 2008 berbanding dengan anggaran yang disemak pada tahun 2007 adalah sebanyak 21.7 juta oleh itu kita berharap YB. Pegawai Kewangan Negeri melakukan sesuatu supaya pendapatan ini daripada kerajaan persekutuan bagi projek-projek Persekutuan didalam Negeri Pulau Pinang ini dapat kita pohon untuk mendapatkan peruntukan iaitu sudah dikira sebanyak 50% daripada jumlah tersebut dipertingkatkan. Dan kenapakah perkara ini dibiarkan berlaku yang kita hanya boleh mendapat 10 juta yang dijangka. Perbelanjaan mengurus untuk Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan dianggar meningkat daripada RM20,000,99.20 kepada RM24,731,470.00 dan untuk perkhidmatan dan bekalan pada tahun 2008 juga meningkat daripada RM30,163,210.00 bagi tahun 2007 kepada RM32,685,600.00 termasuk anggaran dari pemberian dan berkenaan bayaran tetap serta lain-lain perbelanjaan maka perbelanjaan Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan bagi tahun 2008 dijangka mencecah RM80,000,501.50 berbanding dengan anggaran sebanyak RM73,562,000.00 atau RM562,020.00 untuk tahun 2007.

Menyedari tentang perbelanjaan, YB. Tuan Speaker, perkara ini dibangkitkan kerana bajet ini dibuat untuk kegunaan tahun 2008. Jadi yang berkemungkinan YAB. Ketua Menteri mempunyai mekanisma tertentu untuk mengubahsuai sebab itu angka-angka ini disebut kerana ianya telah pun dinyatakan dalam laporan kewangan yang telah diberikan, menyedari tentang perbelanjaan yang telah meningkat dan berpandukan kepada amalan CAT kerajaan sekarang apakah langkah-langkah drastik yang diambil oleh kerajaan sekarang supaya harapan *surplus* bajet untuk Negeri Pulau Pinang dapat dicapai, gaji dan upahan Pejabat Ketua Menteri adalah dianggarkan meningkat daripada RM534,100.00 pada tahun 2007 kepada RM582,000.00 pada 2008 dengan bilangan jawatan tidak melebihi 16 orang.

Saya telah pun difahamkan oleh kerajaan dahulu mempunyai mungkin setakat 22 dan kerajaan sekarang 24 kakitangan. Tetapi kami difahamkan bahawa bilangan sebenar kakitangan Pejabat Ketua Menteri sekarang telah pun meningkat. Ini tidak masuk elau tetap untuk tahun 2007 yang berjumlah RM317,700.00 juga dianggarkan meningkat kepada RM341,00.00 pada tahun 2008. Jika kita menggunakan slogan Kepimpinan Melalui Teladan, maka jika perbelanjaan di Pejabat Ketua Menteri dapat dikurangkan, sudah tentu jabatan lain boleh mencontohi tindakan positif yang mungkin dapat diambil oleh Pejabat Ketua Menteri ini sendiri.

Menyentuh mengenai Jabatan Ketua Menteri dan perkara-perkara yang dibangkitkan pada soalan lisan saya pada hari pertama dewan bersidang itu di mana perkara mengenai *chief of staf* telah dibangkitkan dan jawapan yang diberikan ialah YB. Jeffrey Ooi hanyalah sebagai memberi nasihat dan menyelaras perkara-perkara yang diarah oleh Ketua Menteri maka bolehkah itu terpulanglah kepada Ketua Menteri bahawa istilah *Chief of Staff* itu digunakan oleh Ketua Menteri diubah kepada Penasihat kepada Ketua Menteri atau pun *strategic advisor to the Chief Minister* ...(dengan izin). Berbalik kepada beberapa jawapan bagi soalan bertulis yang telah dikemukakan oleh saya, dalam sidang ini, jawapan diberikan kepada beberapa perkara kurang memuaskan.

Pertama ialah berkenaan isu perpaduan kaum dan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri jika dilihat sebagai melakukan tindakan mengambil hak dari hak sesuatu kaum bagi mengimbangi desakan sesuatu kaum yang lain, seperti mempertikaikan dasar ekonomi baru dan kemudiannya telah disangkal semula dan lain-lain agenda, maka agenda perpaduan kaum di Negeri Pulau Pinang akan tercabar. Kadang kala kita jika lihat sesuatu kaum itu diam sahaja atau ada yang akan memberontak atau menunjuk perasaan melalui demonstrasi jalanan dan lain-lain yang lebih bahaya. Tuan Speaker, adalah dendaman yang senyap-senyap itu ianya boleh mengakibatkan satu perasaan perang dingin di antara kaum di negeri ini.

Sebagai warga Negeri Pulau Pinang yang telah pun biasa dengan kehidupan berbilang bangsa tambah pula saya ini sekolah-sekolah Cina bergaul dengan anak-anak Cina sebagai sekeluarga, maka saya rasa perkara-perkara ini Kerajaan Negeri haruslah mengambil tindakan yang sensitif dalam menangani perkara-perkara ini.

Oleh itu, kepentingan bangsa Melayu dan apa-apa yang menjadi haknya jangan dipertikaikan begitu jugalah keluhan dan pembelaan untuk kaum-kaum Cina diambil berat dan samalah masalah-masalah kaum-kaum India dan kaum-kaum Sikh, Benggali dan kaum-kaum lain mesti diberi perhatian secara serious. Jawapan yang saya terima mengenai kemiskinan, semua bangsa termasuk Melayu, Cina, India dan angka-angka...(gangguan)

Ahli kawasan Batu Uban (YB. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Minta laluan Yang Berhormat, minta laluan. (Dengan izin), Tuan Speaker, sebelum pilihanraya di Bayan Lepas, terdapat satu bidang tanah di kawasan *Snake Temple* yang saya percaya telah diluluskan di bawah Levi iaitu tempat ibadat bukan Islam dan adakah tempat itu seperti YB. Seberang Jaya katakan walaupun kita ada kebebasan beragama di Malaysia, tapi kenapakah kaum Sikh sehingga hari ini tidak diberi sebidang tanah yang telah pun di *gazette* kan untuk rumah ibadat orang-orang Sikh. Terima kasih.

Ahli kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sebab itu saya menyatakan tadi kalau sensitiviti untuk bangsa Melayu jangan dipertikaikan, sensitiviti untuk bangsa India dan Cina juga haruslah kita ambil berat. Jadi Kerajaan Negeri kalau rasa hari itu belum selesai kalau dapat diselesaikan, selesaikan cara yang elok yang terbaik. Jawapan yang saya terima mengenai kemiskinan semua bangsa termasuk Melayu, Cina dan India, dan angka-angka yang diberikan termasuk butiran-butiran yang dinyatakan maka saya ingin mengatakan bahawa selain daripada mengharap jabatan-jabatan berkenaan meneruskan program-program bantuan dan lain-lain iaitu jabatan daripada Persekutuan dan juga jabatan daripada Kerajaan Negeri. Satu strategi baru harus diperkenalkan supaya golongan miskin dan mudah miskin mempunyai harapan dengan kaedah baru yang mungkin dapat diperkenalkan oleh EXCO berkenaan atau pun Kerajaan Negeri secara menyeluruh. Janganlah berbangga dengan menjadi kerajaan baru tetapi tindakan yang diambil adalah sekadar rutin atau pun mengulangi dan mengimplimentasikan kaedah-kaedah lama yang tidak mempunyai dimensi penyelarasan masalah kemiskinan secara mutlak dan hala tuju yang baru.

Mengenai projek-projek untuk kontraktor kelas F, atau pun pembekalan, satu strategi baru harus dirangka supaya pendapatan kontraktor-kontraktor kelas F tidak terjejas dan kaedah “*Groom Big*” yang diamalkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dipelajari agar bilangan kontraktor-kontraktor kelas F menurun dan peningkatan usaha kontraktor kelas lebih tinggi akan dapat diwujudkan sekali gus memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor Negeri Pulau Pinang ini berdikari. Cadangan supaya diberikan satu insentif khas jika ada syarikat-syarikat tersebut yang mempunyai usahasama di antara Bangsa Melayu dan Bangsa bukan Melayu (*Smart Partnership*), Bangsa Melayu dengan Bangsa India (*Smart Partnership*) berkemungkinan agihan dan perkongsian daripada hasil projek-projek tersebut dapat tercapai. Dan akhirnya keluhan yang dibawa oleh kaum Cina dan kaum India. Kenapakah mereka tidak mempunyai peluang juga untuk mereka mendapatkan peluang-peluang ini dikongsi bersama secara lebih terbuka dan secara *win win situation* ...(dengan izin).

Yang Berhormat Tuan Speaker. Dewan Undangan Negeri Seberang Jaya merupakan komposisi dua bandar dan juga mempunyai melebihi sepuluh kampung. Bandar Seberang Jaya yang hampir mencapai pembangunan sepenuhnya memerlukan *re-development* ...(dengan izin), dan penambahbaikan komponen-komponen yang sesuai dengan taraf sebuah bandar. Dalam soalan bertulis saya untuk dinaikkan taraf Taman Tunku, jawapan yang diberikan nampaknya sebagai melepaskan batuk di tangga sahaja.

Sebenarnya jika Kerajaan Negeri serius di dalam menambah komponen-komponen pelancongan, Seberang Jaya adalah satu-satunya destinasi yang tidak harus diketepikan. Jika Taman Tunku ini dapat dinaik taraf ke satu mini *botanical park* yang indah dengan komponen-komponen yang menarik dan pembangunan secara komprehensif yang mengambil peluang pembangunan hingga ke Safira Resort, yang mempunyai komponen *chalet, aktiviti riadah, golf driving range*, disokong dengan pengwujudan Penang Park, Penang Bird Park dan deretan rumah-rumah ibadah bukan Islam, pengwujudan hotel Sunway dan Sunway Carnival Shopping Centre maka lokasi ini sudah tentu akan memberikan *advantage* dan ianya akan menjadi salah satu lagi komponen pelancongan yang menarik di Negeri Pulau Pinang.

Sebagai usaha untuk mendapatkan dana-dana tambahan bagi kementerian-kementerian dan juga dari jabatan-jabatan Persekutuan yang lain harus diambil oleh jabatan-jabatan berkenaan dan juga Kerajaan Negeri harus membantu kearah mencapai matlamat itu. Ini adalah salah satu usaha yang dapat mempercepat pembangunan-pembangunan tanpa ada alasan tiada bajet dan sebagainya dan meletakkan oleh kerana *constrain budget* hanya kepada Jabatan-jabatan yang akhirnya jabatan-jabatan kata siapalah kami untuk melaksanakan jika kami tidak mempunyai peruntukan, maka peruntukan itu juga Kerajaan Negeri kata saya serahkan kepada jabatan-jabatan berkenaan. Dia akan jadi *between the chicken and the eggs*, maka semua perkara-perkara yang dibangkitkan oleh rakyat mungkin kebanyakannya akan tergendala.

Lagi YB. Tuan Speaker. Kaum Cina yang banyak meraikan. Berbagai-bagai perayaan antaranya dalam musim ini "*poh to*" sembahyang hantu akan datang, sudah hampir. Memandang program ini akan melibatkan banyak sungguh warga Cina yang berbagai-bagai peringkat, maka eloklah Kerajaan Negeri memperuntukan sejumlah dana, di mana pertumbuhan-pertumbuhan yang ingin mengadakan program ini diberikan sumbangan sebanyak 500 hingga 1000 ribu ringgit sekali setiap tahun. Begitu jugalah diberikan peruntukan yang sama untuk program masyarakat India (ponggal) dan masyarakat Melayu diikuti beberapa program lain dengan nilai yang sama setiap kali 500 hingga 1000 setahun sahaja.

Seperkara yang lain ialah mengenai keperluan diadakan satu "*Funeral parlour*" di Bandar Seberang Jaya, kerana di kawasan itu mempunyai kaum-kaum Cina yang mendiami dikawasan tersebut dan apabila berlaku kematian ini adalah adat resam kaum Cina, maka mereka akan meletakkan mayat kadang-kadang di depan rumah kadang-kadang bawah flat sehingga lima hari sepuluh hari, dan akhirnya ianya akan mengakibatkan sedikit rasa kurang selesa kepada penduduk-penduduk Cina juga dan juga penduduk-penduduk kaum lain. Sebab itu kewujudan satu *funeral parlour* di Kawasan Seberang jaya amatlah penting tetapi ketiadaan tanah yang sesuai adalah menjadi masalah. Saya telah pohon di dalam soalan bertulis saya supaya kerajaan membantu kerana terdapat sebidang tanah bersebelahan dengan Safira selepas sungai di kawasan Chai Leng Park, jika dapat membantulah supaya ianya diberikan sebidang tanah sama ada secara pengambilan atau pun membantu untuk

mempercepatkan pembelian tanah tersebut, supaya *funeral parlour* yang akan didirikan oleh pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar yang telah pun mengharapkannya telah beberapa tahun dapat menjadi kenyataan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Tuan Lim Hock Seng):

Berkenaan dengan tanah untuk *funeral parlour* yang dikelolakan oleh poh to, Seberang Jaya, Yang Berhormat telah berusaha dan telah berkali-kali bertemu dengan wakil poh to ini dan mereka difahamkan oleh Yang Berhormat, bahawa Yang Berhormat sebidang tanah ini dari PDC, tetapi semakan selepas mereka datang cari saya, saya menanya kepada PDC maka PDC kata tak ada sebarang permohonan dikemukakan sebelum ini. Jadi mereka telah dinasihati oleh PDC untuk mengemukakan permohonan memiliki tanah Yang Berhormat sebut itu, iaitu di depan kilang elektronik dahulunya di sana. Dalam perkara ini kita kenalah bermula dari sekarang untuk menjalani proses memohon tanah. Sebelum permohonan baru ini maka mungkin dua tiga tahun sudah tidak ada apa-apa hasil. Bersetujukah dengan pendapat saya?

Ahli kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Terima kasih wakil daripada Bagan Jermal. Sebab itulah kadang-kadang saya kata kita harus bertindak melalui fakta. Saya boleh tunjuk sebenarnya. Kita dah *apply* kepada *Chief Minister* sendiri, kita dah *apply* melalui Dewan yang mulia ini, beberapa kali persidangan. Kita dah minta pada *Ministry*, saya ada surat sebab dirujuk, kita juga ada *apply* melalui MPSP. Semua ada surat yang dicop terima. Akhir sekali jawapan yang diterima ialah tanah itu tidak sesuai pertama dibantah oleh RIBI. Kononnya pantang larang tak boleh tengok ada mayat ada berdekatan dengan kuil-kuil tertentu. Yang kedua, kilang saya kalau nak sebut *Smart Moduler* yang berada di kawasan tersebut dan beberapa kilang lain merasakan jika *funeral parlour* maka akhirnya ianya akan mengakibatkan sedikit gangguan kepada “fung sui” pendapatan kilang tersebut. Sebab itu di Dewan yang mulia hari ini saya mengemukakan kerana adanya satu tanah yang tak mengganggu sapa-sapa, elok di tepi jalan, dekat dengan sungai maka kalau boleh dipertimbangkan bantulah... (bahasa Cina). Sama-sama cina tolonglah Cina sama.

Yang Berhormat Tuan Speaker. Memandangkan pesakit yang menjalani rawatan *hemodialisis*...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Tuan Lim Hock Seng):

Penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat memberi tahu bidang tanah yang Yang Berhormat cadang itu, miliki siapa?

Ahli kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ada mengemukakan soalan ini secara bertulis sampai hari ini tak diberikan jawapan. Kalau diberikan jawapan dalam tu mungkin akan cakap tanah milik Boon Siew umpamanya, *realty* atau pun tanah ini adalah tanah kerajaan dan sebagainya. Tapi dah bagi soalan bertulis saya tak lengkap lagi ni, ada yang belum jawab lagi. Jadi kalau ada saya boleh jawab. Kalau ianya tanah Boon Siew pohonlah untuk buat pengambilan ke , kalau tanah kerajaan bagi aje la. Tak apalah dalam penggulungan nati bagi tahu, sebab saya tak terima. Saya ada dua tiga yang belum diterima oleh saya berkenaan soalan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, memandangkan pesakit yang menjalani rawatan *hemodialisis* di Negeri Pulau Pinang adalah melebihi 1500 orang di mana seramai 184 orang menjalani rawatan di Hospital Kerajaan dan 1154 orang di Hospital Swasta dan tidak termasuk 173 orang yang menjalani *Continuous Ambulatory Dialysis* atau pun CAPD...(dengan izin), di rumah sendiri maka cadangan saya supaya setiap DUN di pusat-pusat *dialysis* bantuan Kerajaan Negeri harus dipertimbangkan memandangkan keperluan *consumerable* yang berjumlah kira-kira 1300 Ringgit setiap orang setiap bulan amatlah tinggi dan eloklah sebagai kerajaan yang mengamalkan C.A.T. sanggup juga meletakkan agenda *Caring* sebagai satu elimen penting di dalam agenda kebajikan Kerajaan Negeri. Dengan cara itu bebanan yang ditanggung oleh pesakit-pesakit ini boleh dapat pembelaan sewajarnya. Sekali gus membantu menyelamatkan banyak nyawa-nyawa rakyat Negeri Pulau Pinang yang menghadapi masalah ini dan seterusnya yang menghadapi *constrain*, pembiayaan dan sebagainya.

YB. Tuan Speaker, izinkan saya sentuh sedikit berkenaan beberapa portfolio EXCO dengan beberapa pandangan secara ringkas sahaja. Pertama ialah berkenaan dengan hal ehwal pengguna. Masalah kenaikan harga barang kita rasa semua rakyat merasainya, kaya, miskin, ahli-ahli Yang Berhormat, ahli EXCO termasuklah Ketua Menteri saya percaya. Maka adalah elok di peringkat negeri juga diadakan *stock par* bagi bahan-bahan utama, iaitu sebagai contoh satu atau dua di dalam setiap KADUN. Dengan wujudnya KADUN *walls* dan sebagainya. Jika ada *stock par* ini dan kenal pasti kedai-kedai runcit tertentu yang boleh menjadi agen kepada Kerajaan Negeri bagi menguruskan beras, tepung. Sebab tepung yang sekarang ini Yang Berhormat Tuan Speaker, peniaga-peniaga kecil ni susah nak dapat tepung. Jadi kalau ada stok par yang dibuatkan oleh Kerajaan Negeri orang yang nak beli tepung di kedai-kedai biasa tak ada di *Supermarket* juga tak ada, maka dia orang boleh ambil di kedai yang telah pun dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri. Di kedai tu memang ada beberapa item-item iaitu untuk perkara-perkara yang *essential* yang dikawal dapat diambil. Kerana janganlah kita tunggu segala-galanya dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dan sebagainya. Sekarang ini ada skim pula program tanaman sayur dan sebagainya diberi oleh Kerajaan Pusat dan saya percaya Kerajaan Negeri mungkin juga memperkenalkannya. Maka elok juga diadakan satu lagi mekanisma di mana setiap minggu sekurang-kurangnya ada satu ala pesta, pesta memberikan penjualan sayur secara harga gila-gila. Sebab kenapa harga gila-gila ialah kalau sayur modalnya katakanlah modalnya jatuh RM1.00 kalau ada bantuan-bantuan tertentu yang diberikan oleh Kerajaan Negeri telah pun subsidi 2 kupang ke tiga kupang, maka akhirnya dia boleh menjualkan dengan harga yang cukup murah. Dan ianya dilakukan kerana petani itu sendiri akan pergi ke tempat-tempat tersebut. Macam Pasar Sari dan sebagainya. Tetapi ini adalah pasar sayur gila-gila.

Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan EXCO Sukan. Nampak comel, senyum selalu, dia orang kata pandai karaoke. Kalau sekali sekala ajar saya, saya boleh mengajar jugalah karaoke. Iaitu adakah dirancang satu program khas bagi menambahkan aktiviti-aktiviti kesukanan dan seterusnya mengenalpasti beberapa teras sukan untuk Negeri Pulau Pinang. Umpamanya bolasepak. Sekarang ni banyak kawasan-kawasan tertentu yang tidak mempunyai kawasan lapang yang sesuai untuk dijadikan padang bolasepak.

Dan ada *rulling* juga menyatakan kawasan-kawasan lapang tertentu di dalam kawasan perumahan tak boleh dibina sesuatu struktur dan sebagainya tetapi kalau boleh EXCO berkenaan berbincang dengan PBT. Mungkin kita tak buat struktur apa-apa kita cuma buat penahan dinding tertentu supaya kawasan flat itu pun juga boleh jadi tempat untuk mereka bermain bolasepak kerana ini adalah kegemaran. Begitulah juga dengan futsal. Tidak ada susahya tidak ada bajet sekali pun. Yang saya minta ialah setiap KADUN mempunyai gelanggang futsal berbumbung dua setiap KADUN, supaya mereka boleh bermain tak payahlah nak kena bayar RM80.00, RM70.00t bermain futsal, kesian kerana budak-budak kecil remaja ni tak ada duit. Saya tengok dia orang kongsi-kongsi. Lu ada berapa, RM2.00, RM3.00, RM4.00, campur-campur main futsal. Dan secara langkah segera berikan seribu tiang futsal. Seribu tiang futsal. Satu Negeri Pulau Pinang. Bagi dengan percuma tiang futsal besi dan net tu supaya kawasan-kawasan tertentu mereka boleh bermain futsal padang, futsal jalan, futsal pantai dan sebagainya. Lanya dapat memberikan keceriaan dan kebaikan kepada penduduk-penduduk yang ingin mengamalkan aktiviti-aktiviti sihat ini. Saya juga mencadangkan bahawa pertandingan sukan di antara KADUN harus diadakan walaupun dulu kita ada la SUKPEN dan sebagainya tapi itu adalah antara daerah. Supaya tiap-tiap KADUN merasakan bahawa mereka harus sebagai ADUN kawasan menggerakkan aktiviti-aktiviti sukan kerana setahun sekali EXCO berkenaan akan mengadakan, apa nama ni, pertandingan di antara KADUN dan KADUN berasa bangga, waa... KADUN Seberang Jaya johan pada tahun, tiga tahun berturut-turut. Ini adalah satu kebanggaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara yang lain ialah berkenaan dengan, untuk kita membantu supaya diadakan juga sikit tempat-tempat riadah untuk warga-warga emas. Kadang-kadang dia orang suka main *petaque* ka, apa tu, sebut apa, *petaque*, atau pun *bowling-bowling* padang dan sebagainya atau pun benda-benda lain yang sesuai untuk orang tua-tua kalau ada kawasan lapang. *Reserve* kan sikit tempat supaya diaorang boleh mainlah, orang tua-tua, syok-syok. berapa, sudah sampai dan sebagainya. Begitu jugalah dengan kawasan-kawasan yang depa main, taichi yang nak belajar silat ka, “chi kong” ka kat situ. Tetapi, haruslah bantu sikit ya tak banyak, kadang-kadang tak sampai seribu pun. Dia orang nak main taichi, kadang-kadang nak beli muzik tu, apa, PA sistem tu pun, tak dak, tak dak duit. Terpaksa kutip-kutip.

Jadi, kalau boleh bagilah pada pertubuhan atau kumpulan-kumpulan tertentu yang tak *register* sebagai NGO. Tapi kumpulan riadah sendiri, bagilah mereka apa ni, *CD player* yang ada muzik atau pun PA sistem dan sebagainya.

YB. Tuan Speaker, kawan saya daripada Sungai Puyu, sama-sama tema rambut putih, baru masuk, kalau tak sentuh pun, marah juga. Jadi saya merasakan, saya nak sentuh sikit berkenaan kebajikan. Iaitu bolehkah Kerajaan Negeri mewujudkan satu tabung khas, dekat Kerajaan Negeri, iaitu pertama ialah untuk membantu, warga-warga yang hendak masuk kepada IPTA, IPTS ni, ada yang jual reban ayam nak bayar tambang. Betul la ada daripada tabung TYT dan sebagainya dan Pusat Urus Zakat boleh bagi dan sebagainya, tapi kalau ada satu mekanisme yang lebih mudah. Anak Pulau Pinang, IC Pulau Pinang, pemastautin Pulau Pinang, pengundi Pulau Pinang tak kira fahaman politik, kalau ada *problem* kerana kemasukan ke IPTA, IPTS yang disahkan, Kerajaan Negeri bagilah RM500 ka RM1000 ka, tutup mata. Ini hang nak buat tambang ka, nak pi dengan keretapi ka, hang nak buat apa ka, sebagai permulaan. Jadi, saya berharap perkara ini dapat dipertimbangkan. Yang kedua ialah pemberian makanan berterusan secara bulanan kepada beberapa warga miskin. Yang ada komposisi beras, sardin, kicap la sikit, bihun ka apa-apa ka, setiap tahun akan diberikan kepada golongan-golongan tertentu. Tidak berbentuk wang ringgit tetapi berbentuk bahan-bahan keperluan mereka. Kerana ada dikalangan, anak-anak dikalangan orang miskin ni, sedih kalau kita tengok, termasuk di Seberang Jaya. Saya pun sedih. Di dalam flat saya tengok anak makan nasi dengan kicap tiap-tiap kali, duit tak dak. Jadi, kalau golongan-golongan ni, setelah dia jumpa Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri pi buat siasatan kat situ, mungkin dapat diberikan mereka dalam golongan penerimaan bahan makanan berkhasiat yang berimbang atau seimbang kepada mereka ini.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):

Penjelasan. Yang Berhormat Tuan Speaker, apa yang dibangkit oleh YB. Seberang Jaya mengenai dengan bantuan-bantuan, bantuan-bantuan persekolahan IPT awal tu, memang ada. Baru ni di kawasan saya pun banyak yang dapat. Tapi kita kena pi *true channel*. YB. kena ada hubungan la dengan Pejabat Daerah semua ada keluar. Di, di kawasan saya pun ada di keluar.

Demikian juga dengan masalah-masalah orang miskin. Masalah orang miskin pun banyak yang, yang dah kita, kita, tapi kita kena usaha sikit la. Kalau kita tak bagitau, diaorang tak tak tau. Dia ada benda tu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Itulah saya, itulah seperti, saya yang ni yang saya kata tadi tu, tadi mungkin, ni kawan baik saya, sama-sama gemuk, saya ajak YB. Permatang Pasir tubuhkan satu Kelab Obesiti suruh jadi Presiden dia tak mau, kami semua golongan gemuk-gemuk. Yang kedua, mungkin terlenu ka apa ka, saya kata tadi melalui kaedah-kaedah jabatan, banyak dah di ambil tindakan, Pejabat Daerah, termasuk apa nama ni, PBT, MPSP pun dia ada depa punya apa *social publication* dan lain-lain termasuk Pusat Urus Zakat dan saya sebut Tabung TYT. Tapi Kerajaan Negeri tu sendiri, selain daripada mekanisma yang sedia ada. Ini tambahan. Kalau tak mau buat, tak mau buat, tak pa lain kali Barisan Nasional ambil-alih kita buat pulak sebagai tambahan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga mengharapkan bahawa EXCO berkenaan mengadakan juga kursus-kursus bantuan khas kepada golongan ini, supaya kita keluarkan mereka daripada kepompong, kepompong kemiskinan. Umpamanya, mungkin kita berikan mereka kursus-kursus berkenaan dengan bagaimanakah mereka boleh jadi usahawan yang mana boleh buat 'masalodeh'. Tak tau ni Datok Keramat tau buat ka dak 'masalodeh' kan, supaya kita bagi modal RM500, dia dah reti buat 'masalodeh', lain kali dia tak minta duit dah, dia nanti jual 'masalodeh'. Begitu juga dengan kuih-kuih lain dan sebagainya atau pun nasi lemak dan di samping itu, pada golongan-golongan yang kita rasa keluarga banyak, dan dia ada kawasan di tepi rumah, kita tolong dia buat...(gangguan), dia boleh buat bela lintah. Ada satu-satu kumpulan syarikat yang boleh bagikan bantuan untuk bela lintah dan hasilnya mereka akan beli balik. Dan cuma perlu kudrat daripada orang-orang miskin ni. Begitu juga la, bela cacing kan, bela cacing dan ini adalah memerlukan kawasan yang begitu kecil. Dan begitu juga dengan, apa nama ni, penanaman, apa dia panggil tu, yang kita makan baguih tu "ling-zhi" tu, panggil apa tu, cendawan. Dia tak perlu besar, depan ni saja pun cukup, besar ni, dia buat bumbung, dan bubuh beberapa alat dan ianya akan menjadi satu pendapatan kepada kaum-kaum miskin dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, ada sikit lagi, iaitu, berkenaan dengan kebudayaan dan warisan. Saya ingin mencadangkan, dah lama dah saya minta dan mungkin boleh diberi pertimbangan iaitu diwujudkan mini *handicraft center*, di yang tu berdekatan dengan bulatan tengah di Seberang Jaya, ada sekeping tanah tu. Di situ, jika dijadikan sebagai mini *handicraft center*, berkenaan dengan handikraft kebudayaan Cina, Melayu, India, Banggali, Sikh dan sebagainya dapat dibeli di situ dengan adanya *static kiosk* dan sebagainya ada di situ. Maka, ianya adalah satu tempat yang strategik. Bukit Tengah kalau boleh kita sama-sama kongsi, kita buat. Tanah, tanah kerajaan. Duit, Bahagian Warisan mungkin dapat cari, ya kan. Dan, kita, kita lakukan ya, supaya kita boleh wujudkan banyak, *mini handicraft center*, seluruh Negeri Pulau Pinang.

Jadi, pelancong-pelancong yang datang ke tempat-tempat tertentu tak payah yang mana mai Seberang Perai nak mai di Pulau Pinang, jauh. Dia boleh beli *handicraft* di tempat-tempat tersebut. Termasuklah, 10 perkara yang saya difahamkan akan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri sebagai *the compulsory souvenirs* atau pun *handicraft* yang harus dibeli oleh apa nama ni, pelancong-pelancong apabila mereka melawat Negeri Pulau Pinang ini. Yang kedua ialah, supaya banyakkkan sikit arca-arca, di kawasan-kawasan tepi jalan itu, yang membolehkan, memberikan pefahaman kebudayaan orang-orang atau pun pelancong-pelancong. Kalau bubuh naga di kawasan Cina banyak, ini naga satu kebudayaan Cina yang mereka suka. Bubuh tepak sireh atau pun gasing di bulatan ka, di tepi-tepi, ini adalah budaya Orang Melayu dan sebagainya, kan. Bubuh pokok pisang, ini tau ini di kawasan Orang India, dia suka, bila ada sesuatu perayaan di tanam pokok pisang. Tapi pokok pisang batulah ya, kita bubuh. Ini juga dapat membantu. *That's why* kerjasama di antara EXCO-EXCO sama ada ianya EXCO Warisan ka, pelancongan ka, PBT. Jika diwujudkan, perkara ini dapat menjadi kenyataan. Dan Pulau Pinang akan dilihat sebagai satu tempat yang begitu indah, seronok. Kalau kita ada esok bas yang macam di London tu, yang dua tingkat dan sebagainya, tak payah pi bawa pi tempat lain, lalu sekeliling jalan di Negeri Pulau Pinang pun dapat tengok. Ini apa, ini Melayu, apa dia, dia makan sireh. Ini apa, ini naga, ini jaga, nanti dia tembak itu api kena mati, dan sebagainya.

Apa nama ni, Yang Berhormat Tuan Speaker, selain daripada itu saya berharaplah Kerajaan Negeri, kalau dapat galakkan, persembahkan tiga bangsa, teras dan juga bangsa-bangsa lain yang ada di Negeri Pulau Pinang, bagi setiap acara rasmi supaya setiap kali kita sendiri kadang-kadang anak Negeri Pulau Pinang pun kadang-kadang tak berapa faham, kadang-kadang. Kalau anak-anak Cina pi satu program dia tengok, ini apa ini, ronggeng, ronggeng ni apa ni. Ni apa, kalau anak-anak Melayu pulak pergi, ini apa, *just* dia tak memahami, apa nama, kebudayaan semua bangsa yang ada.

Yang ketiga ialah, kita mempertingkatkan juga amalan, apa panggil tu, budaya budi pekerti. Walaupun itu adalah satu-satu yang disarankan oleh pihak Kerajaan Pusat, tapi kadang-kadang nak cakap *the word thank you*, 'sie-sie', 'nandre' pun, 'vanekam', 'vanekam' baru nak habis sat lagi baru kita 'vanekam'. Sebab itu, ini adalah perkara-perkara yang saja dan mungkin boleh ada *road sign* yang tertentu, *thank you* dan apa-apalah kan. Jadi orang baca tu, dia tengok dan akhirnya budaya ini akan dapat disemai. Kadang-kadang jumpa orang tua kah, orang muda, dia tak ada kata. Dulu kami di kampung, ya assalamualaikum pakcik apa habaq, ya tauke pi mana, tak dak dah. Bertegur-sapa kebudayaan itu sendiri. Ini juga komponen warisan yang berada di dalam negeri, di dalam hati yang harus kita perkenalkan. Kemesraan, ya kemesraan. Begitu jugalah saya ingin nak nyatakan iaitu, di Muzium Negeri. Kalau boleh banyakkannya juga apa nama ni, *exhibit*, *exhibit* tiga bangsa utama dan bangsa-bangsa lain. Kadang-kadang kita masuk muzium, kita tengok, sesuatu kebudayaan itu ada, sesuatu *exhibit* tu ada, tetapi kadang-kadang kita tanya ni muzium negeri ini muzium untuk satu bangsa ka, dua bangsa ka. Kalau kita boleh tunjukkan ketiga-tiga bangsa teras, bila masuk kat sini, nampak, ni pakai songket, cantik dengan baju melayu, aaa ni Melayu, kan. Kalau kita tengok dia pakai sari, ini India. Mungkin, apa nama ni, model, model batu berkenaan dengan kebudayaan tu dan sebagainya. Kalau dia pi tengok pulak cheongsam, ini Cina dan sebagainya. Saya dok tengok, ni apa nama ni, YB. Tuan Speaker dah tengok jam, saya kena, cuba (gangguan).

Yang Berhormat Tuan Speaker, ialah satu berkenaan dengan di masjid-masjid di, kalau boleh kita cuba elakkan benda-benda yang berunsur politik. Kita tambahkan dan jadikan masjid sebagai tempat yang boleh dijadikan riadah, penjualan benda-benda berunsurkan, apa nama ni, keperluan agama termasuk di tokong dan di *church* menjualkan peralatan-peralatan kegunaan agama mereka masing-masing. Sedikit perkara berkenaan dengan pelancongan ialah, iaitu, tolong banyakkann jugalah *billboard-billboard* bagi destinasi pelancongan di Negeri Pulau Pinang dengan *the word that say visit Malaysia* ka apa tu *visit* Penang ka atau pun Penang *hawker's heaven*, umpamanya. Atau pun apa nama ni Seberang Jaya, *transits for business and pleasure*. Orang pun tanya apa benda, tapi bila dia datang, baru dia tau. Mai Seberang Jaya, dia boleh pi duduk di hotel, boleh buat *meeting*, anak *you* boleh pergi Penang Bird Park, yang ikut mengiringi tu boleh pi main golf di Safira, apa nama ni, Safira Garden Range, yang nak *shopping*, *husband* tu bagi duit banyak sikit kat isteri, *shopping* di kawasan Sunway Carnival, yang nak tengok wayang, kita ada lapan panggung wayang, *first class* di Seberang Jaya. Dan ini adalah perkara-perkara yang harus diberikan promosi begitu jugalah saya harap *handbill-handbill* juga diedarkan kepada semua tempat-tempat yang orang kunjung, termasuk bus station, restoran dan sebagainya. Saya terpaksa ringkaskan.

Begitu jugalah saya berharap, apa nama ni, satu perkara yang harus saya sentuh sikit kerana YB. daripada Padang Kota memberitahu pada saya yang dia, baik demam dah, dia tunjuk ubat baik demam dah pada saya, YB. daripada Padang Kota mengatakan kita, dia dari kerajaan, saya jadi portfolio, lebih kurang sama dengan dia. Kalau tak sentuh, dia marah, sentuh sikit-sikit saja. Saya cuma ingin nak tanya, betulkah MPSP iaitu kontraktor-kontraktor kecil dia mengeluh dia kata, pembayaran tak dapat-dapat lagi, lambat sangat. Dah lah mereka, kurang dapat projek. Kalau betul, Padang Kota bantulah. Pinjamlah duit Kerajaan Negeri ka, apa ka kepada MPSP. Supaya perkara ini dapat diatasi.

Yang kedua, saya berharap banyakkannlah tanam pokok-pokok, dan indahkanlah kawasan-kawasan dengan landskap. Ini cantik, Negeri Pulau Pinang ni kan lebih *orient*. Kita juga menunjukkan bahawa Pulau Pinang ni, kita nak keluarkan satu keadaan di mana kita memberikan satu alam sekitar yang begitu segar dan sebagainya.

Sebab tu tanamlah banyak pokok. Jadi, banyakkannya acara-acara, yang arca-arca yang disebut tadi, yang tidak berunsurkan makhluklah, sebab ada daripada golongan-golongan tertentu diganggu sebarang makhluk di kawasan-kawasan mereka dan mereka bantahlahkan, yang tak bernyawa, seperti bunga, seperti buah-buahan dan sebagainya. Bila masuk Balik Pulau, tengok apa ni gambar besi apa ni, konkrit, durian banyak, kita masuk kawasan durian. Kita boleh beli banyak di kawasan ini dan sebagainya. Begitu juga saya ingin tanya iaitu kita adakanlah juga banyak aktiviti-aktiviti kebersihan yang bersepadu termasuklah pertandingan-pertandingan landskap. Kadang-kadang orang kampung dan pertubuhan lain ini..dia seronok dapat apa, dapat sikit hadiah, sijil pun dia 'syok'. "Sijil Pertandingan Landskap Peringkat DUN-DUN", makcik pakcik ni pun lawan, kita lawan, sebelum tu peringkat-peringkat kecil dan sebagainya.

Jadi, nak percepatkan kita terpaksa sentuh benda kecil-kecil sahaja. Yang ketiga adalah berkenaan dengan bangunan yang saya katakan semalam. Iaitu sebenarnya bangunan MPSP, nak kata berhantu..tak berhantu..bangunan MPSP ni kalau kita pergi buat kajian, terlalu ramai kakitangan MPSP ni jatuh sakit. Tak tau pasal apa? Mungkin bangunan tu tak sesuai. Nak tanya YDP banyak kali kalau cuba, ada tak depa cuba buat statistik depa tengok berapa orang yang mereka ni kan. Mungkin bangunan tu tak sesuai untuk kerajaan, tetapi sesuai untuk korporat. Jadi, cadangan nak jual tu bukanlah kerana kita tak mau tempat yang begitu indah dan cantik, bagilah tempat-tempat lain supaya kesesuaian kakitangan yang tak payah jatuh sakit, dengan apa benda saya tak tau, setahu saya dulu, USM ada buat satu (1) kajian berkenaan dengan kesesuaian bangunan ini, apa jadi dengan itu saya pun tak tau.

Dan YB. Tuan Speaker, yang kedua adalah berkenaan lampu *traffic light* tu, yang setengah tu kita tengok *countdown*, dia tak menghormati undang-undang kata merah, kuning, hijau, dia tengok lima (5), zoomm, dia pi terus. Jadi ini pun, cubalah pertimbangkan keadaannya dan begitu jugalah tentang *oxidation-oxidation pond* dan tanah-tanah yang diserahkan pemaju, mungkin ianya dah tak ada guna, sistem yang baru, tanah tu boleh diguna pakai untuk perkara lain. Penswastan ke, *joint venture* ke, jual secara tender seperti Kerajaan Singapura lakukan ke, supaya boleh digunakan dan mendatangkan faedah dan hasil kepada MPSP.

Begitu jugalah saya ingin nyatakan bahawa yang kita lihat MPSP dapat banyak duit dulu pun kakitangan bawahan ni yang bagi, yang mendapat *surplus* dua ratus juta, tiga ratus juta, pegawai-pegawai yang gigih dan sebagainya, yang perabih, dia orang cakap orang atas-atas, saya tak tau siapalah kan? Jadi, jaga jugalah kebajikan mereka, overtime mereka bagi, kereta pun yang pengkuatkuasaan tu janganlah bagi kereta buruk dan sebagainya. Bagilah, jagalah orang bawah mustahak, kakitangan kerajaan ni. Dan begitu jugalah saya harap diberikan kursus-kursus pada mereka dan juga yang mana yang kena VSS ke, nak suruh diberhentikan, bagi mereka kursus-kursus, maka macam mana mereka boleh hidup menjadi usahawan, manakah sumber-sumber kewangan yang dapat mereka perolehi dan sebagainya. Dan begitulah juga saya berharap, apa nama..di kawasan-kawasan yang strategik seperti di Kuala Lumpur, benarkan juga usahawan-usahawan melakukan sesuatu, *static kiosk* seperti 7-Eleven ka atau pun, D-Five atau pun benda-benda tertentulah. Kalau tengok di Kuala Lumpur kadang-kadang *corner* sikit tu pun tapi tanah kerajaan, dibenarkan jadi *used car* yang cantik, jual BMW dan sebagainya. Maka itu juga merupakan hasil yang baik kepada Kerajaan Negeri dan termasuk PDC, nampak Dato' Rahim..beruban macam saya.

YB. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Seberang Jaya..

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Ariff Shah bin Haji Omar Shah):

Sikit sahaja lagi..tolonglah, iaitu berkenaan penyusunan semula Kampung Melayu Tanjong Tokong ini. Saya rasa ada seribu (1000) keluarga, tanah 24 ekar sahaja ada di situ. Tolonglah Kerajaan Negeri lakukan sesuatu mungkin Kerajaan Negeri sendiri membuatkan pengambilan semula tanah tu, susun semula supaya mereka dapat hidup dalam keadaan pembangunan semula kawasan dengan lebih selesa dan sebagainya. Dan akhir sekali adalah berkenaan dengan kedudukan sekolah tamil di kawasan apa nama, erm, di sini...Lake Garden..dia pernah ada permohonan oleh bekas EXCO dulu YB. P.K. Subbaiyah dan sebagainya, dan mungkin telah pun dipersetujui di peringkat EXCO, tapi dibantah di peringkat PBT dan sebagainya kerana kesesakan lalu lintas dan sebagainya

sehingga ada perkara-perkara yang boleh kita kompromi, bertolak ansur biarlah sekolah tamil yang hendak dipindahkan sahaja ke tempat-tempat di situ..kawasan tu banyak orang-orang bangsa India. Lakukan sesuatu juga membantu mereka. Jadi oleh kerana masa tersingkat, saya ingin mengakhiri dengan menyatakan bahawa:

DAP dan PKR adalah Kerajaan Campuran, PAS Pulau Pinang pelengkap kerusi, adakan dapat hari tu kan? ...(gangguan). Barisan Nasional, diletak dan dipihak pembangkang, hujah dan pandangan diberikan penuh keikhlasan dan perjuangan nampak terserlah, harapan rakyat ialah majunya Penang diuji semula, pengalaman baik daripada kami, daripada pembangkang, diteropong oleh rakyat, suara rakyat ini kedengaran, harapan dimensi baru akan bermula, Barisan Nasional akan memerintah kembali.....(gangguan). Pengajaran Tsunami khusus intensif, Barisan Nasional sudah tentu dapat menghayatinya. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Pegawai-pegawai Kerajaan yang gigih, yang membantu semua rakyat-rakyat sama ada ianya bagi pihak kerajaan atau pun pihak pembangkang..kerana tanpa bantuan mereka sudah tentulah kita ini wakil rakyat yang diamanahkan oleh rakyat tidak dapat menjalankan sesuatu kerana yang tersirat yang bersurat yang berada di dalam tangan bidang kuasa pegawai-pegawai kerajaan inilah yang membantu, kadang-kadang memberikan sedikit kredit pada kita wakil rakyat. Setinggi-tinggi terima kasih, semoga Allah S.W.T. sahaja yang dapat membantu membalas jasa dan budi semua kakitangan di peringkat bawah sampailah ke atas.

YB. Tuan Speaker, saya nampak YB. Tuan Speaker kacak orangnya, saksama petugasan telah pun dapat saya lihat di dalam agihan-agihan peluang untuk bercakap dan sebagainya, semoga amalan ini dijangkitkan juga kepada EXCO-EXCO yang harus mematuhi iaitu apabila kita lihat gendang yang ditepuk di dalam Dewan riuh nak riak saya rasa, telinga dan jantung saya pun dah rasa nak kena pi jumpa pakar ENT atau pun pakar jantung dan sebagainya. Jadi saya harap kuranglah sikit, saya duduk di belakang ni, saya dengar Allah, macam mana saya nak buat, nak tegur, kawan baik..dia *lawyer*, turut membela nasib orang dalam kawasan saya..hukum gantung. Jadi, tak jaga dia, dia tak tolong bela orang dalam kawasan saya. ...(gangguan), tapi kalau tepuk kuat sangat,

dia punya *vibration* tu mai, masuk sini, saya sakit telinga la Yang Berhormat...(gangguan). Jadi saya..perkara-perkara lain saya tak sentuh, masa tak ada. Sahabat saya mungkin nak cakap.

YB. Tuan Speaker:

Puji Speaker saya tambah 10 minit lagi ya? ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Ariff Shah bin Haji Omar Shah):

Jadi kalau boleh bagi peluang lah. Tadi dua (2) daripada pembangkang, lepas saya mungkin sebelah saya pula, jadi nampak ada seimbang. Saya baru kata saksama tadi. Jadi YB. Dato' Speaker, saya mohon untuk menyokong.

YB. Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat..masa hampir pukul satu (1). Saya nak menghentikan Seberang Jaya, dia pandai, dia pandai, jadi, susah nak menghentikan. Tapi, saya benarkan juga. Dewan akan ditangguhkan. Kita akan bersidang semula pada pukul 2.15. sila ambil perhatian. Kita masuk semula pukul 2.15.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang

YB. Timbalan Speaker:

Dewan bersidang semula. Dengan izin Yang Berhormat YB. Kebun Bunga dipersilakan. Yang Berhormat akan diberi masa sepanjang 20 minit sahaja, dipersilakan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Tuan Ong Khan Lee):

Terima kasih, YB. Timbalan Speaker, saya tidak akan mengambil masa yang panjang.

YB. Timbalan Speaker, saya memang hendak berucap pada pagi tadi cuma kita terdapat banyak kurator yang cukup hebat daripada Barisan Pembangkang. Pertama sekali yang ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakyat Pulau Pinang dalam memberikan mandat dan keyakinan kepada penubuhan kerajaan baru Pulau Pinang ini pada 8 Mac 2008 yang kini dikenali sebagai Kerajaan Pakatan Rakyat. Tetapi di sini saya tidak akan sebut tsunami, *political tsunami I won't mention that ...*(dengan izin) YB. Timbalan Speaker, tetapi apa yang berlaku pada 8 Mac ini merupakan satu *liberalisation ...*(dengan izin) pembebasan kepada rakyat Pulau Pinang kakitangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Yang setahu saya apa maknanya atau apa gunanya jasad seseorang itu bebas tetapi fikirannya terpenjara, ini kita tidak mahulah tuan-tuan dan puan-puan, YB. Timbalan Speaker ini bukan medan untuk berceramah mungkin ini boleh difahami oleh rakan-rakan saya terutamanya Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Barisan Pembangkang, saya ini masih orang baru jadi boleh beri peluang sedikit, mungkin ruangan, terima kasih.

Dalam masa yang saya juga bersyukur kepada Tuhan dalam memberi amanah kepada kita semua yang terpilih sebagai Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri baik dari kerajaan atau pembangkang. Amanah itu bukan sahaja rakyat tetapi juga kepada Tuhan yang mencipta alam sekitar dan kita semua. Mengikut prinsip Islam Hadhari yang dilaksanakan di negara kita oleh YAB. Perdana Menteri tidak begitu lama yang lalu, saya berasa terpanggil untuk merujuk kepada satu ayat suci dan relevan daripada ayat Al-Quran iaitu Surah An-Nisa' Bab 4, ayat 58 yang berbunyi seperti ini,(dengan izin) YB. Timbalan Speaker, " Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya yang berhak menerimanya apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia Allah menyuruh kamu menghukum dengan adil", sesungguhnya Allah dengan SurahNya itu telah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu, sesungguhnya Allah Maha mendengar lagi Maha melihat.

Oleh yang demikian YB. Timbalan Speaker, selaras dengan sistem demokrasi yang diamalkan di Negara Malaysia. Kita semua perlu mempertahankan sistem demokrasi ini dan memastikan ia semakin mantap dan matang supaya dapat melampaui keagamaan dan perkauman demi mewujudkan satu Bangsa Malaysia yang cemerlang dan terbilang.

Seperti yang telah ditakdirkan oleh Tuhan Yang Maha Kuasa buat kali pertama Negeri Pulau Pinang kini dipimpin oleh seorang Ketua Menteri yang amat berpengalaman, berilmu dengan minda yang terbuka. Beliau merupakan salah satu ahli Parlimen yang dinamik di mana Yang Amat Berhormat juga pernah melalui saat-saat yang pahit dan susah ketika dalam penjara sepanjang lebih kurang 4 tahun di bawah undang-undang zalim ISA dan juga dalam mempertahankan seorang gadis Melayu berumur pada ketika dahulu. Walaupun YAB. Ketua Menteri kita tidak berasal dari Negeri Pulau Pinang beliau juga berasal dari negeri-negeri selat kemungkinan orang-orang dari negeri-negeri selat mempunyai ciri-ciri yang unik dan kebolehan yang luar biasa. Seperti yang kita semua maklum Perdana Menteri kita serta Ketua Hakim Negara kita juga berasal dari negeri-negeri selat, khasnya Pulau Pinang. Mana tahu satu hari nanti bakal Perdana Menteri kita juga akan datang dari Pulau Pinang. Sekarang ini belum tahu lagi tetapi kemungkinan juga akan berlaku.

YB. Timbalan Speaker, prinsip CAT, *Competency, Accountability, Transparency* yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini adalah jelas dengan sendirinya. Barang siapa yang dapat memahami maksud perkataan-perkataan tersebut secara semula jadinya akan memahaminya tanpa tafsiran atau penterjemahan yang mendalam. Ia akan menjadi lebih bererti sekiranya Ahli Yang Berhormat tidak kira dari kerajaan atau pembangkang akan menggunakan Dewan Yang mulia ini sebagai wadah perbahasan dan pertukaran fikiran demi menghasilkan fikiran, polisi dan solusi yang lebih berkesan, prihatin dan berkualiti. Melalui kemuafakatan saya yakin banyak isu dan masalah boleh dijelaskan dan diselesaikan secara muhibbah.

YB. Timbalan Speaker, jangan kita asyik tuduh menuduh tetapi bersama-sama menangani dan mengharungi masalah-masalah yang dihadapi oleh Negeri Pulau Pinang selama ini seperti masalah banjir, kesesakan lalu lintas, kemiskinan, pengangguran dan sebagainya. Sebagai Wakil Rakyat di Kebun Bunga, saya juga faham tentang pelbagai masalah dan juga kemewahan yang sedia ada memandangkan Kebun Bunga merupakan satu kawasan kontradiksi *a place of contradiction*(dengan izin) di antara mereka yang miskin papa di Padang Tembak dan mereka yang kaya raya di Jesselton....(dengan izin). Kebun Bunga *is the constituency of contradiction between the hardcore poor and hardcore rich*.

Pada masa yang sama saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pelbagai jabatan Kerajaan Negeri yang telah memberi segala kerjasama semasa tempoh 4 bulan ini saya menjadi di ADUN di kawasan saya. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih khasnya kepada pihak MPPP, JPS dan juga pihak Polis yang menjaga keselamatan. Dan baru-baru ini saya ingin juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam janjinya untuk memasang CCTV di Padang Tembak. Insya-Allah, ia akan dipasang pada bulan depan demi menurunkan kadar jenayah di kawasan Padang Tembak.

Yang kedua YB. Timbalan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya kalau boleh selain daripada membina tempat letak kereta, kalau boleh, membina juga satu taman rekreasi untuk warga tua khasnya di Padang Tembak. Selain itu saya juga menyeru agar Kerajaan Pulau Pinang mempertimbangkan dalam usaha menjadikan Padang Tembak satu kawasan *save zone* juga.

Di samping itu YB. Timbalan Speaker, saya ingin juga merayu kepada Kerajaan Pualu Pinang supaya bertungkus lumus merangka satu rancangan *urban renewal* khasnya di kawasan Padang Tembak yang telah lama dibiarkan lebih kurang 40 tahun. Di samping itu, saya juga menyeru pihak kebajikan yang tertentu kalau boleh mempercepatkan proses permohonan orang-orang miskin yang meminta bantuan kerajaan. Selama ini walaupun tidak lama jadi ADUN Kebun Bunga, buat masa ini saya telah terima lebih kurang 100 permohonan khasnya daripada orang-orang miskin di kawasan Padang Tembak tetapi kebanyakan permohonan masih belum dapat diproses. Oleh yang demikian saya berharap Kerajaan Negeri akan lebih memberi perhatian terutamanya pada masa ini di mana kenaikan harga minyak telah menyebabkan tekanan yang lebih kepada orang-orang golongan miskin.

YB. Timbalan Speaker, peranan seorang Wakil Rakyat bukan sekadar berceramah atau berbahas malahan ADUN-ADUN merupakan jambatan di antara Kerajaan dan rakyat di mana semua Ahli Yang Berhormat secara *automatik* telah menjadi *thermometer* akar umbi. Seperti kenaikan harga minyak yang mendadak bulan yang lepas telah banyak menjejaskan kedudukan raykat terutamanya mereka yang berpendapatan di bawah RM1,000.00.

Justeru itu, usaha-usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam pembangunan dan kemajuan dalam membentaras kemiskinan berteras prinsip CAT dengan jelasnya lebih memihak kepada mereka yang miskin, seperti pemberian beras dan air kepada golongan miskin baru-baru ini. Di samping itu, pemberian biasiswa kepada pelajar daripada keluarga miskin yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sama sekali menunjukkan keazaman dan usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mempertingkatkan taraf hidup rakyat serta meringankan hidup rakyat yang miskin tanpa mengira bangsa dan agama. Pada masa yang sama YB. Timbalan Speaker, bahawa bukan sahaja rakyat kita miskin yang akan menghadapi masalah ekoran daripada kenaikan minyak malahan saya percaya ramai di kalangan kakitangan kerajaan menghadapi masalah yang sama. Dalam keadaan ini saya juga telah mengemukakan satu soalan kepada Kerajaan Pulau Pinang soalan saya adalah soalan yang bertulis sama ada Kerajaan Pulau Pinang akan mempertimbangkan untuk mengkaji semula gaji dan elaun semua kakitangan kerajaan Negeri Pulau Pinang dan jawapan yang saya terima adalah boleh terima, ada munasabah. Jadi Kerajaan Negeri memang tidak bercadang untuk mengkaji semula tetapi bersedia menimbangkan pemberian lain-lain bentuk bantuan kepada anggota perkhidmatan awam. Jadi kita kena minta tolong daripada Pegawai Kewangan untuk *check* tengok sama ada kedudukan kewangan Negeri Pulau Pinang mengizinkan atau tidak.

Sementara itu, YB. Tuan Speaker ada baiknya sekiranya projek-projek yang akan memanfaatkan rakyat Pulau Pinang terutamanya Jambatan Kedua Pulau Pinang akan diteruskan dalam masa yang terdekat demi mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti ekonomi sedia ada lalu menggalakkan pelaburan asing. Bahkan pelaburan asing adalah asas pembangunan satu negara apatah lagi untuk Negeri Pulau Pinang yang dikenali sebagai *Pearl of the Orient* ini. Pertumbuhan ekonomi yang stabil secara langsungnya akan mewujudkan peluang pekerjaan dan pada masa yang sama dapat membasmi kemiskinan di mana kadar jenayah pun akan menurun.

Pada masa yang sama, kita juga sedar bahawa terdapat banyak kawasan di Pulau Pinang yang masih mundur dan perlu dibangunkan seperti di Kebun Bunga khususnya di Kawasan Padang Tembak.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Tuan Ong Khan Lee):

Ya, teruskan.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu):

Terima kasih, YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Kebun Bunga, saya cuma hendak tambah satu cadangan untuk

mempertingkatkan mungkin kehidupan Kebun Bunga sebagai satu KADUN yang cantik. Adakah dengan tiadanya projek PGCC adakah cadangan untuk jadikan tanah lapang semula jadi di sana kerana tanah lapang semula jadi ...(dengan izin), *green space* adalah satu isu yang amat penting kerana ia merupakan satu elemen fundamental untuk bandar mampan supaya memberi manusia suasana yang lega dan ruangan untuk rekreasi yang saya sentuh tadi iaitu untuk berehat, bersenam dan sosialisasi.

Jadi dengan adanya tanah lapang semula jadi, maka kita kena menanam pokok merupakan satu tindakan yang senang dan bijak untuk manusia mendapat semula suasana yang tenteram semula jadi. Menurut laporan setiap pohon pokok yang ditanam itu, ia akan mengeluarkan 40 gelen oksigen balik ke dalam alam sekitar, maka oksigen yang dikembalikan ke udara cukup untuk kegunaan lebih daripada 200 orang. Oleh demikian, menyeru supaya sama-sama dengan YB. Kebun Bunga supaya Kerajaan P.R. Negeri Pulau Pinang menyokong projek, *one million trees project* di seluruh negeri yang dianjurkan supaya Negeri Pulau Pinang tercapai kekurangan *carbon dioxide* keluaran *edmission* perkapita di udara dengan 10% menjelang tahun 2013. Maka projek menanam 1 juta pohon pokok boleh dijalankan melalui 3 aspek iaitu peringkat kerajaan, peringkat awam dan peringkat *corporate*. Dengan itu saya menyeru dan meminta supaya kerajaan sokong projek ini.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Tuan Ong Khan Lee):

Terima kasih Yang Berhormat dari Tanjong Bunga. Cadangan Yang Berhormat dari Tanjong Bunga diterima dengan baik dan saya juga akan sokong sepenuhnya. Terima kasih YB. Tanjong Bunga. Tuan Speaker ...(dengan izin), saya teruskan.

Tadi saya ada menyentuh tentang banyak kawasan di Pulau Pinang yang masih mundur dan perlu dibangunkan seperti di Kebun Bunga. Izinkan saya menyambung, Batu Maung pun sama, Tuan Speaker. Selain itu terdapat juga Sungai Pinang, Pengkalan Kota, Ayer Itam, Batu Lanchang, Penaga, Penanti, Pinang Tunggal, Bertam, Balik Pulau, Pulau Betong, Telok Bahang, Telok Air Tawar, Bertam, Sungai Acheh, Sungai Puyu, Sungai Bakap, Permatang Pasir, Permatang Berangan, Berapit, Machang Bubok dan lain-lain lagi. Aduhai! YB. Tuan Speaker, nampaknya seluruh Pulau Pinang ini belum dibangunkan lagi, jadi YB. Tuan Speaker, saya rasa adalah perlu bahawa kita ini kena bekerja kuat sikit dan juga kalau boleh meminta bantuan yang lebih daripada Kerajaan Persekutuan yang saya akan sebutkan nanti.

YB. Tuan Speaker, saya percaya dengan pengalaman prinsip CAT, pembangunan yang seimbang serta kemasyarakatan madani akan tercapai di Negeri Pulau Pinang pada masa yang akan datang. Sekiranya terdapat bantuan kewangan dan peruntukan yang lebih banyak daripada Kerajaan Pusat, Pembangunan Pulau Pinang akan direalisasikan dengan lebih mudah dan cepat. Di sini saya ingin memohon bantuan dan kerjasama Ahli-ahli Yang terhormat terutamanya dari Barisan Nasional terutamanya melalui saluran yang tertentu untuk mendapatkan lebih banyak peruntukan pembangunan dan sekiranya dibenarkan lebih banyak autonomi juga diberikan kepada Negeri Pulau Pinang demi kepentingan dan kebajikan rakyat Pulau Pinang.

Melalui *decentralization* saya percaya Kerajaan Pulau Pinang akan mempunyai autonomi dalam menguruskan infrastruktur, kawalan lalu-lintas, sistem pengangkutan awam, teksi, jambatan, pelabuhan, lapangan terbang dan lain-lain dengan lebih cekap memandangkan Kerajaan Negeri lebih memahami geografi dan demografi negeri masing-masing.

YB. Tuan Speaker, walau pun keadaan negara kita masih belum pulih sepenuhnya dari krisis ekonomi sejak tahun 1997, kita masih *competitive*. Yang penting sekarang ialah kita semua perlu bekerjasama, berganding bahu demi mempertingkatkan daya saingan kita dan lalu menyelamatkan negeri kita yang tercinta ini tanpa mengira bangsa dan fahaman politik. Kalau kita semua ingin membangun semula Negeri Pulau Pinang, maka kita harus mengeneipkan segala perbezaan dan dalih yang ada bak kata “hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih”.

Akhirnya, izin saya menggulungkan ucapan saya dengan satu ayat suci lagi memandangkan saya tidak pandai berpantun, maka saya bolehlah rujuk kepada ayat suci (Surah Al-Hajj Bab 22 ayat 24) yang berbunyi seperti berikut:-

“Dan mereka diberi petunjuk (di dunia) dengan mengucapkan kata-kata yang baik, serta diberi petunjuk ke jalan Allah Yang Maha Terpuji.” Sekian terima kasih. YB. Tuan Speaker, dan saya mohon menyokong ucapan TYT.

YB. Tuan Speaker:

YB. Pinang Tunggal, dipersilakan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato’ Haji Roslan bin Saidin);

Terima kasih. Bismillahirrahmannirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. YB. Tuan Speaker, Ahli-ahli EXCO, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-pegawai, Tuan-tuan dan Puan-puan, saudara saudari sekalian. Terima kasih di atas kesempatan yang telah diberikan kepada saya oleh Tuan Speaker untuk turut sama memberi pendapat, pandangan dan buah fikiran dalam perbahasan ke atas ucapan Tuan Yang Terutama Tun Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada petang ini. Juga dalam kesempatan ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pucuk pimpinan parti di peringkat Persekutuan dan sekali lagi sambung nyawa saya untuk ke penggal yang kedua menjadi wakil

rakyat bagi Pinang Tunggal. Dan juga terima kasih saya kepada rakyat di seluruh kawasan saya yang telah pun mengundi saya dengan dapat mempertahankan dengan majoriti yang besar juga pada kali ini.

Tuan Speaker, isu pertama yang hendak saya bangkitkan ialah bersangkut paut atau yang melibatkan dengan Majlis Perbandaran iaitu Majlis Perbandaran Seberang Perai dan juga Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang bersangkut paut dengan pembatalan atau membatalkan saman Ringgit Malaysia sebanyak Tiga puluh juta seperti mana yang telah pun disuarakan oleh Ketua Pembangkang Ahli daripada Penaga baru-baru ini. Jelas nampak RM30 juta hasil yang sepatutnya diperolehi oleh kerajaan yang sepatutnya diperolehi oleh kerajaan yang ada sekarang ini hilang sama sekali dalam suasana dan keadaan yang ada ini tidak mempunyai sumber-sumber kewangan akan tetapi wang yang sepatutnya diperolehi hilang begitu sahaja. Jadi kepada kerajaan yang ada hari ini saya minta tolong supaya bagi pandangan atau pun apa-apa cadangan cara bagaimana untuk mendapatkan balik wang yang hilang ini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta penjelasan. Terima kasih YB. Tuan Speaker, YB. Pinang Tunggal, adakah YB. Pinang Tunggal bersetuju PDRM yang bagi diskaun 50% itu dan Pinang Tunggal pun tidak bersetuju, itu sahaja.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Oleh kerana masa kita tidak ada, kita masih ada ramai yang masih belum berbahas, saya minta nanti EXCO jawab esok. Saya hendak teruskan dengan isu ini. Tadi saya minta supaya beri apa-apa cadangan, apa-apa pandangan untuk mendapatkan balik sumber ini. Saya juga minta bila tarikhnya, bila? Sama ada enam bulan lagi? atau pun setahun lagi? Maklumkan kepada kita, asalkan usaha-usaha dibuat untuk mendapatkan balik sumber-sumber ini dengan harapan majlis perbandaran, terutamanya Majlis Perbandaran Seberang Perai dapat bergerak dengan jauh lebih aktif kerana kita lihat, saya dapati seolah majlis perbandaran tidak wujud.

Saya lihat di kawasan saya segala landskap, segala keindahan kawasan-kawasan yang dahulunya di bawah pentadbiran kerajaan yang terdahulu, kita dapati kawasan-kawasannya cantik, landscapenya terjaga tetapi hari ini...(gangguan), kesulitan amat dikesali, di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat. Jadi saya melihat seolah-olah tiada langsung pengurusan berpunca daripada tidak ada sumber-sumber kewangan, saya tahu. Jadi makna kata yang ada, sumber yang akan ada pun tidak mahu, jadi macam mana untuk mentadbir(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

YB. Tuan Speaker, kalau ada apa kuasa sikit yang ada pada pada YAB. Ketua Menteri itu bantu-bantulah *rehersal* yang dibuat di luar itu mengganggu Persidangan Dewan. Suruh dia orang mulakan *rehearsal* lambat sikit untuk program muzik apa tidak tahu kuat sangat, terima kasih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Terima kasih, isu yang kedua yang hendak saya bangkitkan ialah mengenai prinsip CAT yang di uar-uarkan oleh Pakatan Rakyat yang ada pada hari ini yang mentadbir Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Prinsip CAT atau pun kucing ini yang ceritanya banyak tentang pelabur-pelabur. Tentang pelabur-pelabur, setengahnya pun dicerita pasal pelabur-pelabur yang dah pun diusahakan oleh kerajaan yang terdahulu. Tak rasa malu ke kepada rakyat, menipu rakyat. Contohnya pelabur Aibidim, Syarikat Aibidim Honey Well yang telah pun diusahakan oleh kerajaan yang terdahulu dimaklumkan sebelum March 2008 lagi. Hari ini dimaklumkan lagi oleh kerajaan yang ada... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Peraturan, peraturan, peraturan. Tuan Speaker, minta maaf, Peraturan 46 13(c) "Dalam membuat perbahasan mana-mana berbahas seseorang ahli itu mestilah jangan menggunakan perkataan-perkataan yang menyakitkan hati ...(gangguan). Ini

sebentar, sebentar, saya belum habis lagi, sebentar, bersabar, *point of order*, *point of order*, *correct*, *point of order*. Bila berbahas perbahasan yang dibuat oleh ahli tadi seolah-olah mengatakan bahawa kerajaan sekarang menipu rakyat. Tak patutlah perkataan tersebut digunakan.

Gunakan tafsiran atau perkataan yang lain, kalau pandai berbahas. Ini cuba mencadangkan bahawa kerajaan baru ini telah menipu rakyat, seolah-olah kerajaan dahululah yang mendapatkan semua *investment* ...(dengan izin) dan kerajaan baru pula sekarang menipu rakyat. Itu adalah perkataan yang menyakitkan hati. Jelas sekali ia melanggar peraturan. Saya minta...(gangguan) sama ada, sebentar dulu, kalau nak bercakap berdiri, biar saya habis dulu. Jadi dalam hal ini saya minta pembahas, ahli tadi diminta diberi teguran atau pun diminta menarik balik. Beliau cuba mempolitikkan isu tersebut dan itu adalah satu tomahan yang...(gangguan) yang begitu serius. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Terima kasih Ahli Seri Delima tegur saya satu perkara. Saya juga nak tegur Ahli Seri Delima satu perkara. Teguran saya begini. Saya perhati daripada hari mula Seri Delima bercakap, dia punya tarik "*mic*" dekat begini, dengar sampai Kepala Batas. Tak payahlah begitu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji) :

Sebab "*mic*" dia pendek, "*mic*" dia pendek.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Tak payah saya pun bila cakap, macam ini juga. Ni hak kerajaan Barisan Nasional dulu tak payah sampai lagu ni, lagu ni cukup, *clear* dah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Okay, Yang Berhormat dengar lah. Kepala Batas tak dengar lagi. Yang Berhormat, dengar, dengar, dengar saya tak perlu pakai "mic", Kepala Batas tak dengar lagi.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Sila duk. Ni saya punya, saya punya...(gangguan). Terima kasih kerana dengar arahan saya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

YB. Tuan Speaker, kalau apa-apa perbahasan dibuat, peraturan mengatakan perbahasan di buat terhadap YB. Tuan Speaker bukan kepada ahli-ahli. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Terima kasih, saya nak bagi tau dengan Seri Delima, lain kali kalau nak bangkit, habak elok-elok. Minta izin. Minta Laluan, tunjuk ketertiban kita rakyat Pulau Pinang. Ini tak. Mai serbu, daripada hari mula, hari kedua dia tak mai langsung, hari ketiga, hari ini hari keempat. Terima kasih kerana dengar arahan saya. Duduk.

Saya teruskan prinsip CAT ini yang sebutkan pelabur-pelabur, saya dah sebutkan tadi. Cuma saya nak tanya satu apakah program khusus untuk tolong rakyat miskin, rakyat yang ada di luar bandar apa semua, tak disebut pun. Nak sebut tentang benda-benda yang besar, yang kecil-kecil kita kena ambilkira. Kerana kita adalah wakil rakyat untuk membela rakyat. Jadi saya nak mencadangkan dalam Dewan yang mulia hari ini, kepada kepimpinan semua Kerajaan Negeri yang ada sekarang, terutamanya kepada YAB. Ketua Menteri, YB. Timbalan Ketua Menteri I, YB. Timbalan Ketua Menteri II, EXCO-EXCO, saya mencadangkan setengah negeri lain dah pun buat supaya elaun, elaun Ahli-ahli Yang Berhormat, YAB. Ketua Menteri, YB. Timbalan Ketua Menteri, EXCO supaya dipotong 10% mulai Ogos 2008.

Kalau, kalau nak melihat orang kata apa kesediaan Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat, pengorbanan, (terima kasih). Isu yang lain yang saya nak sebut iaitu selain daripada yang disebut-sebut, pakai kereta baru, yang keduanya naik kapal terbang ekonomi kelas, apa lagi cadangan daripada Kerajaan Negeri, untuk kebaikan rakyat di negeri ini, janganlah nak bermain politik terlampau-lampau sampai ke satu perkara kita ingat, orang kata apa biasa-biasa saja di sebut untuk mendapat publisiti dan sebagainya. Yang penting tumpuan kita kepada membela rakyat.

YB. Tuan Speaker, cadangan saya berikutnya ialah bersangkut-paut dengan pelancongan, bersesuaian dengan negeri kita menjadi tumpuan pelancongan, saya juga ingin menegaskan pengusaha pelancongan Bumiputera tidak diketepikan dari arus pembangunan industri pelancongan negeri ini. Berikutan Penyeneraian George Town di dalam(dengan izin) *World Heritage Site* oleh pihak UNESCO baru-baru ini. Sebagai Kerajaan Negeri yang bersikap telus dan adil saya percaya hak-hak Bumiputera dalam pembabitan ekonomi akan terus dipelihara dan bukan hanya cakap-cakap saja menjadikan dasar tersebut sebagai kulit untuk perhiasan, perjuangan Pakatan Rakyat yang sedia ada. Kita juga ingin lihat sejauh mana ketelusan dan keadilan yang di uar-uarkan oleh mereka selama ini, bakal dijadikan realiti. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini, kebetulan YB. Timbalan Ketua Menteri 1 baru masuk, kita mengalu-alukan beliau ke Dewan Yang mulia ini.

Saya juga ingin membuat sedikit cabaran, tak mau banyak cabaran, wahai yang YB. Timbalan Ketua Menteri 1, tak mau banyak, sikit saja kerana saya pun tau belum sampai 1 tahun lagi, baru 4 bulan, tak payah nak cabar banyak, buat sedikit saja cabaran kepada YB. Timbalan Ketua Menteri 1, untuk membela orang Melayu Bumiputera di Pulau Pinang dengan merangka dan membentangkan satu pelan Dasar Ekonomi Melayu bagi Pulau Pinang dan hala tujunya pelan tersebut, dan jangan, tak mau lah cakap banyak-banyak juga, tapi tak cakap, kena cakap juga. Jangan hanya nak berpolitik serta bercakap kosong tanpa ada apa-apa visi pun dalam nak membela kaum Melayu. Kita terima hakikat bahawasahnya Anugerah Allah Subhanawataala kepada YB. Timbalan Ketua Menteri I untuk mewakili Kerajaan Negeri untuk mewakili semua rakyat di negeri ini, terima mandat dan tugas serta tanggungjawab ini, dengan baik dan sempurna.

Sila nyatakan juga dasar perumahan, sosial, pendidikan serta dasar menurbanisasikan penduduk Melayu yang semakin pupus di kawasan-kawasan pertumbuhan baru serta di bandar-bandar baru. Contohnya di Batu Kawan, ada juga dasar pemilikan rumah untuk orang Melayu malahan pemaju sentiasa memberikan alasan tidak ada orang Melayu yang ingin nak beli rumah-rumah yang dibina di kawasan pertumbuhan baru Batu Kawan, sedangkan rumah-rumah yang dibina adalah terlalu mahal dan di luar jangkauan kebanyakan orang Melayu.

Apa yang dikesalkan pemaju-pemaju yang hipokrit seperti ini tidak mahu bina rumah-rumah mampu milik yang mampu dibeli oleh orang-orang Melayu. Khususnya, tetapi terus memberi alasan tersebut sebagai helah untuk tidak mahu memberi peluang kepada orang-orang Melayu dalam menduduki kawasan-kawasan pertumbuhan seperti ini. Kita memandang serius akan hal ini dan meminta YB. Timbalan Menteri 1 dan juga ahli daripada Batu Maung yang ada di dalam EXCO Kerajaan Negeri supaya memandang serius dan membuat sesuatu untuk melindungi kepentingan orang-orang Melayu.....(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):

Beri laluan, Yang Berhormat saya minta. Terima kasih. Adakah YB. Pinang Tunggal mengatakan di sini bahawa rumah-rumah yang mewah tak patut di bina di Pulau Pinang, kerana ada orang-orang miskin Bumiputera tidak dapat membeli. Kalau orang-orang miskin, bukan saja orang-orang miskin Bumiputera, orang miskin orang Cina, orang India pun tak mampu beli rumah-rumah mewah. *But* orang-orang kaya Bumiputera, ada banyak yang boleh beli dan duduk di rumah-rumah besar seperti di Bertam, di sini. So, saya ingat *statement* macam ini tidak patutlah, *because* kita perlukan rumah mewah dan rumah kos rendah, rumah kos sederhana, semua rumah kita hendak. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Ahli daripada Bagan Dalam tau apa yang disebut kan, tau kan apa yang disebut, tau tak pa. Jadi EXCO jawab. Saya hendak teruskan dengan perbahasan saya. Ini penting supaya kita tahu bahawa Kerajaan Negeri bukan hanya sekadar berumum kosong

tetapi untuk melaksanakan konsep polisi telus, adil dan bertanggungjawab atau pun polisi kucing, CAT yang sering dilayangkan sejak memerintah. Kita berharap polisi kucing Kerajaan Negeri akan memberikan faedah kepada rakyat keseluruhan khususnya kaum Bumiputera dan tidak menjadi sebaliknya di mana kucing tersebut akan menggigit tuannya nanti.

YB. Timbalan Speaker, saya mengambil contoh isu kutipan tol Sungai Nyior, sebelum pilihan raya keduabelas diadakan, semasa Kerajaan Persekutuan ingin mengenakan tol di laluan tersebut, parti DAP sibuk mengadakan piket, menggesa dan menekan Kerajaan Negeri pada masa itu supaya meminta Kerajaan Pusat agar menghapuskan cadangan kutipan tol. Saya masih ingat sahabat saya Ahli Sungai Puyu adalah antara orang yang lantang berjuang untuk tujuan tersebut. Saya ingin bertanya kepada Ahli Sungai Puyu dan rakan-rakannya yang lain. Apakah perjuangan Ahli-ahli Yang Berhormat sudah terhenti dan hanya setakat itu saja? Adakah Yang Berhormat semua sudah sedar betapa sukarnya untuk menjadi kerajaan dan sedar bahawa sebagai Kerajaan Negeri yang ada? Perkara-perkara atau pun prosedur yang harus difahami dan dituruti. Apakah yang telah jadi pada Ahli-ahli Sungai Puyu? Pada Ahli Sungai Puyu yang begitu lantang bersuara sebelum menjadi pemimpin Kerajaan Negeri tetapi terus lupa perjuangan, untuk membela rakyat setelah bergelar pemimpin yang mempunyai kuasa, EXCO.

YB. Tuan Speaker, saya juga ingin menarik perhatian kepada antara EXCO yang paling muda, yang paling *handsome* kita lihat, EXCO Pertanian, dia *handsome* lebih daripada semua, muda lebih daripada semua. Batu Maung pun *handsome* juga. EXCO Pertanian Negeri, tentang langkah-langkah yang diambil oleh beliau, untuk mempertahankan tanah-tanah pertanian yang sedia ada dari terus dirampas untuk tujuan perumahan dan komersial. Apakah jelapang-jelapang padi yang sedia ada yang berjumlah lebih kurang 14 ribu hektar akan terus dipertahankan dan digazetkan untuk rezab pertanian, memandangkan banyak tanah-tanah padi yang telah terkorban atau di korbankan dengan tujuan pembangunan. Semasa dunia dan negara menghadapi krisis makanan, apakah langkah Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah tersebut. Bersesuaian dengan polisi Negara sekarang yang aktif untuk mempertingkatkan pengeluaran makanan untuk tidak bergantung kepada import terutamanya beras.

Apakah Kerajaan Negeri mempunyai dasar atau pun *blue-print* pertanian tersendiri atau hanya sekadar polisi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lalu. Sudah hampir setengah tahun Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat memerintah, saya masih tidak nampak dasar pertanian yang dibuat oleh Kerajaan Negeri setakat ini. Apa yang saya perhatikan EXCO Pertanian dan EXCO-EXCO yang lain sibuk membuat lawatan kerja ke projek-projek yang telah pun dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional yang terdahulu semasa memerintah negeri ini. Mereka hanya perlu menguruskan saja projek-projek tersebut kerana saya percaya itulah sahaja kemampuan yang boleh mereka lakukan setakat ini.

YB. Timbalan Speaker, saya juga melihat Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak mempunyai wawasan atau idea-idea baru bagi memakmurkan negeri ini serta faedah rakyat. Mereka hanya sibuk bercakap serta memberi tekanan kepada Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan projek-projek mega yang telah pun dicadangkan semasa kerajaan Barisan Nasional memerintah dahulu. Mereka cuba menjadi jaguh dan pejuang rakyat untuk berjuang atas *platform* tersebut sedangkan mereka tahu adalah sukar untuk Kerajaan Persekutuan meneruskan projek-projek tersebut semasa Negara menghadapi krisis kenaikan harga minyak serta bahan-bahan pembinaan yang menjadi fenomena global pada masa ini. Projek Monorel dan projek Lebuh raya Lingkaran Luar Pulau Pinang serta Empangan Mengkuang dijadikan sebagai isu untuk memperjuangkan masalah rakyat kononnya, sedangkan mereka menggunakan isu ini untuk menutup kelemahan mereka sendiri yang tidak mempunyai visi atau modal ...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Penjelasan, penjelasan. Eh... tadi YB. Pinang Tunggal ada menyatakan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat ini tak ada visi dan antara lain nyatakan bahawa kita tak buat apa-apa untuk menangani masalah rakyat. Terutamanya di dalam keadaan ekonomi gawat sekarang hari ini kita lihat 26 tahun inflasi tertinggi, saya nak tanya satu soalan sebagai Barisan Nasional supaya *you* tak boleh tanya balik pada EXCO sini hari ini, sebagai ahli Barisan Nasional apakah pendekatan Barisan Nasional di Terengganu beli 14 buah kereta Mercedes Benz berjumlah 3 juta dalam keadaan ekonomi gawat

sekarang inflasi tertinggi sekali di Malaysia 26 tahun. Apakah jawapannya? Itu EXCO Pulau Pinang tak boleh jawab.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Terima kasih. Tak pa. Sat lagi kita pi keluar, saya telefon Menteri Besar Terengganu, saya bagi cakap sendiri dengan ahli daripada, apa dia, Datok Keramat. Cakap sendiri dengan Menteri Besar Terengganu, kawan saya tanya dia terus, saya nak jawab bagi pihak mereka pun, mana boleh, boleh macam itu, okay, saya teruskan.....(gangguan).

YB. Tuan Speaker :

YB. Pinang Tunggal, Yang Berhormat telah berbahas lebihkurang 20 minit.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Depa kacau saya.

YB. Tuan Speaker:

Panjang lagi tak?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya daripada tadi siang awal.... juga cakap YB. Tuan Speaker juga *handsome*, ha.. betui, ha.. sungguh.

YB. Tuan Speaker:

Pujian boleh diterima tapi masa tambahan tidak diberi juga.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Ya, ya, betui. Sikit lagi ya..percaya la. Tadi kita dok sembang di luar kan.....(gangguan).

YB. Tuan Speaker:

So, ah, okay pasal pujian itu saya beri lagi 5 minit. Sila, sila teruskan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Syukur, syukurlah. Pujian untuk kali pertama 5 minit. Kali kedua sat lagi mungkin lebih.

YB. Tuan Speaker:

Tiada dah. Tiada dah. Tak kan bagi dah. Tak kan bagi.... (gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Terima kasih YB. Tuan Speaker, (dia kacau sangat).

YB. Tuan Speaker:

Tiada, tak mungkin bagi lagi.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Ini bukan apa, mereka kacau untuk menutup kelemahan mereka, itu sahaja. Saya percaya semua projek ini pasti akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat, jika keadaan ekonomi negara kita ini kembali kukuh dan saya beritahu Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini tidak perlu bersusah-payah untuk berjuang sesuatu yang mereka sendiri sudah ketahui. Seperti yang saya katakan tadi, mereka hanya ingin menggunakan isu-isu tersebut untuk tujuan politik sempit mereka sedangkan banyak lagi titik bengit serta masalah rakyat yang perlu mereka berikan perhatian.

Apakah dengan memberi RM100.00 kepada keluarga yang berpendapatan rendah sudah cukup untuk menggambarkan seolah-olah Kerajaan Negeri adalah kerajaan yang perihatin kepada rakyat, sedangkan ratusan juta peruntukan daripada Kerajaan Pusat bagi membantu masalah kemiskinan rakyat di negeri ini seperti pembaikan rumah keluarga miskin tegar, pendidikan anak-anak di luar bandar, prasarana di kampung-kampung, bantuan modal pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana, perumahan rakyat miskin dan lain-lain lagi, banyak ratusan juta. Ini kita kena sedar, kita berharap rakyat tidak akan terkeliru dan terus digula-gulakan dengan slogan-slogan kosong yang dilaungkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat, sedangkan pada dasarnya mereka hanya ada air liur basi untuk perjuangan mereka.

YB. Tuan Speaker, saya juga diberitahu oleh sumber-sumber tertentu bahawasanya seorang pegawai kanan yang bertanggungjawab untuk menjaga investPenang telah pun mendapat surat tamat perkhidmatan baru-baru ini. Apakah motif sebenar Kerajaan Negeri untuk menghentikan perkhidmatan pegawai kanan mereka sedangkan merekalah yang beria-ia mengajak rakyat dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional supaya berganding bahu dengan mereka untuk membangunkan rakyat Negeri Pulau Pinang. Saya merasa kesal dengan perkara ini kerana Kerajaan Negeri pandai bercakap dan bersandiwara sedangkan pada hakikatnya mereka sudah menunjukkan belang tentang muslihat mereka yang sebenar. Apakah kerana ianya merupakan seorang pegawai anak Melayu, maka khidmatnya tidak diperlukan. YB. Tuan Speaker, berikutnya(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

YB. Tuan Speaker, Peraturan.

YB. Timbalan Speaker:

Peraturan berapa?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Saya tidak mahu dekat dengan *mic*, nanti dia *complaint*. YB. Tuan Speaker ...(dengan izin), saya merujuk kepada Peraturan 46.17(C), perbahasan oleh Yang Berhormat tadi telah melanggar peruntukan tersebut, perkataan-perkataan yang harus akan menimbulkan perasaan niat jahat dan perasaan bermusuhan-musuhan di antara kaum-kaum yang berasingan di Negara Persekutuan. Apa yang dibahaskan tadi adalah seolah-olah cuba menuduh Kerajaan Pakatan Rakyat memecat kakitangan tadi semata-mata beliau adalah seorang berbangsa Melayu. Apakah niat beliau menyatakan perkara tersebut di dalam Dewan yang mulia ini, adakah niat tersurat dan tersirat dalam membuat pernyataan tersebut. Di sini kita membahaskan isu-isu yang produktif, jangan datang ke sini membuat hasutan-hasutan dan perkara-perkara yang akan menimbulkan prasangka di antara satu kaum dengan kaum yang lain, terima kasih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya ada hak untuk menyuarakan pendapat, pandangan dan buah fikiran saya dan tidak menjadi masalah kepada aturan perbahasan. Perkara 46, boleh hendak cakap apa-apapun.

YB. Tuan Speaker, tentang kenaikan harga minyak dan makanan serta barang keperluan lain, rakyat kini sukar sedikit kerana tidak dapat menampung kos hidup yang tinggi terutamanya mereka yang mempunyai anak-anak ramai serta bersekolah. Rintihan mereka ini yang merupakan kelompok berpendapatan rendah sering tidak dihiraukan. Apa yang kita lihat, kerajaan negeri langsung tidak mengambil serius perkara ini, bukan sahaja mereka yang bekerja mengeluh, malahan peniaga-peniaga kecil terutamanya peniaga makanan juga tidak tahan dengan harga-harga makanan untuk menjual makanan mereka seperti beras, susu, gula dan tepung. Peruncit serta pemborong-pemborong juga mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan tersebut dengan menjadikan alasan tiada stok bahan tersebut untuk mengautkan keuntungan yang banyak.....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta penjelasan. Terima kasih. YB. Tuan Speaker, mengenai kenaikan harga minyak, saya rasa mungkin kita boleh minta Menteri di Parlimen untuk menurunkan harga, menurunkan harga minyak dan bahan api bukan hak dan kuasa Kerajaan Negeri. Jadi kalau menuntut dari Kerajaan Negeri, saya rasa ini tidak betul, kita minta di Parlimen. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Terima kasih. Tunggu saya jadi Ahli Parlimen, sekarang saya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri saya sebut di negeri dahulu. YB. Tuan Speaker di manakah Kerajaan Negeri atau EXCO yang bertanggungjawab untuk membantu rakyat yang berpendapatan rendah di dalam keadaan yang sukar begini? Tidak ada langkah khusus yang diambil oleh EXCO berkenaan, saya tidak nampak turun padang langsung untuk melihat sendiri atau mendengar keluhan dan rintihan rakyat yang semakin terhimpit dengan kenaikan harga barang makanan. Dalam laporan akhbar *The Star* ... (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd Hamdan bin Abd Rahman):

Penjelasan. Saya cuma hendak beri pandangan dan pendapat. YB. Tuan Speaker, berkenaan dengan kenaikan harga barangan, tadi sahabat saya sudah beritahu bahawasanya ia berdasarkan kepada kenaikan harga minyak. Yang keduanya, persoalan harga barang-barang ini, kita sudah menubuhkan, dalam Kerajaan Negeri, di mana saya pun terlibat sama dalam jawatankuasa yang dikenali sebagai *Consumer Watch* di mana kita minta semua ADUN untuk memantau harga barang-barang di kedai-kedai dan kemudian menyalurkan maklumat kepada kita. Ini bukan tanggungjawab Kerajaan Negeri sahaja sebab persoalan kenaikan harga barangan ini perlu juga diselesaikan oleh pihak pengguna, pihak Persekutuan dari segi penggunaannya, *the Ministry*.

Masalahnya, sayangnya sahabat-sahabat saya dari UMNO ini tidak hadir dalam jemputan kita untuk menyertai *Consumer Watch*, kalau kita boleh bagi input dalam jawatankuasa itu baguslah. Bila tidak ada input dalam jawatankuasa tersebut, susahlah. Kita ada mekanisme yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri, saya pun terlibat dalam jawatankuasa itu, itu saya boleh beritahu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Saya pun hairan kata jemput kita tetapi tidak lantik pun kita. Benda ini tidak dilantik, kita selalunya lantik dahulu baru panggil mesyuarat. Ini panggil mesyuarat, bagi salinan kah atau apa ini sebab kita tidak dilantik untuk mesyuarat Jawatankuasa Pemantau, kita tidak dapat surat perlantikan. Tak apa, sakni *you* jawablah, duduk dulu. Kita kena faham yang mana satu, kita selalunya seperti contoh melantik YB. Permatang Pasir dalam jawatankuasa, kita dengan rasminya memberi surat pelantikan, kemudian YB. Hamdan menjawab saya setuju, lepas itu kita menghantar surat dijemput tuan menghadiri mesyuarat, itu prosedurnya.

YB. Tuan Speaker:

YB. Sungai Dua, perkara ini atau isu ini telah biasa dibangkitkan, jadi saya ingat Ahli EXCO akan menjawab soalan ini.

YB. Pinang Tunggul, sila teruskan, masa tambahan 10 minit. Pujian lain saya terima, selalu puji *handsome* saya tak makan. Sila buat penggulungan. Tinggal sembilan minit lagi.

Ahli Kawasan Pinang Tunggul (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

YB. Tuan Speaker, mereka kacau. YB. Tuan Speaker pula puji saya *handsome*. Tinggal lagi dua perkara, kalau tidak bagi dua perkara ini saya balik tidak boleh tidur. Dalam satu laporan akhbar *The Star* pada 21 Jun yang lepas mengatakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan tidak mendapat satu pun balasan emel di mana mereka elah hantar sebanyak 30 email kepada jabatan-jabatan yang berkaitan dengan pengguna meminta untuk berdialog dan berbincang mengenai masalah pengguna pada hari ini. Bukan tahun

lepas tetapi 21 Jun baru-baru ini, *Penang Consumer Association*,(dengan izin), menyatakan rasa kesalnya kerana tidak ada satupun dari 30 email yang dihantar kepada jabatan dan agensi berkenaan tidak diberikan maklum balas. Di manakah peranan EXCO yang berkenaan dalam merangka strategi dan usaha-usaha untuk membincangkan masalah pengguna? Apakah EXCO berkenaan merasakan isu berkenaan tidak penting menyebabkan beliau langsung tidak mahu membuat perbincangan atau dialog dengan persatuan-persatuan pengguna? Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan adalah merupakan mata dan telinga kepada kerajaan untuk memberikan maklum balas mengenai keadaan sebenar di peringkat akar umbi. Jika mata dan telinga kerajaan sendiri tidak dihiraukan apakah kerajaan yang sedia ada merupakan kerajaan yang pekak dan buta kerana tidak memperdulikan pandangan serta nasihat-nasihat dari pertubuhan-pertubuhan sebegini.

YB. Tuan Speaker, akhirnya bersangkut-paut mengenai Jambatan Pulau Pinang. Memang disebut oleh ramai wakil rakyat yang lain iaitu, saya pun jadi hairan anak kepada ajaib, sebelum ini hairan bin ajaib, hari ini hairan anak kepada ajaib. Dulunya pihak pembangkang tentang habis-habisan tentang pembangunan Jambatan Pulau Pinang yang disyorkan oleh kerajaan pada masa itu, kononnya membazir duit rakyat dan sebagainya. Ahli dari Permatang Pasir saya ingat pun ada sama masa itu kerana kawannya pun ada sama juga, saya tidak ingat namanya, saya tidak mahu sebut namanya apa, mat kelabu agaknya. Saya ada satu cerita kononnya dia tentang sehingga tak mahu tetapi satu hari dia menggunakan jambatan ini, dia masuk jambatan jam pula, kebetulan dia ada ceramah di Balik Pulau, hendak masuk jambatan jam kerana kenderaan banyak. Dia marah kereta sebab jam, sedangkan dahulu dia tentang habis-habisan, saya dengar cerita termasuk juga ayahanda kepada YAB. Ketua Menteri sendiri pun menentang juga pembinaan jambatan pada masa itu. Hari ini semua pakai minta balik, yang ada hendak dibesarkan, yang Kerajaan Persekutuan decide untuk adakan jambatan kedua, pun diminta, hari-hari disuarakan supaya buat segera. Jadi persoalannya saya sebutkan di sini bahawasanya Kerajaan Persekutuan yang diterajui Barisan Nasional, UMNO tunjang dan parti-parti yang lain memang hebat dari segi mukadimahkan segala kerja.

Sekarang ini diakui oleh pembangkang di peringkat Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang sedia ada maksud saya di sini kerajaan yang ada hari ini lebih 50 tahun memerintah memang hebat dengan kewibawaan yang ada nampak jauh pembangkang pada masa itu nampak hari ini baru nampak jadi kita akui juga bahawasanya kekalahan kita di Pulau Pinang ini dipesongkan oleh sebahagian daripada pemimpin-pemimpin mereka kita terima hakikat itu selepas kita dengar daripada KOMTAR menyebut kemungkinan boleh pertahan lagi empat tahun, pertahan lagi lima tahun, boleh pertahan lagi sepuluh tahun dan mungkin dua puluh tahun kerajaan yang ada.

Saya hendak sebut di sini janganlah terlalu harap tinggi sampai ke awang-awangan di tahap tinggi KOMTAR pun belum tentu lagi dengan apa yang rakyat dapat lihat hari ini sekala kita buat berlaku dengan perpecahan yang berlaku bukan sampai empat tahun lebih kurang empat bulan kita dapat lihat ada masalah di sana sini ada kekurangan di sana sini jadi rakyat faham, macam di tempat saya mereka juga sendiri juga faham, kalau sebelum ini mereka lihat hubungan baik antara mereka PAS, ADIL, DAP dan sebagainya saya sebagai wakil rakyat mereka maklumkan kepada saya mereka datang ke rumah saya dapat lihat dengan jelas, perpecahan yang berlaku telah pun kalau dahulu di bilik-bilik gerakan bendera PAS, bendera ADIL, sekarang ini pergi lihat Ahli Batu Maung, Bendera PAS sahaja ada ADIL tidak ada.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):

Betul kelmarin kita kata dah kita bincang di sini soal politik, itu bincang soal politik, soal politik kita bincang di luar, jangan bincang dalam Dewan masalah rakyat sahaja. Hal ini saya hendak tegur YB. Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Hendak datang mana kita orang politik, kita. Sedikit sahaja lagi, penutup jadi maksud apa yang saya sebutkan itu saya yakin dan percaya kalau Ahli daripada KOMTAR sebut lima tahun, sepuluh tahun, lima belas tahun, dua puluh tahun saya yakin dan percaya dengan kerajaan di peringkat Persekutuan yang ada ini pada hari ini

dengan barisan kita yang ada saya yakin dan percaya kita akan menguasai balik Negeri Pulau Pinang kalau ada pilihanraya bulan depan atau tiga tahun lagi daripada hujung sana, pusing sini pun kita semua akan berada di sini, makna kata kita akan terus berkerja tidak boleh kiri, kanan, tidak boleh atas, bawah, tidak boleh bawah kita buat terowong untuk pastikan kerajaan Barisan Nasional untuk kita ujudkan kembali di Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, terima kasih banyak-banyak atas kesempatan yang telah diberikan kepada saya, memohon menyokong, terima kasih.

YB. Timbalan Speaker:

YB. Sungai Pinang di persilakan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Tuan Koid Teng Guan):

YB. Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang ini untuk saya berbahas. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi penghargaan saya kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang atas perasmian Dewan yang mulia ini pada hari Isnin 21 Julai yang lalu.

YB. Tuan Speaker, pencemaran air Sungai Pinang, ingin saya membawa perhatian Dewan yang mulia ini terhadap keadaan air Sungai Pinang yang makin lama makin membimbangkan. Perlu kita semua sedar bahawa Sungai Pinang adalah antara sungai yang paling tercemar di Asia. Ini bukanlah satu fenomena yang baru, malah seluruh penduduk di Pulau Pinang tahu dan sedar akan pencemaran sungai ini. Satu projek Pembersihan dan Rawatan Air Sungai Pinang Fasa 1 telah siap dilaksanakan dengan kos sebanyak RM21 juta. Sejajar dengan projek ini, sebanyak 6 papan kenyataan telah didirikan di sepanjang Sungai tersebut iaitu di Jalan Jelutong, Jalan Sungai, Jalan Petani, Jalan Perak, Jalan Dato Keramat, Jalan York. Kos seunit untuk pendirian papan kenyataan ini ialah lebih kurang anggaran saya RM20,000.00 jadi secara keseluruhannya, sejumlah lebih kurang RM120,000.00 dibelanjakan untuk tujuan ini sahaja. Ini menunjukkan cara pembelanjaan yagn tidak bertanggung

jawab oleh kerajaan lama Pulau Pinang. Perlu sedar bahawa ini semua adalah wang rakyat kita bukanlah duit harta karun.

Tuan Speaker, walaupun projek ini telah siap dilaksanakan pada Januari tahun 2007 rangka papan kenyataan masih ada di kawasan tersebut. Manakala keadaan tetapi sungai tersebut masih tidak menampakkan tanda kemajuan. Projek ini juga termasuk membina jeti pelancongan. Tuan Speaker, projek tersebut mungkin menjadi projek gajah putih iaitu(dengan izin) *white elephant* ini kerana kapal layar pelancong tidak boleh guna jeti tersebut ketinggian antara pembukaan air sungai dan jejambat JeWay tidak membenarkan masuk dan keluar atau melalui tepinya.

Tuan Speaker, masih terdapat banyak aduan dan kebimbangan di kalangan rakyat Pulau Pinang kerana air hitam dan bau yang tidak menyenangkan dan sememangnya dapat kita sedar apabila melalui kawasan tersebut. Di kala Bandaraya George Town kita di isytihar sebagai Bandar Warisan oleh UNESCO, tetapi sungai-sungai kita di Pulau Pinang khususnya masih di bawah paras Indeks Kualiti Air. Keadaan begini akan menjejaskan industri pelancongan kita dan seterusnya membawa nama tidak baik untuk negeri kita. Jadi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memberi perhatian yang lebih serious terhadap projek-projek pembersihan dan rawatan air Sungai Pinang dan juga sungai-sungai yang lain di negeri kita, kerana sungai merupakan warisan kita juga.

Tuan Speaker, satu lagi perkara yang kian menjadi buah mulut penduduk Pulau Pinang ialah ialah isu pembinaan rumah bertingkat kos sederhana, sederhana rendah dan kos rendah yang banyak mempunyai masalah kualiti pembinaan. Terdapat juga banyak aduan yagn diterima daripada pemilik-pemilik rumah tersebut yang tidak berpuas hati dengan rumah baru mereka. Masalah-masalah yagn mereka menghadapi adalah seperti dinding dalaman rumah yang retak, tandas dan siling yang bocor, lantai yang tidak setara dan banyak lagi.

YB. Tuan Speaker, saya terima aduan daripada ramai pemilik-pemilik rumah Pangsa Jalan Veterinary, Taman Sri Pinang di KADUN saya bahawa siling rumah bocor di dapur dan diruang makannya sampai tidak ada tempat boleh duduk makan dan tiada

tempat untuk masak. Rumah pangsa tersebut dimiliki oleh kakitangan dan bekas kakitangan kerajaan.

YB. Tuan Speaker, saya telah menghubungi kontraktor projek tersebut dan di dapati tempoh *warranty* telah tamat. Adakah kontraktor pembinaan mengamalkan kualiti kerja yang rendah atau adakah ia berpunca daripada pekerja-pekerja warga asing yang tidak efition dan tidak berpengalaman. Adalah menjadi satu kenyataan, kualiti kerja yang dilaksanakan oleh pekerja-pekerja asing tidak memuaskan dan mereka mengamalkan sikap sambil lewa. Adakah pekerja-pekerja asing ini mempunyai pengetahuan asas dalam sector pembinaan. Apakah kriteria yang dipraktis oleh kontraktor pembinaan kita dalam mengambil pekerja-pekerja asing ini. Kita semua sedar akan kenaikan harga minyak yang mendadak kini turut memberi implikasi terhadap harga pembinaan yang melonjak naik. Namun demikian, adakah kita hendak berkompromi bila soal kualiti pembinaan rumah tergadai. Maka dengan ini saya berharap agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang kita akan mencari satu mekanisma yang baru dan lebih efektif dalam menangani isu pembinaan rumah yang kualitinya tidak memuaskan ini.

YB. Tuan Speaker, terdapat banyak penduduk Negeri Pulau Pinang yang kurang berkemampuan, satu-satunya peluang untuk mereka memiliki rumah adalah dengan pertolongan Kerajaan Negeri, pembinaan rumah-rumah kos sederhana, sederhana rendah dan kos rendah haruslah diberi perhatian yang lebih yang merupakan tanggung jawab kita bersama untuk memastikan rumah-rumah yang dimiliki oleh mereka ini tidak berkualiti rendah.

YB. Tuan Speaker, pelbagai rancangan dan usaha telah dilaksanakan di masa lampau yang mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Negeri Pulau Pinang. Namun demikian, ia masih ketara lagi. Masa yang diluahkan oleh penduduk Pulau Pinang dalam kesesakan jalan raya makin meningkat dari hari ke hari. Adakah kerajaan baru kita mempunyai sebarang cadangan atau pertimbangan untuk memperolehi pendapat atau khidmat nasihat pakar dari luar negara untuk mengatasi isu ini. Adalah sedia maklum bahawa masalah kesesakan jalan raya ini akan sedikit sebanyak menjejaskan segala usaha kita untuk menarik lebih banyak lagi pelancong asing ke negeri kita. Di kala negeri kita kian

berkembang pesat, ramai lagi penduduk Pulau Pinang akan memiliki kereta, keadaan ini akan menjadi lebih rumit lagi di masa hadapan.

Projek-projek seperti Monorel, Jambatan Kedua Pulau Pinang sememangnya boleh membantu mengurangkan masalah kesesakan ini, diharap Kerajaan Negeri baru kita akan terus berusaha untuk berunding dengan Kerajaan Persekutuan dalam usaha untuk merialisasikan projek-projek mega ini. Saya di sini ingin mengambil kesempatan untuk menjemput semua Ahli Pakatan Rakyat dan Pembangkang untuk turut serta bersama kerajaan baru kita dalam segala usaha yang akan di ambil dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang.

YB. Tuan Speaker, Berkenaan dengan penggunaan *Compressed Natural Gas* (CNG). Dikala kenaikan harga minyak yang mendadak ini, makin ramai yang berubah kepada penggunaan CNG. Dianggapkan lebih 1,000 buah teksi dan kereta sewa di bahagian pulau. Jikalau ramai di antara mereka mahu menggunakan CNG sebagai sumber ganti untuk bahan api petrol, pengguna CNG terpaksa pergi jauh hingga ke Butterworth untuk mengisi. Justeru terdapat banyak yang merungut dan memaksa kerajaan kita untuk mengadakan sistem pam CNG di bahagian Pulau.

YB. Tuan Speaker, Setakat ini dua buah tapak telah dikenal pasti untuk pembinaan stesyen pam CNG iaitu di Daerah Timur Laut bahagian pulau. Terdapat juga pelabur yang berminat untuk mendirikan kilang di Pulau Pinang. Akan tetapi kekurangan fasiliti dan kemudahan lengkap yang tidak mencukupi mengakibatkan negeri kita tidak dapat menarik industri yang berteknologi tinggi. Kita perlu sedar bahawa kebanyakan Industri Berteknologi Tinggi di kala ini menggunakan CNG. Saya diberitahu yang kerajaan lama kita telah berusaha sejak pertengahan tahun 2005 untuk mengatasi masalah ini.

Namun demikian, tiada perkembangan yang positif dilihat. Barang kali Kerajaan Lama tidak mengambil berat atau pun kurang berinisiatif dalam soal CNG ini. Jadi saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru Kerajaan Baru kita untuk melihat semula perkara ini dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang sewajar untuk membolehkan stesyen pam CNG boleh diadakan di bahagian Pulau.

YB. Tuan Speaker, Izinkan saya membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada perkembangan sukan bola sepak di Pulau Pinang. Kelmarin YB. Ahli Sungai Dua telah menyatakan kemerosotan Pasukan Bola sepak Pulau Pinang adalah berpunca daripada pentadbiran kerajaan baru kita. Tolonglah sedar bahawa isu kemerosotan ini bukanlah satu masalah yang timbul baru-baru ini. Kemerosotan pasukan bola sepak kita telah pun dilihat sejak pentadbiran Kerajaan Lama. Sebelum pilihanraya pun sudah di tingkat bawah, bukan hari ini. Adalah tidak wajar kerajaan baru dipertanggungjawabkan sepenuhnya dalam isu ini. YB. Ahli Sungai Dua juga menuduh yang perolehan sponsor yang kurang untuk pasukan kita adalah punca kemerosotan. Ingin saya jelaskan bahawa wang, duit sahaja bulankah punca utama sesebuah pasukan itu berjaya. Banyak contoh boleh diberi, dalam dunia bola sepak terdapat banyak pasukan yang tidak berjaya walaupun berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan. Bagi pendapat saya terdapat banyak lagi aspek yang mendorong kejayaan sesebuah pasukan.

Antaranya ialah pemilihan pemain, konsep latihan, kemudahan latihan, program jangka panjang dan kepakaran jurulatih. Jadi soal kewangan sahaja bukanlah satu-satunya faktor yang boleh membantu pasukan kita. Segala pentadbiran yang berhubung dengan pasukan bola sepak kita perlulah diteliti semula. Terdapat banyak individu yang berpengalaman dan berkelayakan dalam bidang bola sepak di negeri kita. Saya bercadang agar satu forum perlulah dianjurkan dan semua individu yang dikenal pasti dijemput mengambil bahagian dan memberi buah fikiran. Oleh yang demikian saya berharap Kerajaan Baru kita akan mengubah suai semua cara pentadbiran yang lama dan satu pendekatan yang lebih baru dan dinamik di ambil demi mengembalikan semula imej dan semangat Pasukan bola sepak Pulau Pinang. Adalah perlu sedar bahawa pasukan bola sepak Pulau Pinang merupakan salah satu lambang kemegahan penduduk negeri ini. Akhir sekali YB. Tuan Speaker saya mohon menyokong. Terima kasih.

YB. Tuan Speaker:

YB. Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar. Dipersilakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat tengahari dan salam sejahtera. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada YB. Tuan Speaker yang telah memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahas usul Ucapan Terima Kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas ucapan perasmian.

YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kerana Pakatan Rakyat yang telah berjaya untuk memenangi tampuk pemerintahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan sejajar dengan apa yang telah dijanjikan melancarkan dasar yang memaksakan satu paradigma politik, berprinsipkan keupayaan, kepertanggungjawapan dan ketulusan atau pun 3K. Yang diharapkan akan memberi impak yang positif kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Sesungguhnya ini satu amanah yang besar yang harus dipikul dengan penuh kesyukuran dan keinsafan bahawa sebenarnya kata-kata tak semudah untuk dikota. Janji telah ditabur, janji manis telah dapat memikat hati rakyat dan masanya telah sampai untuk mengotakan kata dan menunaikan janji dan YAB. Ketua Menteri sendiri di dalam wawancara surat khabar telah mengatakan tidaklah semudah seperti yang dikata untuk melaksanakan semua yang telah dijanjikan. Jadi YB. Tuan Speaker, inilah yang dikatakan sebagai roda impian atau *pun wheel of fortune*(dengan izin).

Bila pepatah ada mengatakan bila sekali air bah sekali pantai berubah dan perubahan telah berlaku. Kalau dahulunya kami duduk sebelah kanan sekarang dah duduk sebelah kiri tetapi jangan lupa bahawa sama ada di kiri atau di kanan kita masih lagi duduk di dalam bangunan yang sama. Menjunjung kerajaan dan perlembagaan yang sama dan mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk membangunkan Negeri Pulau Pinang dan membela kebajikan rakyat di Negeri Pulau Pinang. Jadi saya berharap walaupun Pakatan Rakyat telah pun menjadi majoriti di dalam Dewan ini dan mendominasi Dewan ini janganlah terlalu mendabik dada di atas kemenangan kerana kita kena ingat di dalam sejarah Pulau Pinang telah juga ditawan oleh Parti Gerakan semasa itu sebagai parti

pembangking. Dan mungkin sejarah berulang sekali dan akan berulang-ulang lagi.

YB. Tuan Speaker, walaupun dalam persidangan yang lalu, Barisan Nasional mendominasi Dewan ini tetapi kita tidaklah angkuh sehingga sentiasa mengongkong perbahasan *point of order*, *point of order*. Saya ingat Dewan ini sejak tiga hari yang lepas sudah pecah rekod dengan *point or order*. Kalau dahulu penggal yang lepas hanya dua orang pembangkang tetapi kita memberi peluang dan ruang yang sepenuhnya kepada parti pembangkang, Permatang Pasir menyaksikan untuk berhujah. Pada saya cuit-mencuit yang memeriahkan Dewan asalkan jangan melepasi batasan ia, saya rasa baik pulihlah diterima tidak payahlah nak tepuk meja bagai macam nak rak dan sentiasa menggunakan *standing order* kata orang melayu istilahnya ciciwi itu seronok lebih jadi kita dalam suasana persahabatan di sana sini haruslah toleransi sedikit sebanyak ya, kritikan, teguran yang diberi jadi saya hendak cadang di sini untuk tambah lagi satu K, tadi ada 3 K, tambah lagi satu k jadi keterbukaan atau pun dalam Bahasa Inggeris CAT, tambah satu lagi iaitu *tolerants*.

YB. Timbalan Speaker, untuk meneruskan perbahasan di dalam masa keemasan diberikan ini saya ingin menarik perhatian Dewan kepada masalah yang dihadapi oleh negeri kita yang mana perlulah bersaing untuk mendapat pelabur-pelabur asing dan kita telah pun masyhur di namakan sebagai *silicone valley* (Lembah Silikon) dan mempunyai begitu banyak sekali kilang-kilang, *Multy National* yang telah banyak membawa kemakmuran kepada negeri ini, oleh itu haruslah kita menambah baik, menambahkan nilai kepada niche yang ada kepada kita ini dengan melonjakkan lagi Negeri Pulau Pinang ke arah satu landasan yang boleh memberi kita *competitive each ...*(dengan izin) iaitu dari segi *connectivity* di bidang ICT dan ini telah pun di mula perancangannya melalui Majlis KICT yang telah pun ditubuhkan sebelum ini yang telah mengambil beberapa *inactive* untuk membangunkan beberapa perkara antaranya dengan menubuhkan *multimedia super corridor* kedua untuk negara di Pulau Pinang dan juga usaha untuk mengurangkan jurang IT di kalangan masyarakat kerana kajian yang telah dibuat oleh USM menunjukkan bahawa walaupun Pulau Pinang mempunyai *connectivity* yang begitu tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain dan sama seiring dengan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, tetapi terdapat perbezaan-perbezaan yang besar dikalangan

masyarakat di negeri ini iaitu antara bandar, luar bandar ada antara mampu dan yang tidak mampu, antara Bumiputera dan yang bukan

Bumiputera yang mana harus diberi perhatian dan inisiatif seperti e-ekonomi, pusat k-komuniti haruslah diteruskan kerana ia memberi manfaat kepada rakyat di kawasan luar bandar, jadi saya ingin memohon kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang segala yang baik itu haruslah di sambung dan diberi pembaikkan kerana inisiatif-inisiatif seperti pusat K-komuniti ini haruslah ditambah lagi bukan ditutup sepertimana yang sedang dirancangan, selain daripada itu juga telah didapati inisiatif untuk menubuh *incubator* bersama dengan USM untuk membantu Bumiputera di dalam sektor ICT kerana kita dapati di antara 46 buah syarikat yang telah memperolehi status MMC hanya satu sahaja yang mempunyai status Bumiputera itupun belum penuh, bukan 100% Bumiputera satu daripada 46 ini statistik dua tahun lepas jadi saya rasa ini amatlah mendukacitakan dan amat memalukan bahawa penyertaan Bumiputera di sektor ICT ini amat kurang samalah juga dengan prestasi-prestasi Bumiputera di dalam bidang-bidang lain seperti pembuatan dan pelancongan, oleh itu satu rancangan yang menyeluruh haruslah dibuat untuk menyediakan road map untuk merangkakan perancangan untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera di dalam sektor-sektor kritikal seperti ini.

YB. Timbalan Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan juga kepada Pembangunan Wanita, jawapan yang telah diberi kepada soalan saya oleh EXCO yang bertanggungjawab tentang portfolio wanita ini adalah amat mengecewakan kerana apa yang dirancang ini telah pun dirancang sebelumnya dan kebanyakannya telah pun dilaksanakan melalui Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga yang mana kita telah menubuhkan sebelum ini 6 buah Rumah Noor yang telah berfungsi sebagai pusat rujukan untuk menangani beberapa masalah dan melaksanakan kaunseling keluarga dan sebagainya, saya ingin juga mengutarakan laporan di dalam surat khabar pada hari ini iaitu di mana kita dikejutkan dengan ada rakyat kita di Nibong Tebal seorang pekerja kilang yang berumur 34 tahun yang telah membunuh diri dan membunuh anak-anaknya bersama oleh masalah keluarga. Jadi inilah satu daripada menifistasi dan contoh di mana tekanan kepada keluarga dan tekanan emosi telah menyebabkan seseorang itu mengambil jalan yang mudah dengan menamatkan hidup bukan sahaja beliau tetapi anak-anak beliau, jadi di sinilah saya rasa ...(dengan izin) *early intervention*

atau pun pengesanan dari awal dan bantuan dari awal harus

dilakukan bukan sekadar untuk menubuh satu pusat menjaga anak-anak atau pun satu pusat bantuan tetapi lebih dari itu untuk mengadakan lebih banyak orang-orang yang boleh memberi kaunseling kepada pasangan-pasangan, keluarga-keluarga dan individu-individu yang bermasalah seperti mewujudkan atau pun mengadakan kursus para kaunselor untuk setiap NGO, Agensi, Pusat-pusat Komuniti dan pemimpin-pemimpin Masyarakat supaya mereka boleh memberi bimbingan, nasihat dan bantuan bagi menangani berbagai masalah-masalah sosial dan keluarga yang sedang menimpa kita oleh kerana perubahan di dalam struktur keluarga yang sekarang menjadi keluarga *nucleus* yang mana tidak ada khidmat sokongan daripada ahli keluarga yang lain.

YB. Timbalan Speaker, kita amat bimbang oleh sebab PBT atau Kerajaan Tempatan kita menghadapi masalah kewangan, banyak yang menanya mana pergi duit sebenarnya kita harus juga peka dan faham bahawa selama ini pihak PBT kita MPSP terutama telah banyak menyediakan kemudahan-kemudahan sosial seperti pasar, kemudahan rakyat, pasar raya, *food court* dan juga kemudahan-kemudahan sukan yang mana mereka telah menubuhkan kompleks sukan di Daerah-daerah Seberang Perai.

Jadi kita berterima kasih kepada MPSP dan juga MPPP yang telah membantu menyediakan prasarana kemudahan rakyat walaupun ini telah menelan banyak perbelanjaan daripada tabung mereka oleh itu masalah yang dihadapi sekarang haruslah diimbangi, dibantu dengan menambah atau mencari sumber-sumber pendapatan supaya PBT ini semua dapat dikeluarkan daripada masalah kewangan yang sedang mereka hadapi, saya harap bukanlah mencari jalan mudah dengan menaikkan kadar cukai pintu dan sebagainya kerana ini bukan masanya untuk melakukan demikian tetapi saya rasa PBT-PBT kita mempunyai banyak harta, tanah, bangunan yang tidak memberi pulangan yang baik kepada mereka yang boleh digunakan untuk menambah atau mencari sumber-sumber pendapatan baru untuk memperbaiki kedudukan kewangan, walau bagaimanapun kemudahan-kemudahan yang begitu banyak yang telah tersedia ini haruslah diselenggarakan dengan baik, janganlah digunakan alasan bahawa tidak ada duit, tidak boleh hendak menyelenggarakan kemudahan-kemudahan ini, saya terkejut melihat jawapan yang telah diberi oleh pihak MPSP di

atas soalan saya tentang tong-tong sampah, perkara ini dia nampak

kecil, tepai kepada rakyat, masyarakat memang besar kerana Pulau Pinang telah pun mashur dengan dengan gelaran darul sampah, bahawa pihak MPSP telah membuat pesanan untuk 400 tong sampah sahaja awal tahun ini bagi sebuah PBT adalah yang terbesar di dunia memesan tong sampah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Ariff Shah bin Haji Omar Shah):

Minta laluan, sikit sahaja, jawapan yang saya terima berkenaan perkara yang sama begitulah, dia tidak bercadang untuk memberi tong sampah apakah, bagi kepada warga-warga yang berada saya ingat tong sampah itu mustahak.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Memang tong sampah ini penting kerana keadaan sekarang ini amatlah memyedihkan tiap-tiap simpang, tiap-tiap tempat buang sampah berselerak menyebabkan masalah kesihatan, kekotoran, gagak, tikus dan sebagainya oleh kerana lambakan sampah yang tidak terkawal oleh kerana tidak ada tong sampah, jawapan yang diberi kontraktor tidak menepati janjinya untuk membekalkan tong sampah mungkin kerana harga besi semua sudah naik dan terpaksa membuat tawaran semula jadi saya amat berharap bukan sahaja tawaran ini dibuat tetapi hendaklah ditingkatkan jumlah tong sampah sekurang-kurangnya kalau tidak membekalkan seratus peratus yang kita minta jumlah yang sewajarnya untuk mengawal masalah pembuangan sampah di kawasan-kawasan kita.

YB. Timbalan Speaker, saya ingin beralih kepada masalah perumahan di Negeri Pulau Pinang di dalam soalan yang saya kemukakan Kerajaan Negeri telah menjawab bahawa di Negeri Pulau Pinang terdapat permohonan sebanyak 4,831 orang untuk mendapatkan rumah kos rendah, tetapi bekalan yang akan beri untuk rumah kos rendah untuk tahun 2008 hanya 8,185 ini bermakna terdapat kekurangan hampir 40,000 rumah kos rendah di seluruh Negeri Pulau Pinang di mana dua kawasan amat meruncing iaitu di Daerah Timur Laut dan Daerah Seberang Perai Utara juga bekalan rumah kos sederhana amat berkurangan kerana bekalan yang ada

setakat ini hanyalah di SPS 259, DTL 4,714 tidak ada langsung

bekalan rumah kos sederhana rendah di SPU dan di DBD ini juga menunjukkan bahawa terdapat satu masalah besar dari segi bekalan, rumah kos rendah dan kos sederhana untuk rakyat Pulau Pinang saya ingin bertanyalah kepada Kerajaan Negeri sudahkah menyediakan satu penerangan menyeluruh berkenaan dengan penyediaan rumah-rumah mampu milik, rumah kos rendah dan rumah kos sederhana di kawasan-kawasan yang diperlukan, tidak gunalah kita syaratkan kepada semua pemaju untuk menyediakan rumah-rumah ini wal hal tidak ada permintaan misalannya di SPS, Seberang Perai Selatan, banyak rumah kos rendah yang tidak ada orang yang hendak beli kerana tawaran sudah melebihi permintaan jadi satu perancangan hendaklah dibuat dan saya berharap juga Kerajaan Negeri merancang untuk membina rumah-rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) bukan PPRT ya, iaitu sama seperti yang telah dibina oleh bantuan Kerajaan Pusat di Sungai Pinang, di Jalan Tambi Kecil, di Mak Mandin dan di Ampang Jajar, Sungai Rambai. Ini telah mendapat sambutan yang cukup baik bahkan amat meruncing iaitu di DTL, Daerah Timur Laut dan di Daerah Seberang Perai Utara juga bekalan rumah kos sederhana amat berkurangan kerana bekalan yang ada setakat ini hanyalah di SPS, 259, DTL, 4,714. Tidak ada langsung bekalan rumah kos sederhana rendah di SPU dan DBD. Ini juga menunjukkan bahawa terdapat satu masalah besar dari segi bekalan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana untuk rakyat Pulau Pinang.

Saya ingin bertanyalah kepada Kerajaan Negeri sudahkah disediakan satu perancangan yang menyeluruh berkenaan dengan penyediaan rumah-rumah mampu milik rumah kos rendah dan rumah kos sederhana di kawasan-kawasan yang diperlukan. Tidak gunalah kita syaratkan kepada semua pemaju untuk menyediakan rumah-rumah ini walhal tidak ada permintaan. Misalannya di Seberang Perai Selatan, banyak rumah kos rendah yang tidak ada orang yang hendak beli kerana tawaran sudah melebihi permintaan. Jadi satu perancangan hendaklah dibuat dan saya berharap juga Kerajaan Negeri merancang untuk membina rumah-rumah perumahan rakyat, PPR (Projek Perumahan Rakyat) bukan PPRT iaitu sama seperti yang telah dibina oleh bantuan Kerajaan Pusat di Sungai Pinang di Jalan Tambi Kecil, di Mak Mandin dan di Ampang Jajar, Sungai Rambai.

Ini telah mendapat sambutan yang cukup baik bahkan ia telah dapat memenuhi keperluan rakyat yang tidak mampu untuk beli rumah. Tidak mampu untuk beli rumah, tidak mampu untuk mengeluarkan 10%, tidak mampu untuk mendapatkan pinjaman daripada bank. Oleh itu, Projek Perumahan Rakyat ini haruslah dipertanggungjawabkan kepada kerajaan. Tidak cukup dengan apa yang dibekalkan oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri harus sama-sama memberi sumbangan untuk menyelesaikan masalah rumah kepada rakyat. Biarlah kita mensasarkan satu keluarga satu rumah sebagai sasaran untuk Kerajaan Negeri.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada rakyat Pulau Pinang kerana kita telah memperolehi status bandar warisan oleh UNESCO setelah 12 tahun memperjuangkan untuk mendapatkan pengiktirafan ini dan kita telah setanding dengan bandar-bandar lain yang telah mendapat tempat sebagai bandar warisan di dunia. Tentu sekali satu pelan pemuliharaan Warisan Negeri sedang dirancang. Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa pelan pemuliharaan warisan Negeri Pulau Pinang janganlah tertumpu kepada Bandaraya George Town sahaja kerana Warisan Negeri Pulau Pinang merangkumi lebih daripada Bandaraya George Town. Banyak lagi warisan-warisan yang terdapat di negeri kita terutama sekali seni bina, budaya dan sebagainya yang harus dipulihara dan hendaklah ada juga tumpuan yang diberi.

Biarlah bandar warisan ini dapat menjadi satu *Epcentre* atau pusat untuk mengenengahkan keistimewaan yang ada kepada Negeri Pulau Pinang yang mana lain-lain keistimewaan juga tidak dipinggirkan. Banyak lagi perkara seperti kraftangan dan sebagainya. Senibina yang terdapat di lain-lain tempat terutama sekali di kawasan Seberang Perai yang harus dipulihara dan dipromosikan. Di penggal yang lalu, perancangan telah pun dibuat untuk mengadakan satu pusat kraf di Pekan Darat di kawasan Telok Ayer Tawar di kawasan saya oleh Kementerian Kebudayaan dan Warisan kerana di situ terdapat banyak tukang-tukang yang mempunyai kemahiran di dalam pelbagai bentuk kraf dan pengambilan tapak telah pun dibuat. Saya harap projek ini tidak terbengkalai kerana tidak mendapat kerjasama daripada Kerajaan Negeri.

Tentang peruntukan kita bolehlah memohon peruntukan yang akan diberi oleh Kerajaan Pusat di bawah Kementerian Kebudayaan dan Warisan dan perlulah kita mendapat kerjasama yang baik daripada Kerajaan Negeri supaya projek ini dapat direalisasikan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin juga menyuarakan rungutan-rungutan yang telah diketengahkan oleh pemberita-pemberita di luar. Masalah mereka di waktu pagi tidak mendapat tempat di belakang itu kerana penuh dengan wakil-wakil dari negeri-negeri lain. Jadi ini rungutan pemberita, mereka harap dapatlah disediakan ruang yang mencukupi untuk mereka berada di dalam Dewan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi kepada Tuan Yang Terutama yang telah memberi satu visi baru Kerajaan Negeri untuk membangunkan semoga kita sama-sama dapat merealisasikan harapan rakyat yang menggunung di atas janji-janji yang telah ditaburkan oleh Pakatan Rakyat supaya janganlah ia hanya tinggal janji-janji manis dan semoga kita dapat sama-sama memakmurkan negeri ini. Dengan kata-kata itu saya memohon menyokong. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaj Rayer a/ Rajaji):

YB. Timbalan Tuan Speaker.

YB. Timbalan Speaker:

Terima kasih Telok Air Tawar. Seri Delima seterusnya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaj Rayer a/ Rajaji):

YB. Tuan Speaker, Salam Sejahtera dan Selamat Petang diucapkan kepada YB. Tuan Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta membahas dalam usul menyokong ucapan TYT Tuan Yang di-Pertua.

YB. Timbalan Tuan Speaker, saya sungguh tertarik dengan perbahasan-perbahasan rakan-rakan saya daripada parti pembangkang di Pulau Pinang, Barisan Nasional. Semua perkara-perkara yang dikatakan seolah-olah bermain politik kepada saya. Umpamanya, saudara saya daripada Pulau Betong, kelmarin bila membuat perbahasan mengatakan mereka mahu merendahkan diri dan tidak mahu perkataan Tuan dinyatakan di hadapan tempat mereka duduk. Pada masa yang sama, saya pun tertarik dengan barisan-barisan Dato' yang ada di Dewan ini, semuanya terdiri daripada Barisan Nasional juga. Kita ada Yang Berhormat Seberang Jaya yang mempunyai gelaran Datuk, Yang Berhormat Pinang Tunggal yang ada gelaran Dato'. Yang Berhormat Sungai Dua yang juga diberi gelaran Dato'.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Mohon laluan sebab sebut nama sedikit.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethai Rayer a/ Rajaji):

Baru belum mula lagi, belum panas lagi.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Ariff Shah bin Haji Omar Shah):

Saya tidak pakai pun *point of order*. Saya minta laluan sahaja. Bukan saya di kampung pun orang panggil, mereka panggil *uncle* Arif sahaja. Tidak panggil pun Datuk Arif. Di luar dengan rakyat maksud saya. Dalam majlis-majlis rasmi, pakailah hendak pakai apa pun. *Uncle* Arif sahaja mereka panggil saya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaj Rayer a/ Rajaji):

Saya minta sambung YB. Tuan Speaker, Telok Bahang, Dato' Seri pula itu, Sungai Acheh. Jangan lupa Penaga ada. *Thank you very much*, terima kasih, tidak serbu Penaga. Jadi seolah-olah lepas kalah pilihan raya ini, pendekatan yang cuba diambil oleh Barisan

Nasional adalah seolah-olah mereka ingin mendekati rakyat, sandiwara. Saya mengatakan sandiwara di sini. Kalau masa dahulu mereka cukup megah, Dato' Seri ada, Dato' ada. Jadi saya ingin (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhammad Farid bin Saad):

Minta laluan Yang Berhormat Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaj Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhammad Farid bin Saad):

Yang Berhormat Seri Delima sedarkah bahawasanya Dato', Dato' Seri itu adalah anugerah atau pun yang telah diberikan oleh Tuan Yang Terutama Tun, satu *recommendation* ...(dengan izin) kepada khidmat yang telah diberikan kepada mereka. Saya bercakap tentang saya, saya tidak mahu disebut Tuan bukan mereka. Boleh faham itu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaj Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih, saya akan jawab sebentar nanti. YB. Tuan Speaker, apa yang saya cuba nyatakan di sini adalah pada permulaan sekarang pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Pakatan Rakyat ini cukup jelas, cukup meyakinkan. Seperti yang dikatakan oleh rakan saya tadi (minta maaf saya pun kena pandang ini dahulu) Pinang tunggal. Pinang Tunggal menyatakan mungkin kerana Yang Berhormat Sungai Puyu sekarang telah duduk di meja yang berkuasa. Itu tidak, walaupun mereka adalah Kerajaan Pulau Piannng. Untuk menunjukkan mereka berjiwa rakyat, mereka bukan kata menolak. Itu tidak tetapi seketika ini tidak mahu menerima pangkat-pangkat seperti Dato' dan Dato' Seri. Itu menunjukkan sikap

yang mementingkan nasib rakyat, menunjukkan sikap mereka yang mementingkan kebajikan rakyat. Pendekatan itu adalah begitu jelas.

Jelas menunjukkan mereka berjiwa rakyat. Bukan seperti parti pembangkang. Dahulu semua terima, Dato' Seri terima, Tun semua terima. Sekarang datang ke sini pula, mereka kata tidak mahu. Hanya mahu dipanggil dengan nama. Jadi, jangan bersandiwara. Jangan datang ke sini dan buat sandiwara. Berilah kita masa, beri Pakatan Rakyat masa. Kita telah baru mengambil alih pimpinan Kerajaan Pulau Pinang selama lebih kurang enam bulan, empat bulan minta maaf, empat bulan sahaja.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhammad Farid bin Saad):

Penjelasan, Seri Delima. Yang Seri Delima hendak ambil setahun ke, lima tahun ke, sepuluh tahun ke, hendak buktikan, buktikanlah. Saya kata saya tidak mahu dipanggil Yang Berhormat Tuan, itu sahaja. Apa masalah dia.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaj Rayer a/ Rajaji):

Saya cuba relaks YB. Tuan Speaker(dengan izin). YB. Tuan Speaker, saya ingin menyatakan di sini bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh kesemua pembangkang adalah sesuatu masalah yang telah ditinggalkan oleh mereka dan diwarisi oleh Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang. Saya ingin menggunakan kesimpulan seperti Kerajaan PAS di Kelantan menunjukkan selepas Kerajaan PAS mengambil alih pimpinan Kelantan, kutipan dana bagi pembayaran zakat telah meningkat berlipat kali ganda berbanding dengan kutipan zakat semasa di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional. Itu adalah selepas sepuluh tahun. Jadi sini kita cuma memerintah selama empat bulan lebih. Kita tengoklah nanti dalam masa empat tahun lagi, kita mungkin tidak perlu parti pembangkang mungkin kita akan sapu bersih seluruh semua kawasan-kawasan DUN di Pulau Pinang.

Saya percaya bahawa isu-isu penting akan ditangani oleh Kerajaan Pulau Pinang dan bercakap mengenai isu-isu penting adalah perkara di kawasan saya sendiri iaitu perkampungan Buah

Pala yang telah sering kali disiarkan dalam surat khabar. Di mana penduduk-penduduk di situ kita menjadi mangsa kita mendengar di

sini semua malahan semua parti-parti pembangkang Yang Berhormat-Yang Berhormat, ADUN-ADUN daripada parti pembangkang mengatakan kita harus tumpukan perhatian kepada masalah penduduk, masalah perumahan dan sebagainya. Kita ambillah kesimpulan apa yang telah mereka lakukan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan sebelum ini. Sebidang tanah yang begitu besar di Pulau Pinang di kawasan Gelugor telah diputuskan oleh kerajaan ketika itu untuk diberikan kepada Koperasi. Nasib rakyat yang tinggal di situ berbilang bangsa Melayu ada, Cina ada, India ada tidak dihiraukan langsung.

Tanah tersebut tersebut telah diberikan kepada Koperasi Kerajaan dan Koperasi Kerajaan tersebut telah sekarang telah masuk kepada *joint venture* usahasama....(dengan izin) satu syarikat pembangunan di mana difahamkan mereka akan membina kondokondo atau pun....(dengan izin) *apartment*....(dengan izin). Pangsapuri mewah walaupun ketika itu telah diketahui oleh EXCO ketika itu bahawa mereka akan mendapat keuntungan berlipat kali ganda. Saya difahamkan premium bagi tanah tersebut pada ketika itu dianggarkan lebih kurang RM6.4 juta. Tapi EXCO ketika itu saya rasa ada Ahli-ahli EXCO di sini yang duduk membuat keputusan ketika itu untuk memberikan tanah koperasi tersebut *alienate* tanah tersebut kepada koperasi untuk jumlah RM3.4juta sahaja. 50%... (gangguan)

YB. Tuan Speaker:

Peraturan 46 (7) kes ini masih dalam pertimbangan mahkamah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Autherapady):

YB. Tuan Speaker(dengan izin), saya ingin merujuk kepada bukan kepada pertikaian yang berada di mahkamah sekarang tetapi dengan isu mengenai masalah penduduk di situ yang telah sekarang diberikan amaran atau notis setiap pemaju untuk keluar dari kawasan tersebut. Jadi apa yang saya cuba memperbahaskan YB. Tuan Speaker(dengan izin). adalah

perkara-perkara yang dibahaskan sekarang adalah perkara-perkara yang langsung tidak diberikan perhatian oleh kerajaan sebelum ini.

YB. Tuan Speaker:

Kalau hal-hal kalau tentang isu tuntutan itu tak boleh disentuhlah...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Autherapady):

Saya tidak akan menyentuh tentang oleh penghuni-penghuni di situ. Tetapi saya ingin yakinkan di sini bahawa kerajaan baru kita. Kerajaan Pakatan Rakyat melalui EXCO-EXCO kita, telah mengadakan satu kalau boleh saya gunakan tafsiran muzakarah iaitu perbincangan, perbincangan dengan penduduk di situ, perbincangan dengan pihak pembangun iaitu pihak syarikat dan juga perbincangan di antara Koperasi. Ini menunjukkan satu keadaan yang berjiwa rakyat. Ketika itu kita ada EXCO-EXCO di sini daripada Barisan Nasional dulu yang langsung tidak ambil kira langsung tidak turun ke padang, langsung tidak menyiasat berapakah bilangan penduduk di situ, apakah masalah yang akan dihadapi oleh mereka. Kesempitan wang bolehkah mereka membeli harta yang baru, tidak. Mereka seronok atau duduk di tempat di Komtar duduk dalam berhawa dingin dan hanya membuat keputusan. Tetapi di sini pandai main sandiwara. Saya boleh memberitahu di sini bahawa Ketua Menteri kita ahli-ahli EXCO kita, bukan begitu. Kalau ada masalah mereka turun ke padang menyiasat dan cuba menyelesaikan masalah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Mohon penjelasan sekejap. Saya tak faham kadang-kadang periuk kata kualiti hitam ka, kualiti kata periuk hitam ka. Saya rasa ahli daripada dari kawasan Seri Delima selalu guna *point of order* menyakitkan hati dan sebagainya. Mungkin ada elemen-elemen yang menyakitkan hati orang-orang tertentu. Mungkin perkara-perkara mempunyai peluang untuk mereka untuk bercakap dengan EXCO berkenaan yang tak ada dalam Dewan dan sebagainya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Autherapady):

YB. Tuan Speaker kalau boleh berbahas dengan Ahli EXCO boleh datang ke mari hingga ke petang esok atau hari isnin pun saya bersedia. Kalau diberi masa(dengan izin).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan. Saya rasa isu ini pertama sekali YB. Tuan Speaker juga telah katakan dalam mahkamah. Yang keduanya, EXCO yang kelmarin bekas EXCO iaitu Ahli Yang Berhormat daripada Telok Bahang telah pun menjelaskan masa itu Yang Berhormat Seri Delima juga berhujah dengan Ahli Yang Berhormat daripada Telok Bahang yang bertanggungjawab mengenai masa itu. Sekarang ni nak bangkitkan lagi ulang-ulang benda yang telah diperjelaskan untuk apa? Semua orang dah mengerti dah. Kita tunggu keputusan kat mahkamah siapa yang main politik? Apakah kerana ada *live telecast* tu di luar nak tunjuk bahawa kita nak bercakap kerana itu, kerana ini saya rasa ini membuang masa kerana esok ni bila dah perjelaskan saja tak mahu faham kemudian bangkitkan dan ulang lagi. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Autherapady):

YB. Tuan Speaker ...(dengan izin). Boleh saya teruskan semua sebelum saya menyambung. Sebagai ADUN dari kawasan Seri Delima saya harus di Dewan yang mulia ini saya ingin mengambil kesempatan untuk dalam perbahasan saya memaklumkan keluhan, rungutan, masalah penduduk kawasan Seri Delima. Itulah salah satu sebab mengapa saya telah berjaya di dalam pilihan raya ini. Disebabkan penduduk di situ begitu tidak berpuas hati dan rasa begitu telah dilepas tangan telah pun dinafikan hak-hak mereka, kawasan mereka telah tinggal 100 tahun yang lalu.

Apa yang cuba saya katakan ini ialah janganlah datang ke sini untuk bermain sandiwara menuduh Kerajaan Pakatan Rakyat mengatakan mereka bahawa tidak buat begitu dan tidak buat begini

dan sebagainya. Alasan saya yang pertama atau kesimpulan pertama saya yang saya telah saya berikan adalah kesanggupan mereka untuk merendahkan diri kepada rakyat. Tanpa menerima

apa-apa penganugerahan darjat merupakan bahawa mereka berjiwa rakyat. Kesimpulan kedua saya turun padang untuk menyelesaikan masalah ini. Yang Berhormat daripada Batu Maung saya harus di sini memberikan setinggi-tinggi penghargaan kepada beliau kerana ketika jentolak masuk ke dalam kawasan Buah Pala untuk menjalankan kerja-kerja merobohkan rumah-rumah ke situ kami telah dapat mencapai satu penyelesaian kepada masalah di situ seketika.

YB. Tuan Speaker:

Boleh kita jangan sentuh. Yang Berhormat jangan sentuh tentang Buah Pala itu lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Autherapady):

Terima kasih YB. Tuan Speaker, saya juga tertarik dengan masalah yang dihadapi oleh kawasan-kawasan lain selain seperti perkampungan Melayu di Tanjung Bunga dan Tanjong Tokong. Mereka juga menghadapi masalah yang sama, nasib yang sama. Dan saya ingin nyatakan di sini berbeza dengan Ahli-ahli Barisan Nasional yang datang ke Dewan yang mulia ini yang berbahas mungkin kerana ada tv dan menunjukkan *live telecast* YAB. Ketua Menteri kita telah turun padang ke kawasan tersebut sejurus selepas beliau dilantik sebagai Ketua Menteri. Hari kedua sudah sampai di situ. Tak tahulah sama ada Barisan Nasional ada lihat atau tidak telah pun disiarkan dalam Berita Harian dan banyak-banyak akhbar yang lain, ini menunjukkan bahawa YAB. Ketua Menteri kita adalah seorang yang turun ke padang dan bukan pandai datang ke Dewan ini dan bukan pandai berbahas-bahas sahaja untuk menunjukkan seolah-olah mereka prihatin tentang masalah tersebut. YB. Tuan Speaker yang dihormati.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan. Yang Berhormat baru jadi wakil rakyat 4 bulan lebih kurang sepertinya sudah lama begitu banyak kerja yang buat. Begitu banyak turun padang baru 4 bulan. Belum pun lagi

menghadapi pilihan raya yang ke-2. Rakyat belum tahu lagi kemampuan dan khidmat Yang Berhormat. Kami dah 3, 5 kali dah. Dan terbukti sebab itu kami boleh pilih 4, 5 kali kerana kami sering

turun ke padang. Jangan kata baru 4 bulan belum apa-apa lagi dah menganggap kata kerja sangat banyak dah. Biar berterus terang, pengalaman 4 bulan itu tak banyak mana pun Yang Berhormat turun ke padang atau juga YAB. Ketua Menteri kalau dah 4, 5 tahun boleh bercakap. Kalau kami tak turun ke padang kami tak menang pilihan raya 4, 5 kali tau. Itu adalah kenyataan rakyat tak akan pilih. Ulang dok kerja dulu kemudian masuk pilihan raya penggal ke-2 uji tengok apakah itu diterima oleh rakyat atau tidak. Baru 4 bulan sabar dulu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Autherapady):

Terima kasih, Penaga kalau perlu tunjuk ajar saya akan mintalah buat masa ini tak perlu. Bagi saya tak perlulah kerana kita dah punyai pemimpin-pemimpin yang lebih berwibawa, pemimpin-pemimpin yang lebih berjiwa rakyat dan berpengalaman dalam Pakatan Rakyat, tak perlulah saya sebut nama seperti Tuan Nik Aziz di Kelantan, dan saya rasa mungkin lebih berpengalaman dari Penaga. Dato' Seri Anwar Ibrahim dari Pakatan Rakyat. Wan Azizah yang mungkin lebih berpengalaman, Karpal Singh dan Lim Kit Siang dari Parti DAP yang lebih berpengalaman dan berprinsip itulah yang utama berprinsip. Itulah sebabnya kita melihat perubahan dalam kerajaan jadi saya rasa tak perlulah mana-mana pemimpin Barisan Nasional datang ke sini untuk berceramah atau memberikan tunjuk ajar cukup, cukuplah, apa yang telah dialami oleh mereka saya berharaplah dengan perkhidmatan yang akan diberikan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat kita akan memastikan berbeza daripada apa yang Penaga katakana supaya Kerajaan Pakatan Rakyat akan pilihan raya yang akan datang akan sapu bersih semua DUN-DUN di kawasan di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Terima kasih YB. Tuan Speaker, Terima kasih. Yang pi sangkut dengan Nik Aziz yang bersangkutan dengan Karpal Singh, bersangkutan dengan Lim Kit Siang ini apa hal? Yang kita bercakap ini

dalam Dewan ini dan saya tidak kata pun menghina yang saya kata tadi ialah baru. Dia buat kerja dan hadapi pilihan raya itu sebagai ujian kita penggal ke-2, ke-3 dan seterusnya. Kalau boleh ambil

semua ambillah. Kalau servis dari Pakatan Rakyat lebih baik siapa pun tak boleh halang. Yang dok nak sangkut orang itu dan orang ini yang ada pengalaman saya pun akui tetapi kami, saya pun boleh sebut pemimpin kebangsaan yang terdiri dari Barisan pun yang ada lebih banyak pengalaman. Tak perlu sebut dan kita sebut tentang masalah di Pulau Pinang itu sahaja. Toksah dok kait dengan orang yang relevan di sini. Soalnya Negeri Pulau Pinang adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sama-sama membangunkan Pulau Pinang. Fokus itu, terima kasih YB. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Autherapady):

YB. Tuan Speaker ...(dengan izin) memohon meneruskan. Di sini juga saya juga ingin mengambil kesempatan untuk membuat permintaan kepada kerajaan baru supaya juga jangan lupa kepada warga-warga Pulau Pinang yang juga kurang upaya. Saya mendapati kemudahan-kemudahan di tempat-tempat awam seperti pejabat-pejabat kerajaan tempat membeli-belah, tempat beriadah tidak ada kemudahan untuk orang-orang kurang upaya. Kalau boleh saya mencadangkan kepada EXCO yang berkenaan supaya dapat mempertingkatkan lagi kerja-kerja supaya perubahan-perubahan ini atau *modifications*(dengan izin), dibuat ditempat-tempat tersebut. Selain daripada itu saya juga memohon supaya semua tempat-tempat atau pun perkhidmatan-perkhidmatan awam seperti bas, teksi, tempat menunggu untuk bas, kemudahan juga disediakan untuk orang-orang yang kurang upaya. Satu lagi isu yang penting adalah berkenaan dengan pekerja-pekerja asing yang terdapat di Pulau Pinang.

Sejak kebelakangan ini saya mendapati semua stesen-stesen Shell ...(dengan izin), malahan tempat-tempat *fast food* ...(dengan izin). Kentucky Fried Chicken, McDonalds dan sebagainya juga pekerja-pekerjanya kebanyakannya adalah pekerja-pekerja warga asing. Tempat-tempat pembinaan di mana projek-projek pembinaan berlaku juga seringkali didiami oleh warganegara asing yang kebanyakan mereka tidak mempunyai permit-permit pekerjaan yang sah. Saya ingin merayu walaupun masalah ini merupakan masalah

yang hanya boleh ditangani oleh Kerajaan Persekutuan, saya percaya Kerajaan Negeri juga boleh memberi sedikit sebanyak perhatian kepada masalah ini, supaya kita dapat mengurangkan lagi

gejala-gejala sosial yang bersangkutan dengan kemasukan pekerja-pekerja asing. Seringkali terdapat rungutan bahawa pekerjaan-pekerjaan yang boleh dibuat oleh warga Pulau Pinang umpamanya seperti bekerja di Stesen Petrol, bekerja sebagai seorang *waiter* atau pun bekerja di mana-mana tempat di cuci kereta dan sebagainya telah diambil alih oleh warganegara asing. Dan keluhannya adalah juga kita tidak memberi perhatian kepada masalah ini seringkali kita mengatakan kerja-kerja itu tidak mahu dibuat oleh warganegara Malaysia atau pun orang-orang tempatan tidak ingin membuat kerja tersebut.

Tuan Yang DiPertua, saya juga ingin di sini membalas kembali kepada apa yang dikatakan oleh atau pun bukan menyerang atau pun serbu, tetapi berbahas bahawa banyak masalah di kawasan Seri Delima yang telah berlaku semasa DUN, Ahli Dewan Undangan Negeri yang dahulu di sini saya ingin juga merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Pegawai Daerah Timur Laut kerana telah menyelesaikan beberapa masalah berkenaan dengan nasib nelayan-nelayan berdekatan dengan Jambatan Pulau Pinang. Kalau YB. Tuan Speaker melalui jalan tersebut, YB. Tuan Speaker akan mendapati bahawa terdapat kerja-kerja pengambilan tanah di mana terdapat projek pembinaan pangsapuri mewah di situ. Projek tersebut telah sedikit sebanyak memberi masalah kepada nelayan di situ, di mana bot-bot nelayan mereka, sampan-sampan nelayan mereka tidak masuk ke kawasan tersebut. Selain daripada itu juga tidak ada jeti yang bersesuaian di sediakan oleh pemaju, saya percaya kawasan tersebut atau pun projek tersebut untuk jeti, untuk bot-bot nelayan di situ datang untuk memunggah barang-barang. Saya berharap bahawa agensi-agensi kerajaan berkenaan walaupun dasarnya satu penyelesaian telah dicapai untuk menempatkan mereka semula di kawasan yang lain, masalah ini akan diberi perhatian dengan segera di samping itu saya juga difahamkan bahawa terdapat segelintir daripada nelayan-nelayan tersebut yang tidak disenaraikan didalam senarai nelayan-nelayan yang sepatutnya menerima pampasan.

YB. Tuan Speaker yang dihormati, saya juga diminta merayu kepada badan kerajaan yang berkenaan, supaya menyediakan satu

kawasan untuk peniaga-peniaga di kawasan Taman Tun Sardon yang adalah dibawah kawasan DUN saya, untuk mereka menjalankan aktiviti pasar Ramadan dengan lebih selesa lagi. Buat

masa ini saya difahamkan bahawa pasar Ramadan selalunya disediakan di hadapan atau bersebelahan dengan Jalan Gelugor. Saya minta supaya Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan juga pihak-pihak berkenaan supaya menyediakan tempat di mana aktiviti Pasar Ramadan ini boleh diperluaskan kerana sejak kebelakangan ini saya difahamkan lebih banyak peniaga-peniaga di kawasan tersebut yang ingin berkecimpung dalam pasar Ramadan pada bulan Ramadan.

Tuan Yang DiPertua, saya juga tertarik dengan hujahan oleh YB. Pinang Tunggal, tapi dia tidak ada di sini buat masa sekarang, mungkin diluar, yang mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah sediakan semua yang perlu, yang telah menyatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang diterajui oleh UMNO dan parti-parti komponen yang lain tapi saya ingin bertanya kepada beliau pernahkah kita mendengar insiden-insiden kuil dipecah di Kelantan? Tidak, Kerajaan Pas malah telah menyediakan tanah yang begitu luas untuk Kuil Hindu didirikan. Telah juga menyediakan tanah yang begitu luas untuk kuil Buddha didirikan tapi Kerajaan Barisan Nasional yang dilaung-laungkan oleh ahli Pinang Tunggal itu umpamanya di kawasan di Selangor dahulu dibawah Menteri Besar Khir Toyo, kita telah mendapati bahawa terdapat banyak insiden-insiden berkenaan dengan pemecahan-pemecahan kuil-kuil di situ...(gangguan).

Ahli kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

YB. mohon laluan, YB. Tuan Speaker, itulah kadang-kadang kita tengok yang buruk di Selangor umpamanya, pernahkah YB. daripada Seri Delima bertanya daripada Pejabat Daerah SPT, DO dahulu ada tak YB. daripada UMNO menahan supaya jangan diruntuhkan kuil di Kampung Seberang Perai dalam DUN Seberang Jaya? Bermakna YB. daripada UMNO bertanggungjawab juga. *Fight* apa nama itu, *backhoe* datang nak ambil tindakan. Kita buat surat minta tolong rayu ini kuil orang Hindu kita hormatlah diorang punya agama dan sebagainya. Jadi kita seimbanglah, janganlah tuduh-tuduh *mistake* satu dua orang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Saya difahamkan ketika insiden itu, Ahli Parlimen Bukit Mertajam Puan Chong Eng sebenarnya berada di situ untuk memberhentikan, *backhoe* dan disebabkan penglibatan beliau lah, *backhoe* dan pecahan kuil tersebut tidak berlaku, walau bagaimanapun saya ingin...(gangguan).

Ahli kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya kena mencelah balik, sebab kalau kita tengok dalam situ surat rasmi daripada saya, telefon yang saya buat pada D.O daripada saya, ini yang keadaannya

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

YB. Tuan Speaker yang dihormati, saya terpaksa menyimpang sedikit untuk isu-isu ini kerana saya yakin bahawa rakyat Pulau Pinang tidak akan terpengaruh lagi dengan sandiwara Barisan Nasional, saya gunakan istilah Barisan Nasional kerana sejak 50 tahun mereka diperintah, kita diperintah di Pulau Pinang, kita mendapati bahawa terdapat berbagai masalah di Pulau Pinang dan seperti yang saya katakan tadi masalah-masalah ini semuanya diwarisi oleh kita kerana pendekatan yang digunakan oleh Barisan Nasional dalam *development*(dengan izin) bukanlah satu *constructive development*(dengan izin) satu pembangunan yang terkawal.

Di sini, memang ada pembangunan-pembangunan yang dicadangkan, pembangunan-pembangunan tersebut akan berlangsung, tetapi Kerajaan Pakatan Rakyat akan menghalusi, memastikan bahawa pembangunan-pembangunan tersebut tidak akan menjejaskan hak rakyat yang tinggal di kawasan-kawasan tertentu. Saya minta maaf YB. Tuan Speaker walaupun ditegur, saya terpaksa balik kepada Buah Pala.

YB. Tuan Speaker:

Saya dah ingatkan Buah Pala tak boleh lagi dah, tak boleh lagi dah. Dan YB. Seri Delima, dah lebih daripada 20 minit.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Belum mula lagi YB. Tuan Speaker, dah tunggu 3 hari dah.

YB. Tuan Speaker:

Lagi 5 minit lagi lah, boleh lah. Kita ada satu lagi... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

10 Minit YB. Tuan Speaker, *please, thank you very much*. YB. Tuan Speaker nampak *handsome* juga hari ini...banyak *handsome* ini kali pertama puji ni, pasal YB. Penaga puji dapat 10 minit, saya puji sekali bagilah sampai pukul 5.

YB. Tuan Speaker:

Teruskan, teruskan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

YB. Tuan Speaker ...(dengan izin), saya ingin menyatakan di sini bahawa masalah-masalah yang kita warisi adalah masalah-masalah yang telah disebabkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini, dan kita harus diberi masa, Kerajaan baru harus diberi masa untuk memperbetulkan semua masalah ini, masa untuk menyeragamkan dan juga memperbetulkan semua kesilapan-kesilapan yang telah berlaku. Satu kesimpulan yang telah atau pun sedang berlaku umpamanya penggunaan-penggunaan jalan-jalan protokol seperti di Feri dan Jambatan Pulau Pinang. Saya mendapati bahawa terdapat ahli-ahli dan kakitangan rendah Penang *Port Sdn Bhd* ...(dengan izin), yang menggunakan kawasan atau *Lane Protocol* ...(dengan izin), semasa *peak hours* ...(dengan izin), dan ini melewatkan ahli-ahli lain terutamanya Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri atau pun kakitangan kerajaan yang lebih tinggi jawatan

mereka untuk datang bekerja tepat pada waktunya. Saya cuma ingin dengarkan...(gangguan).

Ahli kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Mohon laluan sikit, YB. Tuan Speaker, sebenarnya dalam protokol itu atas ehsan Penang Port. Dia bagi peluang juga Yang Berhormat-Yang Berhormat, *special rights*, keutamaan. Dan dia bagi juga peluang kepada pekerja-pekerja dia mungkin sebagai pakej insentif tersebut untuk pekerja tersebut. Bagilah peluang juga mereka pun nak mengejar rushing hour juga.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

YB. Tuan Speaker ...(dengan izin), saya akan menjawab perkara itu seketika nanti, tapi saya ingin rendah diri menegur di sini bahawa beberapa perkara-perkara kecil sebeginilah harus kita perbetulkan di sini juga saya ingin mengatakan bahawa *mind set* fikiran yang harus kita tukar kalau kita perlu mencapai wawasan Kerajaan Pakatan Rakyat dalam masa 5 tahun lagi, perkara-perkara kecil sebegini semuanya harus ditukar. Walaupun ianya adalah perkara yang kecil, tapi perkara ini perkara yang boleh menyebabkan berbagai-bagai masalah lagi, seperti penggunaan penyalahgunaan *lane-lane protocol* oleh pihak-pihak lain dan saya percaya kalau *lane-lane protocol* ini ...(dengan izin) hendak digunakan oleh Ambulan-ambulan yang sedang membawa pesakit-pesakit daripada Seberang Perai ke Pulau Pinang...(gangguan).

Ahli kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sikit sahaja penjelasan, yang tadi itu saya rasa masih tak pentinglah, yang penting kalau nak ceritakan nak masuk ke keutamaan, jalan masuk itu kadang-kadang, yang itu yang jem kadang-kadang panjang dia pergi sampai 40 minit setengah jam. Yang itu *important subject* kalau boleh tolong bantu YB. Seri Delima bawakan bagaimanakah nak menyelesaikan agar ada satu *lane* khas. Jadi *ambulance* ke, bomba ke yang *urgent* boleh masuk ikut situ dan terus boleh bagi keutamaan. Kalau tidak kalau ada pun keutamaan kalau yang ini tidak di *solve* kan, *bigger problem*, tak

guna juga. Minta YB. Sri Delima bawakan supaya EXCO boleh bantu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Terima kasih YB. Tuan Speaker. YB. Tuan Speaker ... (dengan izin) ini adalah masalah-masalah seperti yang telah saya katakan tadi kita harus memberi perhatian, selain daripada itu masalah lalu lintas di Seri Delima khususnya adalah perkara yang menjadi begitu kritikal, di kawasan tersebut saya mendapati kenderaan yang lalu lintas di jalan tersebut telah meningkat sejak kebelakangan ini dan terdapat permintaan-permintaan daripada rakyat di situ untuk menukar jalan di situ kepada *one way traffic* ... (dengan izin). Selain daripada itu, saya ingin juga minta kerajaan baru supaya menghalusi sesuatu *plan* pembangunan kalau terdapat plan untuk mendirikan rumah pangsapuri dan *apartment* ... (dengan izin), pangsapuri mewah, kita haru pastikan bahawa dapat cukup tempat untuk semua pembeli-pembeli dikawasan tersebut untuk meletakkan kereta di dalam kawasan tersebut. Atau pun pihak pemaju disarankan supaya dalam projek tersebut, menghadkan atau pun mengasingkan kawasan lapang supaya kenderaan-kenderaan itu boleh lah diletakkan di dalam kawasan-kawasan tersebut. Di kawasan Suite 5 dan di Pulau Pinang secara amnya, saya mendapati bahawa seseorang penduduk yang tinggal di sebuah pangsapuri hanya boleh meletakkan satu kenderaan saja dalam pangsapuri tersebut dan kenderaan kedua kepunyaannya itu diletakkan di luar. Ini seringkali menyebabkan banyak masalah terutamanya ia juga menyebabkan kecurian, kemalangan yang tidak diingini berlaku. Seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Dato' Keramat, KOMTAR, ia juga boleh melewati kesampaian ambulans dan juga bomba kepada satu tempat pada waktu-waktu kecemasan.

YB. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Seri Delima, kita ayat akhir.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

YB. Tuan Speaker, saya dah tunggu lama, tiga hari ni. Minta maaf.

YB. Tuan Speaker:

Ayat akhir, okay. Mungkin satu *point* akhir.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Neghaji Ayer a/ Rajaji):

Sampai pukul lima tak boleh YB. Tuan Speaker, sampai pukul lima. Mungkin.

YB. Tuan Speaker:

Kita ada satu lagi. Kita tak boleh sambung dah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Neghaji Ayer a/ Rajaji):

YB. Tuan Speaker ...(dengan izin), saya ingin juga nak menyatakan di sini bahawa istilah 'ciciwi' yang digunakan oleh Yang Berhormat tadi, Telok Ayer Tawar, bahawa kita seronok-seronok menggunakan *standing order*, minta maaf mungkin ini adalah satu perkara yang telah saya begitu, *used to*, kerana sebagai pengamal undang-undang. Tapi ini bukanlah satu perkara yang kita seronok-seronok saja, di Dewan yang mulia ini, kita harus membahaskan perkara-perkara yang begitu relevan kepada masyarakat majmuk di Pulau Pinang. Kita bukan saja bermain-main politik, atau pun sengaja cuba-cuba menggunakan peraturan-peraturan tersebut. Kalau begitu, mengapakah kita mempunyai peraturan. Peraturan ini adalah untuk memastikan bahawa prosiding dalam Dewan ini berjalan dengan lancar. Penaga telah mengatakan, Yang Berhormat Penaga, dia telah keluar, beberapa kali telah menyatakan hari pertama, apa ini *market* ka? Ini bukan *market*. Ini memang sah bukan *market*. Sebab itulah kita mempunyai peraturan untuk pastikan bahawa perbahasan dan apa-apa soalan dan usul yang dikemukakan adalah mematuhi kepada peruntukan-peruntukan *standing orders*(dengan izin). Tuan Speaker yang saya hormati sekalian, yang saya begitu hormati sekalian,

YB. Tuan Speaker:

Habis dah, habis dah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Neghaji Ayer a/l Rajaji):

Sat Tuan Speaker, satu minit lagi.

YB. Tuan Speaker:

Habis dah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Neghaji Ayer a/l Rajaji):

Nak gulung, nak gulung, nak gulung, *last topic*.

YB. Tuan Speaker:

Ayat akhir saja. Saya bagi satu ayat saja.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Neghaji Ayer a/l Rajaji):

Saya di sini ingin meminta supaya semua kakitangan-kakitangan kerajaan memberi kerjasama penuh kepada Ahli-ahli EXCO dan saya juga akan memberi kerjasama penuh saya sebagai ADUN kawasan Seri Delima untuk memastikan nasib semua rakyat di Seri Delima itu di jamin dan juga di bela tanpa mengira bangsa, tanpa mengira agama dan juga pandangan politik mereka. Akhri sekali, Tuan Speaker, saya mengambil kesempatan ini, untuk memberikan satu komitmen, komitmen saya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Seri Delima dan saya berbangga telah di beri amanat ini oleh Kerajaan Pakatan Rakyat, untuk pastikan bahawa Pakatan Rakyat terus berjaya dan memimpin, menerajui Kerajaan Pulau Pinang, kalau boleh seratus tahun lagi akan datang. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong usul ini

YB. Tuan Speaker:

Terima kasih Seri Delima. Ada lagi pembahas.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Puan Hajah Zabariah binti Wahab):

Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, tak dak di sini, takpalah. Yang Berhormat-Yang Berhormat, pegawai-pegawai, ketua jabatan-ketua jabatan, tuan-tuan dan puan-puan di dalam dan di luar Dewan, terima kasih. Nampaknya saya yang akhir sekali, walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan usul. Terima kasih ucapan TYT Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abas di atas kesediaannya merasmikan mesyuarat kedua penggal pertama Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada Isnin lalu 21 Julai 2008. YB. Tuan Speaker, mungkin belum terlewat untuk saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada YB. Tuan Speaker kerana di beri kepercayaan menduduki kerusi tertinggi di dalam Dewan yang mulia ini, sebagai Speaker, tahniah sekali lagi.

YB. Tuan Speaker:

Okay, terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Puan Hajah Zabariah binti Wahab):

Juga saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada YAB. Ketua Menteri kerana di beri kepercayaan rakyat Pulau Pinang untuk mentadbir negeri ini dalam tempoh lima tahun akan datang. Dan tahniah kepada semua wakil-wakil rakyat dari kerajaan dan juga semua wakil-wakil rakyat dari parti pembangkang kerana memenangi pilihan raya yang lepas, termasuk saya juga, walaupun orang lama tetapi baru, pertama kali. YB. Tuan Speaker, di harap amanah ini dapat dipikul dan dilaksanakan dengan baik dan cemerlang. Apa yang saya harapkan semua, perancangan dan pembangunan yang bakal dilaksanakan kelak akan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat tanpa ada golongan yang terpinggir. Saya juga berharap, projek pembangunan akan diagihkan sama-rata semua daerah dan kampung dan tidak hanya tertumpu di

sesuatu kawasan. Banyak yang saya terpaksa potong, sebab saya yang *last* sekali. Yang mana dah sebut, saya potong-potonglah.

YB. Tuan Speaker, mutu bekalan air paip yang dibekalkan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. kadang-kadang nampaknya kurang memuaskan hati pengguna kerana sering mengalami gangguan akibat paip pecah, akibat kerja-kerja pengorekkan jalan. Ini mendapat *complaint* daripada pengguna-pengguna, iaitu mutu air juga kurang memuaskan kerana kadang-kadang berwarna merah atau berkarat sama ada pada masa musim kemarau atau pun pada masa hujan lebat. Masalah ini saya harap dapat diatasi supaya dapat memuaskan pengguna-pengguna kita. Saya juga ingin mencadangkan agar PBAPP, memberi insentif kepada orang ramai yang memberi maklumat atau membuat laporan mengenai kebocoran paip yang berlaku. Dengan ini secara tidak langsung akan memberi galakan kepada orang ramai untuk menyalurkan maklumat berkenaan kepada PBAPP dengan segera. Dan ini juga dapat mengelakkan pembaziran dan menjimatkan air yang tidak dapat digunakan. Adalah lebih baik rebat ini diberi daripada kita mengalami kerugian air.

YB. Tuan Speaker, golongan belia adalah pelapis kepada kepimpinan negara di masa akan datang. Oleh itu mereka perlu di beri ilmu pengetahuan, pendedahan, kemahiran dan pengalaman yang mencukupi bagi pelbagai bidang agar lebih sedia menghadapi pelbagai cabaran yang lebih hebat pada masa akan datang. Sehubungan itu, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri membuka lebih banyak pusat latihan dan kemahiran untuk menampung permintaan yang semakin meningkat terutama di kawasan pinggir atau luar bandar. Pusat-pusat latihan yang sedia ada pada masa ini, mungkin tidak mencukupi. Memang tidak dapat dinafikan, kita di Pulau Pinang ini mempunyai banyak pusat latihan seperti Pusat Latihan Perda di Bukit Panchur, Kolej Komuniti dan Pusat Giat Mara seperti yang telah di sebut oleh TYT Yang Di Pertua Negeri dalam ucapannya. Oleh itu Kerajaan Negeri, perlu sama-sama mengambil tanggungjawab melaksanakan agenda untuk memperkasakan pembangunan golongan belia ini. Jika perlu, kerajaan boleh negeri, Kerajaan Negeri boleh menawarkan bantuan kewangan untuk membiayai tempoh mereka, tempoh latihan kepada mereka ini kerana sebahagian besar keluarga mereka tidak mampu untuk menanggung kos pembelajaran atau latihan mereka yang mengambil masa untuk beberapa tahun. Saya juga ingin mendapat

penjelasan berkenaan pelan tindakan untuk wanita Pulau Pinang dan bilakah dapat dimulakan perlaksanaannya?

YB. Tuan Speaker, golongan wanita yang menghadapi penyakit kronik seperti kanser payudara, kanser pangkal rahim dan hepatitis B, serta penyakit terus meningkat dan kadang-kadang ia hanya dapat dikesan pada peringkat yang serius. Ini kerana kebanyakannya tidak menyedari bahawa mereka menghadapi penyakit itu kerana tidak mengalami apa-apa tanda atau *symptom*. Keadaan ini banyak berlaku kepada wanita terutama yang berada di kawasan luar bandar kerana kurang pendedahan dan pengetahuan. Saya khuatir, keadaan ini jika berterusan akan menyebabkan ramai golongan wanita terutama ibu atau isteri yang akan meninggal dunia kerana tidak mendapat rawatan yang berkesan.

Oleh itu saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri dapat bekerjasama dengan pihak perubatan, hospital swasta, dan badan bukan kerajaan untuk sama-sama membantu menjayakan program pemeriksaan kesihatan yang lebih menyeluruh kepada golongan wanita di kawasan luar bandar dan bandar juga secara berterusan atau berkala. Kadang-kadang penduduk luar bandar tidak mampu untuk mendapat pemeriksaan kesihatan kerana kos yang tinggi. Memang tidak dapat dinafikan hospital kerajaan boleh menyediakan kemudahan ini secara percuma dengan kos yang minimum. Tetapi bilangan pesakit yang ramai menyebabkan tempoh menunggu atau temujanji dengan Doktor Pakar mengambil masa berbulan-bulan. Ini turut menjadi faktor membantutkan hasrat seorang pesakit untuk mendapatkan pemeriksaan atau pun rawatan awal. Kepada yang mampu bolehlah mereka ke hospital swasta. Contohnya, kalau nak bedah mata pun kadang-kadang, dia tunggu jugak sampai berbulan-bulan baru dapat periksa. Jadi kalau ada duit kita boleh pi kat swasta. Jadi, saya yakin di kawasan ini boleh dipikul oleh Kerajaan Negeri dan NGO mampu mengurangkan kadar pesakit kronik dikalangan golongan wanita terutama di kawasan luar bandar. Langkah terdesak yang diambil, Tuan Speaker, minta maaf, Yang Berhormat Tuan Speaker. Golongan ibu tunggal juga makin meningkat di negeri ini, akibat penceraian atau suami meninggal. Kadang-kadang ibu tunggal terumbang-ambing kerana hilang tempat bergantung atau sumber pendapatan. Ini kerana mereka tidak pernah bekerja dan hanya menjadi surirumah. Ini yang menyedihkan. Kadang-kadang mereka terpaksa mengambil langkah.

YB. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Bertam, saya ada satu pengumuman. Masa persidangan kita 9.30 hingga 5 petang. Bagaimanapun, di bawah kuasa Speaker yang diberikan di bawah Peraturan 6A (3), kita boleh lanjutkan sampai 5.15. Jadi kerana Yang Berhormat saya nampak bersemangat, so, kita teruskan lagi 15 minit.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Puan Hajah Zabariah binti Wahab):

Terima kasih YB. Tuan Speker... (gangguan). Nanti sat jangan bagi laluan dulu. Duduk dulu. Bagi saya habiskan dulu. Masa itu emas. Tunggu sat dulu. Oleh itu, ibu-ibu terpaksa mengambil langkah menyuruh anak-anak berhenti sekolah dan mencari pekerjaan untuk mendapat sesuap nasi untuk keluarga. Cuba bayangkan anak-anak awal belasan tahun bekerja. Apa yang mampu dilakukannya. Melainkan kerja-kerja ringan yang hanya menjanjikan sedikit ganjaran iaitu dalam lingkungan RM5 atau RM10. Inipun saya percepat ni, express, dok hambat masa, you jangan kacau. Masalah seperti ini harus, tidak harus dibiarkan. Anak terpaksa berhenti sekolah kerana kemiskinan keluarga. Untuk itu saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri dapat menyediakan peluang latihan untuk meningkatkan kemahiran ibu-ibu tunggal agar mereka dapat berdikari untuk terus menyara kehidupan keluarga.

Pihak Berkuasa tempatan (PBT) iaitu MPPP atau pun MPSP boleh menyediakan gerai-gerai perniagaan di tempat-tempat yang sesuai untuk dihuni oleh golongan ibu tunggal, diberikan kepada mereka. Usaha membantu golongan ibu tunggal memang sudah dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan melalui jabatan dan agensinya. Tetapi usaha ini mungkin tidak begitu menyeluruh kerana Kerajaan Persekutuan terpaksa mengagihkan peruntukan kepada semua kawasan di seluruh negara dan tidak hanya kepada Pulau Pinang sahaja. Saya yakin dengan usaha tambahan dari Kerajaan Negeri, nasib ibu tunggal akan terbela. Kalau nak tambah lagi pun boleh.

YB. Tuan Speaker, nasib penduduk termiskin juga terjejas dengan keadaan semasa ekonomi yang berlaku di negara ini.

Dengan harga barang yang meningkat, kuasa beli mereka juga terjejas dengan kadar pendapatan mereka yang tidak meningkat.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri boleh mengkaji semula kadar atau tarif penduduk termiskin atau kemiskinan tegar dan miskin. Kadar yang diguna pakai sekarang ialah kalau tak silap saya ialah RM400.00 lebih atau yang termiskin, RM600.00 lebih untuk yang miskin, adalah kurang sesuai kerana tidak mencerminkan keadaan sebenar.

Memang kadar ini yang ditetapkan di peringkat kebangsaan tetapi saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri melihat semula kadar ini dan meningkatkan kadarnya agar nasib golongan ini terus terbela sejajar dengan slogan Pulau Pinang “sentiasa di depan” atau ...(dengan izin), *Penang Lead*. Dengan kadar sekarang ini, apa yang boleh dilakukan oleh sesebuah keluarga, kejadian menjadi lebih parah jika mereka mempunyai beberapa anak yang masih bersekolah untuk menjamin kehidupan yang lebih selesa. Saya mohon kerajaan member perhatian serius kepada masalah ini dengan segera, kalau boleh.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin mencadangkan lebih banyak program atau aktiviti diadakan untuk golongan wanita. Mereka perlu dilibatkan dalam pelbagai aktiviti agar mendapat lebih banyak kemahiran dan pengetahuan yang kemudian boleh digunakan untuk keluarga, kampung dan organisasi masing-masing. Saya dapati masih kurang program yang diadakan khusus dengan penglibatan golongan wanita. Kita harus ingat bahawa bilangan penduduk wanita lebih banyak berbanding dengan penduduk lelaki di negara ini dan wanitalah banyak-banyak menyumbang kepada negara...(gangguan). Begitu juga dengan pelbagai program yang diadakan selama ini. Begitu juga berjaya dengan sokongan dan bantuan golongan wanita. Contohnya pilihanraya pun cukup. Betul tak? Jadi peranan mereka janganlah dipandang remeh atau diketepikan begitu sahaja. Jika diberi peluang, wanita mampu melakukan apa sahaja dan setanding dengan golongan lelaki. Sehubungan itu, saya mohon agar kerajaan memberi perhatian dengan memberi lebih banyak peluang kepada golongan wanita dalam semua bidang termasuk samada pekerjaan, aktiviti atau pun bantuan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi

peluang kepada saya untuk bangun dan mengambil bahagian walaupun terakhir sekali. Terima kasih Tuan Speaker. Saya mohon menyokong. Wassalam.

YB. Tuan Speaker:

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Bertam. Ahli-ahli yang terhormat. Masa untuk perbahasan telah tamat...(gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (YB. Tuan Ng Wei Aik):

YB. Tuan Speaker. Saya ingin mencadangkan satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat: 34(ix), di mana seorang Ahli Dewan Undangan negeri tidak menjalankan tugasnya dengan baik dengan tidak mengemukakan sebarang soalan lisan dan sebarang soalan untuk jawapan bertulis, dan lagi pun pada hari ini Ahli Yang Berhormat bagi Bayan Lepas tidak menyertai perbahasan terhadap usul berterima kasih kepada TYT. Inilah cadangan saya.

Ahli kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya difahamkan dia demam, YB. Tuan Speaker.

YB. Tuan Speaker:

Saya tidak dimaklumkan.

Ahli kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Mungkin tak sempat kut.

Ahli Kawasan Komtar (YB. Tuan Ng Wei Aik):

Dia tidak memohon cuti daripada Dewan Undangan negeri ini. Ada pencadang tak. Saya pencadang, ada penyokong tak...(gangguan).

Saya memohon supaya dia boleh menyertai perbahasan pada keesokan hari.okay...(gangguan).

YB. Tuan Speaker:

Saya berharap Ahli Yang Berhormat kalau tak dapat hadir, memang kena beritahu.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

YB. Tuan Speaker, memang tak dapat hadir patut beritahu tetapi waktu yang lepas, kita ada sambung lagi mesyuarat minggu depan. Minggu depan dia datang dia boleh berbahas kerana hari ini kita pun dah habis dah masa.

YB. Tuan Speaker:

Masa tu, perasan dah tamat. Saya dah tamat. Saya dah umumkan dah. Saya nak umumkan mulai hari isnin kita akan teruskan dengan penggulungan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Sebelum gulung, boleh berbahas lagi...(gangguan).

YB. Tuan Speaker:

Saya nak umumkan. Ahli Yang Berhormat tak memberitahu sebab dan jadi kita akan meneruskan dengan penggulungan.... (gangguan). Saya tutup kat situ lah. Kita tamatkan. Sebab saya dah umumkan masa untuk perbahasan telah pun tamat hari ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Tuan Speaker ...(dengan izin) saya ingin menarik perhatian di sini. Kita harus member penghormatan yang sepatutnya kepada YB. Tuan Speaker dan kalau Ahli Ketua Pembangkang telah mengetahui ketiadaan Yang Berhormat Bayan Lepas, sepatutnya pada permulaan pagi tadi semasa prosiding, perkara ini telah dimaklumkan, kerana beliau adalah Ketua Pembangkang. Beliau harus mengambil tanggungjawab untuk memimpin barisan pembangkang beliau. Kalau beliau sendiri tak tahu perkara ini dibangkitkan barulah beliau terkejar-kejar nak makluman bahawa dia sakit dan sebagainya. Saya rasa itu menunjukkan sikap tidak menghormati...(gangguan).

YB. Tuan Speaker:

Tak apalah kita selesaikan dengan baik, jadi ...(gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (YB. Tuan Ng Wei Aik):

Tuan Speaker, walaupun Isnin pagi 9.30 pagi ditetapkan sebagai waktu untuk penangguhan. Tetapi selagi ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum menyertai perbahasan, saya minta saya mohon YB. Tuan Speaker mengizinkannya supaya semua orang dapat menyertai perbahasan.

YB. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Komtar tadi membuat usul untuk itu, sekarang membuat usul untuk buka balik. Perasan...(gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (YB. Tuan Ng Wei Aik):

YB. Tuan Speaker. Usul ini akan dicadang jikalau Ahli Yang Berhormat Bayan Lepas tu memang tidak hadir dengan sengaja, tidak menjalankan tugasnya dengan sengaja jadi usul saya akan dicadangkan. Tapi jikalau dengan sebab-sebab yang tertentu mungkin deman sebab-sebab yang tertentu saya berasa ini akan diizinkan supaya beliau dapat menyertai perbahasan pada hari isnin.

YB. Tuan Speaker:

Terima kasih Komtar. Okay, saya nak buat ketetapan di sini. Saya nak tanya Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat sini merasa kalau kita boleh beri peluang sekali lagi *then*, saya akan buka sekali lagi untuk Yang Berhormat atas sebab-sebab tertentu. Tapi perlu dimaklumkan Ahli Yang Berhormat Bayan Lepas, saya tidak terima apa-apa notis, apa-apa pemberitahuan tentang sebab ktida hadiran pada hari ini.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya benda ni serah kepada YB. Tuan Speaker. Kalau Tuan Speaker kata dia tak boleh berucap, ok. Jangan bagi dia berucap, jalankan seperti yang dikendaki dalam peraturan dan perjalanan mesyuarat. *No problem*. Tak apa kalau dia tak berucap pun pada esok harinya atau pun hari *Monday*... (gangguan).

YB. Tuan Speaker:

Jadi kita dah putuskan tadi kita bagi peluang sekali lagi. Jadi hari Isnin saya akan buka kerana ada seorang saja lagi. Mungkin atas sebab-sebab tertentu. Saya bagi peluang, saya cukup *flexible*. Cukup *flexible* di sini. Cuma tadi sebab Ahli Yang Berhormat tak hadir. Bila tak hadir saya kira mungkin tak berminat...(gangguan).

Ahli kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sikit saja Tuan Speaker. Seri Delima tak hadir setengah hari pun kita tak kacau. Setengah hari. Satu hari, sehari tak hadir sehari juga, tak dibawa usul. *Monday* noh ada terima surat, tak dok jugak... (gangguan).

YB. Tuan Speaker:

Ya. Dia bagi tahu saya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Ya, saya dimaklumkan Tuan Speaker. Ada maklumkan. YB. Seberang Jaya kena *check* dia punya fax dulu sebelum buat apa-apa pernyataan. Itu saya dah maklumkan dulu. Dan kalau diberi tugas untuk datang berbahas saya tak dapat hadir, itu masalahnya. Di sini kalau saya tak hadir waktu berbahas itu adalah satu kesalahan dan tindakan boleh diambil...(gangguan).

YB. Tuan Speaker:

Delima duduk. Kita dah nak habis dah. Jadi buat apalah. Jam 5.15 kita nak habis, jadi Dewan ditangguhkan ke hari isnin 28 Julai 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.15 petang.